

**KEBERKESANAN KAEDAH HAFAZAN  
DI PUSAT TAHFIZ**

**PENYELIDIK-PENYELIDIK:**  
**USTAZ ABDUL HAFIZ BIN HAJI ABDULLAH**  
**PROF. MADYA AJMAIN BIN SAFAR**  
**USTAZ MOHD ISMAIL BIN MUSTARI**  
**USTAZ AZHAR BIN MUHAMMAD**  
**USTAZ IDRIS BIN ISMAIL**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
2003**

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini adalah gerakkerja secara berpasukan. Kami berterima kasih kepada semua ma'ahad-ma'ahad tahniz khasnya Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Selangor, Johor Banting, Institut Tahfiz al-Qur'an Negeri Sembilan dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran Pulai Chondong, Kelantan.

Di peringkat kutipan data, kami berterima kasih kerana telah mendapat kerjasama, bantuan, serta pandangan daripada pengetua-pengetua ma'ahad tahniz khasnya kepada Y. Bhg. Ustaz Md. Sahari Bin Abdullah (pengetua Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Selangor), Y. Bhg. Ustaz Md. Ali Bin Tajib (pengetua Institut Tahfiz al-Qur'an Negeri Sembilan), Y. Bhg. Ustaz Nasir Bin Mohammed Hasbullah (pengetua Maahad Tahfiz al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan), penyelia-penyelia dan guru-guru tahniz al-Quran serta pelajar-pelajar tahniz di ma'ahad-ma'ahad tahniz yang terlibat dalam memberikan maklumat yang diperlukan secara terperinci.

Penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia dan pensyarah-pensyarah Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial yang banyak memberi sokongan moral, material dan teknikal dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Diharap usaha berkumpulan ini telah memberikan banyak pengetahuan dan pengalaman kepada pegawai-pegawai penyelidik dan pembantu-pembantu pegawai penyelidik kajian ini. Terima kasih juga disampaikan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses kajian dan dokumentasi laporan akhir ini.

**Penyelidik :**

Ustaz Abdul Hafiz bin Haji Abdullah (Ketua)  
 Prof. Madya Ajmain bin Safar  
 Ustaz Mohd Ismail bin Mustari  
 Ustaz Azhar bin Muhammad  
 Ustaz Idris bin Ismail

Disember 2003,  
 Skudai, Johor.

Segala pertanyaan boleh di alamatkan kepada:  
 Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial, UTM,  
 Tel: 07 5535046  
 Email : [abhfiz@utm.my](mailto:abhfiz@utm.my)

## ABSTRAK

(Kata kunci: kaedah hafazan, keberkesanannya)

Pendidikan al-Quran merupakan suatu cabang ilmu yang fundamental kepada umat Islam. Ia meliputi pengajian dan pendidikan bacaan (*qira'at*), kaedah-kaedah hafazan, pengkajian penterjemahan dan tafsir, pengkajian hukum-hukum dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, kajian ini cuba memberikan fokus utama kepada kaedah hafazan al-Quran dan keberkesanannya. Kajian ini juga cuba memaparkan sejarah dan perkembangan pembelajaran kaedah hafazan, hukum-hukumnya serta kepentingan dan kebaikan menghafaz al-Quran berdasarkan sumber-sumber dari ayat-ayat al-Quran dan as-Sunnah. Kajian ini juga menyentuh beberapa aspek perbandingan di antara pendidikan tahfiz moden dan tradisional di Malaysia seperti dari kacamata pendidikan, infrastruktur, lokasi, perhubungan, pentadbiran, syarat kemasukan, peperiksaan dan persijilan, serta pengiktirafan para lulusan tahfiz dari institusi awam maupun swasta. Penyelidikan ini juga cuba meneltiti kaedah-kaedah hafazan baru (*dars jadid*) serta kaedah mengekalkan hafazan (*sabiq*) dan kaedah mengulang bacaan iaitu (*taqrir/muraja'ah*). Data-data yang diperolehi seperti: latarbelakang para pelajar, pendapat para pelajar tahfiz, pendapat para guru tahfiz mengenai masalah, faktor yang mempengaruhi daya hafazan dan pengekalan hafazan serta kaedah yang paling berlkesan untuk melaksanakan hafazan; kesemuanya dianalisis secara terperinci. Hasil penelitian ini diharap dapat melahirkan satu modul pengajaran dan pembelajaran kaedah hafazan yang sistematis dan berkesan dan seterusnya melahirkan institusi tahfiz al-Quran yang tersusun dan moden. Ini akhirnya akan melahirkan lebih ramai hafiz dan hafizah yang berkualiti dan berwibawa.

### Penyelidik :

Ustaz Abdul Hafiz bin Haji Abdullah (Ketua)

Prof. Madya Ajmain bin Safar

Ustaz Mohd Ismail bin Mustari

Ustaz Azhar bin Muhammad

Ustaz Idris bin Ismail

Email : [abhfiz@utm.my](mailto:abhfiz@utm.my)

Tel : 07-5535046

Vot : 71871

## ABSTRACT

(Keyword : techniques of memorizing, effectiveness)

The al-Quran or Quranic education is a fundamental division of knowledge for muslims. It covers the learning of reading and pronunciation (*qira'at*), memorization, the study of meanings and legislation and others. In this light, this study focusses in the techniques of memorizing the al-Quran and the effectiveness of the various techniques. Therefore it tries to discover the history and development of the learning of memorization techniques, its regulation, the importance as well as benefits according to the al-Quran and as-Sunnah. The study tries to compare the modern and traditional techniques of memorization used in Malaysia in the perspectives of learning process, infrastructure, location, communication, administration, enrolment, examination and certification as well as recognition for hafiz graduates both from public as well as private tahfiz institution. The effectiveness of the techniques such as the newly memorized (*dars jadid*), the sustain of memorization (*sabiq*) and repetition drills (*taqrir/muraja'ah*). Data was gathered from tahfiz students and teachers of the most effective technique and factors influencing students memory. It is hoped that results will help to build a module which will promote to the systematic and effective teaching of the tahfiz, both modern and methodical. This will encourage to the production of a quality and competent generation of hafiz and hafizah.

### Key Researchers :

Ustaz Abdul Hafiz bin Haji Abdullah (Head)

Prof. Madya Ajmain bin Safar

Ustaz Mohd Ismail bin Mustari

Ustaz Azhar bin Muhammad

Ustaz Idris bin Ismail

Email : [abhafiz@utm.my](mailto:abhafiz@utm.my)

Tel : 07-5535046

Vot : 71871

## **KANDUNGAN**

Halaman

<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>KANDUNGAN</b>	v
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv

### **BAB I : PENGENALAN**

1.0 Latar Belakang Masalah	1
1.1 Pernyataan Masalah	3
1.2 Objektif Kajian	4
1.3 Persoalan Kajian	4
1.4 Skop Kajian	4
1.5 Kepentingan Kajian	5
1.6 Faedah Kajian	5
1.7 Definasi/Istilah	6

## BAB II : PEMELIHARAAN AL-QURAN MELALUI KAEDEAH HAFAZAN

2.0	Sejarah Perkembangan Pembelajaran Kaedah Hafazan Al-Quran	9
2.1	Hukum Menghafaz al-Quran	13
2.2	Kelebihan Menghafaz Al-Quran	16
2.3	Kepentingan Menghafaz al-Quran	20
2.3.1	Memelihara Kemutawatiran al-Quran	20
2.3.2	Memelihara Kesinambungan Budaya Ulama-Ulama Silam ( <i>Salaf al-Soleh</i> )	21
2.3.3	Al-Quran Sebagai khazanah Ilmu	22
2.3.4	Memelihara Kesucian Moral dan Sosial Dalam Masyarakat	23
2.4	Sistem Pendidikan Tahfiz al-Quran Di Malaysia: Perbandingan Kaedah Moden Dan Tradisional	24
2.4.1	Pendidikan Tahfiz Cara Moden Dan Cara Tradisional	24
2.4.2	Perbezaan Pendidikan Tahfiz Cara Moden Dan Cara Tradisional	24

## BAB III : KAEDEAH HAFAZAN DI DALAM PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

3.0	Pengenalan	29
3.1	Kaedah-Kaedah Menghafaz	29
3.1.1	Kaedah Menghafaz Ayat-Ayat Baru ( <i>Hifz jadid</i> )	29
3.1.1.1	Peringkat Sebelum Menghafaz	30
3.1.1.2	Peringkat Semasa Menghafaz	32
3.2	Kaedah Mengulangkaji Bacaan ( <i>Taqrir Atau Muraja'ah</i> )	37
3.2.1	Kaedah Mengulang-ulang Hafazan Yang Masih Baru	38
3.2.2	Kaedah Mengulang Hafazan Yang Telah Lama Diperolehi	39
3.2.3	Kaedah Mengkekalkan Hafazan ( <i>Muraj'aah/T'adah</i> )	40

3.3	Masalah-Masalah Dalam Menghafaz Dan Mengekalkan Hafazan al-Quran	42
3.3.1	Masalah Dalaman (Internal) Seorang Hafiz Al-Quran	43
3.3.2	Masalah Luaran (External) Seorang Hafiz Al-Quran	46
3.4	Akhlik dan Adab Semasa Membaca Dan Menghafaz Al-Quran	55

#### **BAB IV : KEPUTUSAN KAJIAN**

4.0	Pengenalan	57
4.1	Dapatan Hasil Soal Selidik Pelajar	57
4.1.1	Latar Belakang Pelajar	57
4.1.2	Deskriptif	86
4.1.3	Pencapaian Pelajar Dan Tahap Kategori	102
4.1.4	Hafazan al-Quran Mengikut Juzuk dan Bilangan Ayat	108
4.2	Dapatan Hasil Kajian Soal Selidik Guru	118
4.2.1	Latar Belakang Pengajar	118
4.2.2	Deskriptif	137
4.2.3	Pendapat dan Penilaian Pengajar	142

#### **BAB V : PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN KERJA LANJUTAN**

5.0	Pengenalan	148
5.1	Perbincangan	148
5.1.1	Pendapat pelajar	149
5.1.2	Pendapat guru	151
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	152

5.3	Implikasi dan cadangan daripada dapatan kajian	155
5.4	Cadangan kajian lanjutan	160
5.5	Penutup	161
<b>RUJUKAN</b>		163
<b>LAMPIRAN</b>		
A	Borang soal selidik pelajar	166
B	Borang soal selidik pengajar	181

## **SENARAI JADUAL**

	<b>Halaman</b>
Jadual 4.1: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Jantina	58
Jadual 4.2: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Umur	58
Jadual 4.3: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Tempat Asal	59
Jadual 4.4: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Tempat Tinggal Semasa Menuntut	60
Jadual 4.5: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Bilangan Adik Beradik	61
Jadual 4.6: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Anak Keberapa Dalam Keluarga	62
Jadual 4.7: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Tingkatan	63
Jadual 4.8: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Orang Yang Bertanggungjawab Sebagai Penjaga	64
Jadual 4.9: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Sebab Tidak Dijaga Oleh Ibu bapa	65
Jadual 4.10: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Pekerjaan Bapa	66
Jadual 4.11: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Pekerjaan Ibu	67
Jadual 4.12: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Pekerjaan Penjaga	69
Jadual 4.13: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Pendapatan Bapa	69
Jadual 4.14: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Pendapatan Ibu	71

Jadual 4.15:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Pendapatan Penjaga	72
Jadual 4.16:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Pendidikan Tertinggi Bapa	73
Jadual 4.17:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Pendidikan Tertinggi Ibu	74
Jadual 4.18:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Pendidikan Tertinggi Penjaga	76
Jadual 4.19:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Sebab Utama Belajar Di Madrasah	76
Jadual 4.20:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Bilangan Tahun Berada Di Madrasah	78
Jadual 4.21:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Bilangan Juzuk Yang Telah Di Hafaz	80
Jadual 4.22:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Bilangan Ayat Al-Quran Yang Dihafaz Dalam Sehari	82
Jadual 4.23:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Berapa Lama Masa Diperuntukkan Untuk Menghafaz Al-Quran	83
Jadual 4.24:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Pernahkah Menghafaz Al-Quran Sebelum Ini	84
Jadual 4.25:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Bilangan Ayat Al-Quran Yang Dihafaz Dalam Sehari	86
Jadual 4.26:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Jantina Dan Bilangan Juzuk Yang Telah Dihafaz	88
Jadual 4.27:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Umur Dan Bilangan Juzuk Yang Telah Dihafaz	90
Jadual 4.28:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Pekerjaan Bapa Dan Sebab Utama Belajar Di Madrasah / Maahad / Institut	92
Jadual 4.29:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Pekerjaan Ibu Dan Sebab Utama Belajar Di Madrasah / Maahad / Institut	93

Jadual 4.30:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Pekerjaan Penjaga Dan Sebab Utama Belajar Di Madrasah / Maahad / Institut	95
Jadual 4.31:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Pendapatan Bapa Dan Sebab Utama Belajar Di Madrasah / Maahad / Institut	95
Jadual 4.32:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Pendapatan Ibu Dan Sebab Utama Belajar Di Madrasah / Maahad / Institut	97
Jadual 4.33:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Pendapatan Penjaga Dan Sebab Utama Belajar Di Madrasah / Maahad / Institut	98
Jadual 4.34:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Pendidikan Tertinggi Bapa Dan Sebab Utama Belajar Di Madrasah / Maahad / Institut	99
Jadual 4.35:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Pendidikan Tertinggi Ibu Dan Sebab Utama Belajar Di Madrasah / Maahad / Institut	100
Jadual 4.36:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Pendidikan Tertinggi Penjaga Dan Sebab Utama Belajar Di Madrasah / Maahad / Institut	102
Jadual 4.37:	Tahap Setiap Kategori Mengikut Tahap Pencapaian UPSR	103
Jadual 4.38:	Tahap Setiap Kategori Mengikut Tahap Pencapaian PSRA	104
Jadual 4.39:	Tahap Setiap Kategori Mengikut Tahap Pencapaian PMR	105
Jadual 4.40:	Tahap Setiap Kategori Mengikut Tahap Pencapaian SPM	106
Jadual 4.41:	Tahap Setiap Kategori Mengikut Tahap Pencapaian Semester	107
Jadual 4.42:	Kaedah Menghafaz Mengikut Bilangan Juzuk Yang Telah Dihafaz Setakat Ini Mengikut Nilai Tertinggi	108
Jadual 4.43:	Kaedah Mengulang Mengikut Bilangan Juzuk Yang Telah Dihafaz Setakat Ini Mengikut Nilai Tertinggi	109
Jadual 4.44:	Aktiviti Di Dalam Dan Di Luar Madrasah Mengikut Bilangan Juzuk Yang Telah Dihafaz Setakat Ini Mengikut Nilai Tertinggi	110
Jadual 4.45:	Masa Yang Sesuai Dan Waktu Khusus Untuk Menghafaz Mengikut Bilangan Juzuk Yang Telah Dihafaz Setakat Ini	111
Jadual 4.46:	Masa Yang Sesuai Dan Waktu Khusus Untuk Mengulang Hafazan Mengikut Bilangan Juzuk Yang Telah Dihafaz Setakat Ini	112

Jadual 4.47:	Kaedah Menghafaz Mengikut Bilangan Ayat Al-Quran Yang Berjaya Dihafaz Dalam Sehari Mengikut Nilai Tertinggi	113
Jadual 4.48:	Kaedah Mengulang Mengikut Bilangan Ayat Al-Quran Yang Berjaya Dihafaz Dalam Sehari Mengikut Nilai Tertinggi	114
Jadual 4.49:	Aktiviti Di Dalam Dan Di Luar Madrasah Mengikut Bilangan Ayat Al-Quran Yang Berjaya Dihafaz Dalam Sehari Mengikut Nilai Tertinggi	115
Jadual 4.50:	Masa Yang Sesuai Dan Waktu Khusus Untuk Menghafaz Mengikut Bilangan Ayat Al-Quran Yang Berjaya Dihafaz Dalam Sehari	116
Jadual 4.51	Masa Yang Sesuai Dan Waktu Khusus Untuk Mengulang Hafazan Mengikut Bilangan Ayat Al-Quran Yang Berjaya Dihafaz Dalam Sehari	117
Jadual 4.52:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Jantina	118
Jadual 4.53:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Umur	119
Jadual 4.54:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Status Perkahwinan	120
Jadual 4.55:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Pengalaman Mengajar Tahfiz	120
Jadual 4.56:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Kelayakan Ikhtisas Dalam Bidang Tahfiz	121
Jadual 4.57:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Jawatan Yang Disandang Selain Daripada Guru Tahfiz	122
Jadual 4.58:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Bilangan Ayat Al-Qur'an Yang Dihafaz Oleh Pelajar Dalam Sehari	123
Jadual 4.59:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Berapa Lama Masa Diperuntukkan Kepada Pelajar Untuk Menghafaz Al-Qur'an	124
Jadual 4.60:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Jumlah Pelajar Lelaki Di Bawah Seliaan Pada 1.1.2003	125
Jadual 4.61:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Jumlah Pelajar Perempuan Di Bawah Seliaan Pada 1.1.2003	126

Jadual 4.62:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Jumlah Pelajar Keseluruhan Di Bawah Seliaan Pada 1.1.2003	127
Jadual 4.63:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Umur Pelajar Lelaki Yang Sesuai Untuk Menghafaz al-Quran	128
Jadual 4.64:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Umur Pelajar Perempuan Yang Sesuai Untuk Menghafaz al-Quran	129
Jadual 4.65:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Umur Minimum Pelajar Lelaki Untuk Menghafaz al-Qur'an	131
Jadual 4.66:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Umur Maksimum Pelajar Lelaki Untuk Menghafaz al-Qur'an	132
Jadual 4.67:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Umur Minimum Pelajar Perempuan Untuk Menghafaz al-Quran	134
Jadual 4.68:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Umur Maksimum Pelajar Perempuan Untuk Menghafaz al-Quran	135
Jadual 4.69:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Tahap Prasarana / Suasana	137
Jadual 4.70:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Tahap Aktiviti	138
Jadual 4.71:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Tahap Faktor Diri	138
Jadual 4.72:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Tahap Peraturan	139
Jadual 4.73:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Tahap Dorongan	140
Jadual 4.74:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Tahap Kaedah Hafazan	140
Jadual 4.75:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Tahap Kemampuan Menghafaz	141
Jadual 4.76:	Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Tahap Kelemahan Menghafaz	142

Jadual 4.77	Kaedah Menghafaz Mengikut Bilangan Ayat Al-Qur'an Yang Berjaya Dihafaz Oleh Pelajar Dalam Sehari (Pengajar) Mengikut Nilai Tertinggi	143
Jadual 4.78:	Kaedah Mengulang Mengikut Bilangan Ayat Al-Qur'an Yang Berjaya Dihafaz Oleh Pelajar Dalam Sehari (Pengajar) Mengikut Nilai Tertinggi	143
Jadual 4.79:	Aktiviti Di Dalam Dan Di Luar Madrasah Mengikut Bilangan Ayat Al-Qur'an Yang Berjaya Dihafaz Oleh Pelajar Dalam Sehari (Pengajar) Mengikut Nilai Tertinggi	144
Jadual 4.80:	Masa Yang Sesuai Untuk Menghafaz Mengikut Bilangan Ayat Al-Qur'an Yang Berjaya Dihafaz Oleh Pelajar Dalam Sehari (Pengajar)	144
Jadual 4.81:	Masa Yang Sesuai Untuk Mengulang Hafazan Mengikut Bilangan Ayat Al-Qur'an Yang Berjaya Dihafaz Oleh Pelajar Dalam Sehari (Pengajar)	145
Jadual 4.82:	Kaedah Menghafaz Mengikut Berapa Lama Masa Yang Diperuntukkan Kepada Pelajar Untuk Menghafaz Al-Qur'an Dalam Sehari (Pengajar)	145
Jadual 4.83:	Kaedah Mengulang Mengikut Berapa Lama Masa Yang Diperuntukkan Kepada Pelajar Untuk Menghafaz Al-Qur'an Dalam Sehari (Pengajar)	146
Jadual 4.84:	Aktiviti Di Dalam Dan Di Luar Madrasah Mengikut Berapa Lama Masa Yang Diperuntukkan Kepada Pelajar Untuk Menghafaz Al-Qur'an Dalam Sehari (Pengajar)	146
Jadual 4.85:	Masa Yang Sesuai Untuk Menghafaz Mengikut Berapa Lama Masa Yang Diperuntukkan Kepada Pelajar Untuk Menghafaz Al-Quran Dalam Sehari (Pengajar)	147
Jadual 4.86:	Masa Yang Sesuai Untuk Mengulang Hafazan Mengikut Berapa Lama Masa Yang Diperuntukkan Kepada Pelajar Untuk Menghafaz Al-Quran Dalam Sehari (Pengajar)	147

## **LAMPIRAN**

Lampiran A    Borang soal selidik pelajar

Lampiran B    Borang soal selidik pengajar

## BAB I

### PENGENALAN

#### 1.0 Latar Belakang Masalah

Pendidikan al-Quran bermatlamat untuk membina masyarakat yang bertaqwah, masyarakat yang adil berdasarkan kasih sayang, belas kasihan, persaudaraan dan masyarakat yang bertolak ansur, bertanggungjawab, berfikiran bebas, demokrasi, tidak zalim, tidak sompong dan masyarakat yang berjalan mengikut garis panduan al-Quran (Ahmad Mohd. Salleh, 1997:15). Matlamat terpenting pendidikan al-Quran ialah mendidik manusia supaya mengabdikan diri kepada Allah. S.W.T. Dalam masyarakat yang dilanda arus globalisasi, pembelajaran al-Quran secara hafazan mampu menjadi pemangkin ke arah membentuk minda fotografi yang bakal melahirkan generasi yang hafiz, alim, dai`e dan profesional sekaligus memenuhi matlamat pendidikan al-Quran.

Hafazan adalah proses yang digunakan untuk menyimpan pengetahuan (Ab. Fatah Hasan:15). Menghafaz memerlukan suatu kekuatan fikiran pada orang yang melakukannya. Sementara menghafaz sesuatu yang dipelajari dan mengasah ingatan melalui hafazan adalah cara yang paling baik untuk mengekalkan ingatan dan kecerdasan otak.

Sejarah pembelajaran al-Quran secara hafazan bermula sejak turunnya ayat pertama dari al-Quran kepada Nabi Muhammad S.A.W. Sebagaimana dimaklumi dari berbagai nas bahawa beliau adalah seorang nabi yang *ummi*, yakni tidak tahu menulis dan membaca. Dalam keadaan yang *ummi* itulah Baginda Nabi Muhammad S.A.W. menerima al-Quran dari Malaikat Jibrail dan seterusnya menyampaikannya kepada para sahabat menerusi hafazan. Proses turunnya al-Quran secara berperingkat-peringkat membantu dan memudahkan Rasulullah S.A.W. untuk menyampaikannya kepada para sahabat, yang kemudiannya menghafaz dan memahami isi kandungannya. Kebiasaan tidak terburu-buru

ini dikekalkan sehingga menjadi salah satu metode atau manhaj di dalam menghafaz al-Quran (Abu Najihat al-Hafiz, 2001:20-22).

Kesedaran umat Islam terhadap kepentingan dan kebaikan menghafaz al-Quran mendorong ibubapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama yang menyediakan pengajian tahliz al-Quran di samping mata pelajaran agama dan akademik. Di samping sekolah-sekolah agama yang sedia ada, lebih banyak pusat-pusat pengajian dan institut al-Quran didirikan bagi memenuhi permintaan terhadap pengajian tahliz al-Quran. Para dermawan dan orang berada tampil ke hadapan untuk menjadi penaja pelajar *hafiz* dan kelas-kelas tahliz al-Quran yang ditubuhkan.

Sememangnya “title” seorang *hafiz* atau *hafizah* al-Quran sangat tinggi darjat dan martabatnya di sisi Allah S.W.T. dan dipandang mulia di sisi manusia. Kemuliaan ini kerana ia adalah suatu amanah langsung dari Allah S.W.T. ke atas mereka untuk bertanggungjawab terhadap penjagaan hafazan. Selepas seseorang itu menghafaz keseluruhan al-Quran, ia hendaklah memelihara dan mengekalkannya supaya hafazan tersebut tidak hilang dari ingatan (Mohd Fazri, 1999:26-27).

Di dalam keghairahan ini, terdapat pula kekecewaan di kalangan ibubapa yang anaknya diberhentikan daripada pengajian kerana kegagalan mereka menghafaz dalam tempoh-tempoh tertentu. Bagi diri pelajar pula, kegagalan tersebut menyebabkan sebahagian daripada mereka menjadi putus asa, merasa rendah diri dan tidak berminat untuk meneruskan persekolahan walaupun dalam bidang pengajian yang lain. Ini kerana mereka merasakan gagal dalam menyempurnakan impian ibubapa untuk menjadikan anak mereka seorang *hafiz* al-Quran.

Memandangkan cabaran, gangguan, halangan dan amaran Allah S.W.T. serta kesukaran-kesukaran bagi seseorang itu menghafaz al-Quran, maka diperlukan suatu kaedah yang berkesan dan bersistematik bagi membantu mereka menghafaz dan menjaganya dari lupa (Mohd Fazri, 1999:27).

Dengan permasalahan yang dibentangkan diharap kajian dapat menganalisis keberkesanan kaedah hafazan di negara ini dan mencadangkan modul terbaik cara penghafazan untuk dimanfaatkan dalam usaha melahirkan lebih ramai *hufaz* al-Quran.

### **1.1 Pernyataan Masalah**

Kajian mengenai keberkesanan kaedah hafazan di pusat-pusat tahfiz belum pernah lagi dilakukan secara terperinci dan menyeluruh. Maklumat-maklumat awal mengenai kaedah hafazan ini diperolehi dengan mendapatkan maklumat daripada buku-buku, kertaskerja-kertaskerja yang lalu dan daripada pusat-pusat tahfiz al-Quran yang sedia ada.

Kajian ini dibuat bagi mencari kaedah hafazan yang berkesan bagi membantu Madrasah/Maahad/Institut tahfiz melahirkan lebih ramai *hufaz* al-Quran. Sistem hafazan ini termasuklah kaedah untuk hafazan yang baru (*dars jadid*), kaedah mengekalkan hafazan yang lepas (*sabiq*) dan kaedah mengulang-ulang bacaan (*taqrir/muhajaah*). Kegagalan para pelajar menguasai ketiga-tiga sistem ini mengakibatkan para pelajar gagal untuk menghafaz al-Quran pada tahap yang maksimum.

Walaupun pembinaan Madrasah/Maahad/Institut tahfiz al-Quran telah banyak berdasarkan kecenderungan dan permintaan dari umat Islam, namun sehingga kini tiada suatu modul yang efektif untuk dijadikan panduan kepada mereka dalam melahirkan lebih ramai *hufaz* al-Quran.

## **1.2 Objektif Kajian**

Objektif kajian adalah seperti berikut;

- i. Dapat mengenalpasti kaedah hafazan terbaik untuk menghafaz al-Quran.
- ii. Menyediakan satu modul kaedah hafazan yang terbaik dan sistematik untuk kegunaan Madrasah/Maahad/Institut tahfiz al-Quran.

## **1.3 Persoalan Kajian**

Antara persoalan mengenai kajian yang akan dijalankan;

- i. Apakah kaedah hafazan yang paling baik dan berkesan untuk menghafaz al-Quran.
- ii. Apakah modul kaedah hafazan yang terbaik dan bersistematik yang boleh dilaksanakan di Madrasah/Maahad/Institut tahfiz al-Quran.

## **1.4 Skop Kajian**

Kajian ini tertumpu kepada pelajar-pelajar yang belajar di pusat tahfiz al-Quran, lelaki dan perempuan di Maahad Tahfiz al-Quran, Pulai Chondong, Kelantan, Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Selangor, Jogra Banting dan Institut Tahfiz al-Quran, Negeri Sembilan. Di samping itu kajian ini juga melibatkan guru-guru dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses pembelajaran penghafazan al-Quran.

Beberapa set soal selidik akan digubal khas untuk mengumpul data tentang kaedah hafazan yang digunakan di samping temuramah dan pemerhatian/tinjauan di pusat-pusat tahfiz berkaitan dengan cara pembelajaran dan pengajaran di samping aktiviti-aktiviti

harian yang dilalui di Madrasah/Maahad/Institut/ tahfiz dalam membantu pelajar menghafaz keseluruhan al-Quran.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Daripada kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pihak Madrasah/Maahad/Institut tahfiz untuk mencari suatu kaedah hafazan yang berkesan dalam melahirkan para *hafiz*. Ini kerana bilangan mereka terlalu kecil berbanding dengan jumlah umat Islam di negara ini. Pertambahan bilangan *hafiz* al-Quran diharap dapat melahirkan sekurang-kurangnya seorang *hafiz* atau *hafizah* daripada setiap keluarga menjadi kenyataan. Kalau ini dapat direalisasikan, sudah pasti para *hafiz* dan *hafizah* al-Quran akan wujud di mana-mana sahaja seperti di institusi-institusi pengajian tinggi, pejabat-pejabat, sekolah-sekolah, di gedung-gedung perniagaan malahan di kawasan ladang sekalipun.

Hasil kajian ini kemudiannya dapat dijadikan suatu rumusan bagi menghasilkan modul pembelajaran dan pengajaran kaedah hafazan di Madrasah/Maahad/Institut tahfiz yang lain dalam usaha mewujudkan institusi penghafazan al-Quran secara tersusun dan moden.

### **1.6 Faedah Kajian**

Selepas daripada kajian ini dijangkakan dapat;

- i. Mengenalpasti kaedah hafazan yang terbaik dan paling berkesan.
- ii. Menyediakan satu modul kaedah hafazan yang terbaik dan bersistematik untuk kegunaan Madrasah/Maahad/Institut tahfiz yang lain.

## 1.7 Definasi/Istilah

Bahagian ini akan mengupas secara terperinci maksud tajuk kajian ini agar pembaca mendapat gambaran yang jelas mengenainya. Kajian bertajuk:

### "KEBERKESANAN KAEDAH HAFAZAN DI PUSAT TAHFIZ"

Perkataan "*keberkesanan*" adalah dari asal perkataan "*berkesan*" yang bermaksud meninggalkan kesan atau meninggalkan bekas atau tanda (Kamus Dewan, 2000:663). Dalam konteks kajian ini, keberkesanan membawa erti sesuatu hafalan yang boleh diingati melalui bacaan al-Quran tanpa melihatnya.

Perkataan "*kaerah*" bermaksud cara atau sistem dalam melakukan sesuatu perbuatan (Kamus Dewan, 2000:557). Mok Soon Sang (2002: 51-52) pula mendefinisikan kaerah sebagai cara atau peraturan untuk membuat sesuatu. Kaerah juga bermaksud satu siri tindakan guru yang sistematik dengan tujuan untuk mencapai objektif pengajaran yang spesifik dalam jangka masa yang pendek. Tanpa kaerah yang terancang dan bersesuaian, sesuatu yang diusahakan itu tidak mungkin sempurna hasilnya. Untuk menghafaz al-Quran, kaerah amat penting diketahui dan dipraktikkan. Ianya tidak boleh dihafaz begitu sahaja secara membuta tuli kerana cara ini tidak berkesan, membosankan dan terdedah kepada kelupaan.

Pengertian "*hafazan*" diambil dari asal perkataan "*hafaz*" yang bererti sudah masuk betul ingatan, dapat mengucapkan pelajaran (ayat al Quran dan lain-lain) dengan ingatan semata-mata, tanpa melihat buku, kitab dan sebagainya (Kamus Dewan, 1997:211). Mengikut *Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*, perkataan *hafaz* berasal dari perkataan (حفظ) bermaksud menjaga sesuatu dan mengawalnya daripada hilang (Ahmad al-'Ayyid & Dawud 'Abduh, 1989:332).

Ee Ah Meng (1997:89) menyatakan *Hafaz* bermaksud suatu proses mental yang menekankan pengalaman yang bermakna, menyimpan dan mengeluarkan kembali pengalaman tersebut ketika diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

Dari pengertian di atas dapatlah disimpulkan bahawa hafazan membawa maksud memelihara, mengingati, menjaga, mengawal apa yang telah dipelajari daripada lupa dan rosak supaya ia tidak hilang.

Hafazan boleh dibahagi kepada tiga peringkat iaitu hafazan serta merta, hafazan jangka pendek dan hafazan jangka panjang. Hafazan serta merta boleh kekal dalam dua saat atau kurang daripada itu, hafazan jangka pendek boleh kekal dalam beberapa minit, jam dan hari sementara hafazan jangka panjang boleh menyimpan semua maklumat yang telah dialami semenjak lahir lagi (Ab. Fatah Hasan, 1994:13).

Menurut Schunk D.H (1996: 163-166), hafazan mempunyai beberapa jenis iaitu hafazan jangka pendek dan hafazan jangka panjang. Hafazan jangka pendek mempunyai ciri kapasiti terhad, masa yang singkat dan separuh sedar. Hafazan jangka panjang adalah mempunyai kapasiti yang tidak terhad, penyimpanan kekal dan maklumatnya akan teraktif apabila digerakkan dan ianya terdiri daripada empat jenis. Pertamanya, hafazan *episodic* iaitu mengingat semula sesuatu kejadian yang pertama kali berlaku dan bermakna kepada diri sendiri. Kedua, hafazan *semantik* melibatkan pengumpulan pengetahuan tentang perkataan, konsep dan makna yang tersimpan secara jangka panjang. Ketiga, hafazan *prosedur* iaitu mengingat semula urutan perkara yang tersimpan dalam ingatan jangka panjang dan akhir sekali hafazan *visual* adalah hafazan terhadap maklumat yang dikodkan dalam bentuk gambar, imej dan pemandangan.

Menurut Rahil Mahyuddin, Jami'ah Mohamad dan Kasnani Ab. Karim (2000:34) proses hafazan mengandungi tiga peringkat. Pertama peringkat perolehan, kedua ialah peringkat pengekalan dan ketiga peringkat perolehan kembali. Peringkat perolehan melibatkan memberikan perhatian kepada rangsangan dan mengekodkan ke dalam ingatan. Pengekalan merupakan peringkat hafazan di mana maklumat disimpan dan perolehan kembali iaitu proses mengeluar maklumat daripada simpanan apabila diperlukan.

"*Keadah Hafazan*" bermaksud satu sistem atau cara bersistematik dan berkesan yang digunakan oleh para *hafiz* dalam proses penghafazan al-Quran. Kaedah tersebut digunakan samaada kaedah semasa menghafaz, kaedah mengulang-ulang hafazan dan kaedah mengekalan hafazan.

Pengertian "Pusat Tahfiz" bermaksud tempat yang tumpuan berbagai kegiatan menghafaz al-Quran. Dalam kajian ini, Pusat Tahfiz merujuk kepada Madrasah yang menjadikan bidang hafazan al-Quran sebagai subjek teras dengan menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam pembelajaran dan pengajaran, di samping Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Namun apa yang dimaksudkan di sini adalah tiga Pusat Tahfiz yang dipilih sebagai tempat kajian iaitu Maahad Tahfiz al-Quran, Pulai Chondong, Kelantan, Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Selangor, Jogra Banting dan Institut Tahfiz al-Quran, Negeri Sembilan.

## BAB II

### PEMELIHARAAN AL-QURAN MELALUI KAEDEAH HAFAZAN

#### 2.0 Sejarah Perkembangan Pembelajaran Kaedah Hafazan Al-Quran

Bidang hafazan al-Quran bermula semenjak penurunan ayat al-Quran yang pertama. Ketika Rasullullah S.A.W. berumur 40 tahun dan sedang beribadat di Gua Hira', Allah S.W.T. telah memerintahkan Jibrail A.S. untuk mengajarkan al-Quran kepada baginda. Ayat pertama yang dibaca adalah 'iqra' yang diulang sebanyak tiga kali oleh Malaikat Jibrail A.S. dan kemudian dibaca kembali oleh baginda secara hafazan.

Bacaan Rasulullah S.A.W. bukanlah hafazan semata-mata, tetapi bacaan untuk difahami dan diingati. Sebagaimana yang digambarkan bahawa Rasulullah S.A.W. telah menggerak-gerakkan lidahnya berkali-kali sehingga Allah S.W.T. mengingatkan agar tidak berbuat demikian. Sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam al-Quran:

لَا تُحِرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۝ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَوَقْرَءَانَهُ وَ  
فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُ وَ ۝

Terjemahannya:

"Janganlah kamu menggerakkan lidah mu untuk membaca al-Quran kerana hendak cepat (dan terburu-buru untuk menguasainya). Sesungguhnya atas tanggungan kamilah mengumpulnya (di dada mu) dan (membuat mu pandai)

*membacanya. Apabila Kami telah selesai membacanya maka ikutilah bacaan itu”.*

(al-Qiyamah: 16 - 18)

Seterusnya Rasulullah S.A.W. mengajar al-Quran itu kepada para sahabatnya juga menerusi hafazan.

Proses turunnya al-Quran adalah secara berperingkat-peringkat, sedikit demi sedikit. Tentunya hal ini dapat membantu dan memudahkan Rasulullah S.A.W. untuk menyampaikannya kepada para sahabat, yang kemudiannya menghafaz dan memahami isi kandungannya.

Kebiasaan tidak terburu-buru ini dikekalkan sehingga menjadi salah satu kaedah atau manhaj di dalam menghafaz al-Quran (Abu Najihat al-Hafiz, 2001:20). Penyampaian al-Quran secara sedikit demi sedikit telah dipraktikkan oleh Jibrail A.S. kepada Rasulullah S.A.W. Caranya dengan memperdengarkan bacaannya lalu diikuti oleh sahabat sebelum menghafaznya. Selain dari itu, baginda juga menyuruh beberapa orang sahabatnya yang pandai agar menulis ayat-ayat suci al-Quran yang hendak dihafaz di atas kepingan batu-batu, tulang-tulang dan pelepah tamar.

Ismail Awang (1987: 100) juga menerangkan bahawa Rasulullah S.A.W. mengajarkan al-Quran kepada sahabat dengan cara ‘*musyafahah*’ dan ‘*taqlidi*’ iaitu dengan membaca antara dua hingga sepuluh ayat menurut ayat-ayat yang diturunkan. Sebagaimana dalam suatu hadis yang bermaksud:

كَانَ أَبُو سَعِيدٍ الْخُدْرَيُّ يُعَلِّمُنَا الْقُرْآنَ خَمْسَ آيَاتٍ بِالْعَدَاءِ وَخَمْسَ آيَاتٍ  
بِالْعَشَيِّ وَيُخْبِرُ أَنَّ جِرْيَلَ نَزَلَ بِالْقُرْآنِ خَمْسَ آيَاتٍ خَمْسَ آيَاتٍ.

Terjemahannya :

*"Adalah Abu Said mengajarkan al-Quran kepada kami lima ayat di waktu pagi dan lima ayat di waktu petang. Dia memberitahu bahawa Jibrail A.S. menurunkan al-Quran lima ayat lima ayat."*

(Hadith riwayat Ibn 'Asakir)

Hadis yang serupa diriwayatkan dari 'Umar Bin Khatab R.A. dengan kata beliau:

تَعْلَمُوا الْقُرْآنَ خَمْسَ أَيَّاتٍ خَمْسَ أَيَّاتٍ فَإِنَّ جِبْرِيلَ كَانَ يُنْزِلُ  
بِالْقُرْآنِ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَمْسًا خَمْسًا.

Terjemahannya:

*"Pelajari al-Quran lima ayat demi lima ayat, kerana sesungguhnya Jibrail menurunkan al-Quran kepada Nabi Muhammad S.A.W. lima ayat demi ayat."*

(Hadith riwayat al-Baihaqi)

Setiap hari baginda Rasulullah S.A.W akan membaca al-Quran yang diterimanya pada malam hari sebelumnya serta menghuraikan maksudnya. Di samping itu, baginda menasihatkan sahabat-sahabatnya supaya menghafaz ayat-ayat yang telah dibacakan itu dan seterusnya mengamalkan perintahnya (Mohd Yusuf, 2002:54). Sebaik sahaja para sahabat menerima pelajaran dari ayat atau surah, maka mereka mengulang-ngulang secara istiqamah sehingga sebatи di dalam dada mereka pada malam harinya. Menurut al-Sabuni (1985:121) bahawa jika sesiapa berjalan pada waktu malam di Madinah melalui rumah-rumah para sahabat, akan kedengaran dengungan yang kuat seperti bunyi lebah dalam sarangnya. Itulah dengungan sahabat yang sedang membaca al-Quran. Seterusnya sahabat-sahabat menyampaikan pula kepada keluarga dan sahabat-sahabatnya yang lain.

Pada zaman tabiin dan seterusnya selaras dengan perkembangan Islam ke seluruh dunia, lahirlah pusat-pusat pengajian seperti Madrasah, Sekolah, Maktab dan

sebagainya. Namun begitu, sistem pengajian yang diamalkan oleh Rasulullah S.A.W. masih lagi diikuti di setengah-setengah tempat.

Pada masa ini, anak-anak orang Islam telah pandai menulis dan membaca. Pembelajaran secara hafazan dilakukan dengan guru membaca ayat-ayat al-Quran kepada pelajar (*imla'*) dan pelajar menulisnya di atas '*luh*' atau papan batu. Setelah itu, guru akan melihat tulisan pelajarnya dan membetulkan jika ada kesalahan. Seterusnya guru membacakannya sekali lagi diikuti dengan pelajar, kemudian pelajar akan pergi ke tempat lain dan membacanya sehingga hafaz. Apabila telah menghafaz ayat-ayat itu dengan fasih, pelajar akan datang semula kepada guru dan membaca di depan guru (*tasmi'*). Jika ada kesalahan pada bacaan tersebut, guru akan membetulkannya dan jika tiada kesalahan, maka ayat-ayat itu akan dipadam dan ditulis ayat baru untuk dihafaz (al-Ahwany, 1983:83).

Cara pengajaran al-Quran di peringkat ini dengan mengajar ayat-ayat pendek dan diulangi berkali-kali bersama guru hingga terlekat dalam ingatan mereka. Mereka diajar tanpa diberi penjelasan tentang maksud ayat-ayat dan kadang-kadang diberi sedikit sebanyak pengertian dan huraiannya demi untuk menambahkan lagi keberkatan dan benih-benih keislaman, taqwa dan keikhlasan di jiwa kanak-kanak kerana pada peringkat tersebut merupakan peringkat paling sesuai untuk mengingati sesuatu.

Corak pembelajaran dan pengajaran al-Quran pada zaman ini tidak jauh bezanya dengan apa yang diamalkan dan ajarkan oleh Rasulullah S.A.W. kepada para sahabatnya. Apa yang membezakannya adalah penggunaan alat tulis yang lebih moden seperti '*luh*' atau papan batu. Malah ketika ini, wujud kesedaran mengenai kepentingan penghafazan al-Quran menyebabkan pembelajaran dan pengajarannya dilakukan dengan lebih intensif.

## **2.1 Hukum Menghafaz al-Quran**

Al-Quran yang terdiri daripada 114 surah dan 30 juzuk merupakan satu-satunya kitab suci yang boleh dihafaz secara keseluruhan. Ini adalah suatu kelebihan kepada umat baginda Rasulullah S.A.W. dan penghafazan al-Quran adalah rahmat daripada Allah S.W.T. Jika dibandingkan dengan buku-buku lain yang sama tebal dan besarnya, menghafaz satu buku, setengah buku atau pun seperempat buku adalah sukar dan hampir-hampir mustahil. Allah S.W.T. menyifatkan penghafaz al-Quran sebagai hamba-hamba pilihannya. Hal ini dinyatakan menerusi firmanNya:

وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ هُوَ الْحَقُّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ إِنَّ اللَّهَ  
بِعِبَادِهِ لَخَبِيرٌ بَصِيرٌ ﴿٣١﴾ ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ أَصْطَفَيْنَا مِنْ  
عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ مُّقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَايِقٌ بِالْخَيْرِاتِ  
بِإِذْنِ اللَّهِ ذَلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ ﴿٣٢﴾

Terjemahannya;

*“Dan apa yang telah Kami wahyukan kepada mu iaitu al-Kitab (al-Quran) itulah yang benar, dengan membenarkan kitab-kitab yang sebelumnya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Mengetahui lagi Maha Melihat (keadaan) hamba-hambanya. Kemudian Kitab itu Kami wariskan kepada orang-orang yang kami pilih di antara hamba-hamba Kami, lalu di antara mereka ada yang menganiaya diri mereka sendiri dan di antara mereka ada yang pertengahan dan di antara mereka ada (pula) yang lebih dahulu berbuat kebaikan dengan izin Allah. Ynag demikian itu adalah kurnia yang amat besar.”*

(Fatir:31-32)

Ayat-ayat yang lain juga menyatakan bahawa al-Quran diturunkan dengan menerusi hafazan secara beransur-ansur lebih kurang 23 tahun. Ayat-ayat yang dimaksudkan adalah:

سَنُقْرِئُكَ فَلَا تَنْسَى ﴿٦﴾ إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ إِنَّهُ وَيَعْلَمُ الْجَهْرَ وَمَا يَخْفِي ﴿٧﴾

Terjemahannya;

*“Kami akan membacakan (al-Quran) kepada mu (Muhammad) maka kamu tak akan lupa, kecuali kalau Allah menghendaki. Sesungguhnya Dia mengetahui yang terang dan yang tersebunyi.”*

(al-A'la:6-7)

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْءَانَ لِلَّذِكْرِ فَهُلْ مِنْ مُّذَكَّرٍ ﴿١٧﴾

Terjemahannya;

*“Dan sesungguhnya telah kami mudahkan al-Quran untuk pelajaran, maka adakah orang yang mengambil pelajaran.”*

(al-Qamar:17)

فَتَعَالَى اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ وَلَا تَعْجَلْ بِالْقُرْءَانِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يُقْضَى  
إِلَيْكَ وَحْيُهُ وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا ﴿١١٤﴾

Terjemahannya:

*“Maka Maha Tinggi Allah Raja yang sebenar-benarnya, dan janganlah kamu tergesa-gesa membaca al-Quran sebelum*

*disempurnakan wahyu kepadamu, dan katakanlah: “Ya Tuhaniku, tambahkanlah kepadaku ilmu pengetahuan.”*

(Taha:114)

Daripada ayat-ayat di atas, tidak ada satu pun isyarat yang menyatakan bahawa menghafaz al-Quran itu hukumnya wajib. Oleh yang demikian menghafaz al-Quran bukanlah sesuatu yang wajib ke atas setiap muslim.

Walau bagaimanapun memandangkan betapa pentingnya menghafaz al-Quran bagi menjaga keaslian dan kesuciannya maka ulama telah bersepakat bahawa menghafaz al-Quran itu hukumnya fardu kifayah. Imam Badr al-Din Muhammad bin 'Abdillah al-Zarkasyi di dalam bukunya *al-Burhan fil Ulum al-Quran* (Juzuk 1:271) menyatakan:

*“Mempelajari al-Quran hukumnya adalah fardu kifayah, demikian juga memeliharanya (iaitu menghafaznya) maka ia juga wajib (kifayah) bagi setiap umat.”*

Perkara yang sama juga dinyatakan oleh Ab. Aziz Ab. Rauf (1994:90) di dalam bukunya *Kiat Sukses Menjadi Hafidz al-Quran Da'yah* seperti berikut:

*"Sesungguhnya menghafaz al-Quran di luar kepala (maksudnya dengan lancar) itu adalah fardu kifayah."*

Hukum fardu kifayah ini bermakna sekiranya sudah ada di antara kaum muslimin di suatu tempat yang menghafaz al-Quran, maka lepaslah tanggungjawab kesemua masyarakat tersebut dari kewajipan itu. Sebaliknya jika tiada seorang pun yang menghafaznya maka seluruh kaum muslimin pada tempat tersebut akan menerima dosa.

## 2.2 Kelebihan Menghafaz Al-Quran

Menjadi seorang *hafiz* sepatutnya menjadi cita-cita setiap orang Islam kerana mereka akan mendapat pelbagai keutamaan dan kelebihan samada di dunia lebih-lebih lagi di alam akhirat. Menjadi *hafiz* merupakan nikmat rabbani yang datangnya dari Allah S.W.T. kerana kelebihan menghafaz al-Quran sama nilainya dengan nikmat kenabian, cuma bezanya tidak diberi wahyu. Sabda Rasulullah S.A.W.:

"مَنْ قَرَا الْقُرْآنَ فَقَدْ اسْتَدْرَجَ الْبُوَّةَ بَيْنَ جَنِّيْهِ غَيْرَ أَنَّهُ لَا يُؤْخَذُ إِلَيْهِ  
لَا يَنْبَغِي لِصَاحِبِ الْقُرْآنِ أَنْ يَجُدَّ مَعَ مَنْ وَجَدَ وَلَا يَجْهَلُ مَعَ مَنْ  
يَجْهَلُ وَفِي جَوْفِهِ كَلَامُ اللهِ".

Terjemahannya:

"Barangsiapa yang membaca (menghafaz) al-Quran, dia menyimpan ilmu kenabian dalam dadanya walaupun tiada lagi wahyu diturunkan untuknya. Adalah tidak wajar bagi seorang *hafiz* al-Quran memarahi orang yang pemarah dan juga tidak patut bertindak jahil terhadap orang yang jahil, sedangkan al-Quran berada dalam dadanya."

(Hadith Riwayat Hakim)

Seorang *hafiz* juga digelar "*Hamilul Quran*" iaitu iaitu orang yang mampu memahami makna ayat-ayat al-Quran, mengetahui hukum hakam di dalamnya dan mengamalkan isi kandungannya (Ismail Masyhuri, 1993: 87).

Para *Hafiz* akan dimasukkan oleh Allah ke dalam syurga serta diberi kelebihan untuk memberi syafaat kepada sepuluh orang dari kalangan keluarga terdekatnya yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. masuk neraka. Ini digambarkan dalam sebuah hadith Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:

مَنْ قَرَا الْقُرْآنَ فَاسْتَظْهَرَهُ فَأَحَلَ حَلَالَهُ وَحَرَامَ حَرَامَهُ أَدْخَلَهُ اللَّهُ أَجَنَّةً  
وَشَفَعَهُ فِي عَشْرَةِ مِنْ أَهْلِ بَيْتِهِ كُلُّهُمْ قَدْ وَجَبَتْ لَهُمُ النَّارَ.

Terjemahannya:

*"Barangsiapa membaca al-Quran dan menghafaznya serta menghalalkan apa yang dihalalkan oleh al-Quran (mengamalkannya) serta mengharamkan apa yang diharamkan oleh al-Quran (meninggalkannya) nescaya Allah akan memasukkannya ke dalam syurga dan menerima syafaatnya bagi sepuluh orang dari ahli keluarganya yang kesemuanya telah diwajibkan masuk neraka".*

(Hadith riwayat Ahmad dan Tirmidhi)

Seorang *hafiz* al-Quran akan diberi nikmat di alam kubur lagi meskipun kesusahan, kepayahan dan huru hara di alam akhirat amat dahsyat. Jasadnya akan terpelihara seperti keadaan asalnya tanpa dirosakkan oleh sesuatu pun sedangkan tubuh orang lain tidak terkecuali daripadanya.

*Hafiz* al-Quran merupakan orang yang mendapat penghargaan khusus dari Nabi Muhammad S.A.W. Penghargaan seumpama ini pernah diberikan oleh baginda ketika pengkebumian para syuhada' yang hafaz al-Quran seperti yang diriwayatkan dalam sebuah hadith:

إِنَّ الرَّسُولَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَجْمَعُ بَيْنَ الرَّجُلَيْنِ مِنْ قَاتِلٍ  
أَحَدٌ فِي تَوْبَةٍ وَاحِدٍ ثُمَّ يَقُولُ: إِيُّهُمَا أَكْثَرُ أَخْدًا لِلْقُرْآنِ فَإِذَا أُشِيرَ إِلَيْيِ  
أَحَدِهِمَا قَدَّمَهُ فِي الْأَحْدَادِ قَالَ: أَنَا شَهِيدُ عَلَى هَؤُلَاءِ".

Terjemahannya:

*“Dari Jabir bin Abdullah R.A., bahawa suatu ketika Rasulullah S.A.W. mengumpul dua orang lelaki yang syahid dalam peperangan Uhud dalam satu liang lahad, lalu baginda bertanya, “Siapakah di antara kedua-dua ini yang paling banyak menghafaz al-Quran?”. Apabila ditunjukkan kepada baginda salah seorang dari mereka maka nabi akan mendahulukan pengkebumiannya lalu bersabda, “Aku menjadi saksi terhadap mereka.”*

(Hadis Riwayat Bukhari, Abu Dawud dan Nasa'i)

Al-Quran akan menjadi pendamping dan pemberi syafaat kepada pendokongnya di akhirat tatkala manusia yang lain di dalam kesusahan. Ketika umat manusia mencari para anbia A.S. untuk mendapatkan syafaat bagi kelepasan dari azab di akhirat, seorang *hafiz* pastinya merasa lega dengan jaminan syafaat al-Quran.

Para ibubapa adalah orang yang bertanggungjawab terhadap pelajaran anaknya dan berusaha untuk menjadikan anaknya sebagai *hafiz* al-Quran akan juga mendapat ketinggian martabat di akhirat nanti berdasarkan hadith Nabi S.A.W:

"عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرُو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يُقَالُ لِصَاحِبِ الْقُرْآنِ: إِفْرَا وَارْتَقِ وَرَتَّلْ كَمَا كُنْتَ تَرَتَّلَ فِي الدُّنْيَا فَإِنَّ مَنْزَلَكَ عِنْدَ أَخْرَى أَيَّةٍ تَفَرَّأَهَا".

Terjemahannya:

*“Dari 'Abdullah bin 'Amru bin al-'As, katanya, Rasulullah S.A.W. bersabda: Akan diseru kepada ahli-ahli al-Quran (*hafiz*): Bacalah dan naiklah ke tingkat darjat syurga yang lebih tinggi (hampir dengan para nabi), bacalah sebanyak mana yang telah kamu baca di dunia. Sesungguhnya martabat dan darjat kamu di syurga adalah ayat terakhir yang telah kamu baca.”*

( Hadith riwayat ahmad, Abu Dawud, Tarmidhi dan Nasa'i )

Manakala dalam hadith lain baginda Rasulullah S.A.W telah bersabda:

"مَنْ قَرَا الْقُرْآنَ وَ تَعْمَلَ بِهِ أَبْسَرَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تَاجًا مِنْ نُورٍ  
ضَوْءَهُ مَثَلُ ضَوْءِ الشَّمْسِ، وَ يَكُسِّيُ الْدَّاهِرَ حُتَّى لَا تَفُومُ بِهِمَا الدُّنْيَا،  
فَيَقُولُانِ يَمَّا سَيِّئَتْ هَذَا؟ فَيُقَالُ: بِأَخْذٍ وَ لَدْكُمَا الْقُرْآنَ.".

Terjemahannya:

"Sesiapa yang membaca al-Quran dan belajar serta beramal dengannya, dia akan dipakaikan pada hari kiamat dengan mahkota dari cahaya yang mana cahayanya lebih terang dari cahaya matahari, dan kedua ibubapnya akan dipakaikan dengan perhiasan yang tidak pernah mereka pakai di dunia. Maka mereka berdua bertanya, "Dengan sebab apakah kami dipakaikan dengan perhiasan ini?. Mereka akan dikatakan: Dengan sebab bacaan al-Quran oleh anakmu."

(Hadith riwayat Bukhari dan Muslim)

Para ulama telah menjelaskan bahawa makna “*sahib al-Quran*” di dalam hadith di atas ialah orang yang menghafaz semua ayat al-Quran atau sebahagiannya, membaca, mentadabbur dan mengamalkan isi kandungan serta berakhhlak sesuai dengan tuntutannya. Manakala erti “*irtaqi*” iaitu bacalah di syurga adalah sekadar untuk menikmati bacaan dari seorang *hafiz* tersebut kerana di sana tiada lagi perintah dan kewajipan (Abd Aziz, 1994:28)

Menurut *al-Kattabi* sebagaimana yang dinukilkkan oleh *al-Mundhiri* bahawa bilangan ayat al-Quran adalah sama dengan bilangan tingkat syurga di akhirat. Para *hafiz* al-Quran akan diseru pada masa itu supaya terus menaiki tingkat syurga mengikut kadar bilangan ayat al-Quran yang telah dibacanya semasa di dunia (Zakiy al-Din, 1993: 213) .

Kesimpulannya, para hufaz al-Quran bukan sahaja dipandang mulia di dunia malah di akhirat kelak mereka akan turut mendapat pelbagai pengiktirafan daripada Allah S.W.T.

### **2.3 Kepentingan Menghafaz al-Quran**

Menghafaz al-Quran adalah suatu ibadah dan mempunyai matlamat dan tujuan yang penting. Antaranya ialah:

#### **2.3.1 Memelihara Kemutawatiran al-Quran**

Kemutawatiran al-Quran bermakna “al-Quran yang sampai kepada kita dengan diriwayatkan oleh bilangan orang yang ramai dan mereka mempunyai sifat dan ciri-ciri amanah sehingga tidak diragukan lagi atas kedustaan atau kepalsuan al-Quran itu sendiri.”. Melalui para *hufaz* yang ribuan jumlahnya dan berterusan di sepanjang sejarah kehidupan manusia tidak mudah bahkan mustahil bagi mengubah dan memalsukan al-Quran. Sekiranya berlaku sebarang perubahan atau penyelewengan , maka merekalah dahulu yang menyedarinya. *Hafiz* al-Quran menjadi benteng untuk mempertahankan kemutawatiran al-Quran daripada musuh-musuh Islam yang sentiasa mencari peluang untuk menghancurkan Islam. Firman Allah S.W.T.:

..... وَلَنْ تَرْضَى عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَى حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّهُمْ

Terjemahannya:

“Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan reda dengan kamu sehingga kamu mengikuti agama mereka.....”

(Al-Baqarah:120 )

Seseorang yang berusaha menjadi seorang *hafiz* bermakna ia telah telah bersusah payah untuk mengambil bahagian dalam usaha menjaga kemutawatiran al-Quran. Pengorbanan mereka ini mendapat sanjungan dan puji dari Allah S.W.T. dengan penghormatan yang mulia seperti “Pilihan Allah” (maksud surah Fatir, ayat 32), “Orang yang telah diberi ilmu” (maksud surah al-Ankabut, ayat 45) atau “Penjaga keaslian al-Quran” (maksud surah al-Hijr, ayat 9).

Rasulullah S.A.W. juga memberi penghormatan dengan menyifatkan *hafiz* al-Quran sebagai “*Ahlullah*” iaitu keluarga Allah dan meletakkan kedudukan mereka hampir kepada para nabi, cuma yang membezakan mereka tidak menerima wahyu.

### **2.3.2 Memelihara Kesinambungan Budaya Ulama-Ulama Silam (*Salaf al-Soleh*)**

Sejarah membuktikan bahawa ulama-ulama silam (*Salaf al-Soleh*) telah membaca al-Quran dengan baik serta menghafaznya. Mereka kemudiannya telah mempelajarinya secara terperinci, mengembangkan ilmu dan menghasilkan kitab-kitab tafsir yang muktabar dan dapat dijadikan rujukan sepanjang zaman. Di zaman Rasulullah S.A.W. telah lahir para qari dan *hafiz* al-Quran yang terkenal seperti Ubai bin Kaab R.A., Abu Musa al-Asyaari R.A. Abu Sa'id al-Kudri R.A. dan lain-lain lagi sementara di zaman perkembangan ilmu pengetahuan telah lahirnya para Imam Qiraat seperti Imam Nafi' bin Ruwaim, Ibn Katsir, A'shim bin Abi al-Najud, Muhammad bin Muhammad al-Jazari serta banyak lagi. Jelaslah disini bahawa melalui hafazan al-Quran, dapat memelihara kesinambungan budaya *Salaf al-Soleh* daripada zaman awal Islam sehingga ke zaman ini.

### **2.3.3 Al-Quran Sebagai khazanah Ilmu**

Al-Quran adalah “*Manhaj al-Hayah*” atau pedoman hidup bagi seluruh manusia tanpa batasan. Bertepatan dengan sifat Allah S.W.T. yang Maha Pencipta dan Maha Mengetahui, al-Quran yang merupakan perkataannya sarat dengan ilmu pengetahuan. Di dalamnya terkandung pelbagai khazanah ilmu samada ilmu ukhrawi ataupun duniawi. Seseorang yang menghafaz dan menguasai al-Quran bermakna ia telah memiliki pelbagai ilmu baik dari segi pendidikan, ekonomi, politik dan sebagainya. Sebagai umat Islam, kita tiada alasan untuk meragukan keagungannya. Firman Allah S.W.T. di dalam al-Quran:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْءَانُ هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ  
..... وَالْفُرْقَانُ

Terjemahannya;

"Bulan Ramadan adalah bulan yang diturunkan padanya al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan beberapa keterangan yang membawa kepada petunjuk bagi manusia dan beberapa keterangan yang membawa kepada petunjuk dan membezakan di antara yang benar dan yang salah....."

(al-Baqarah:185)

### **2.3.4 Memelihara Kesucian Moral dan Sosial Dalam Masyarakat**

Aktiviti penghafazan al-Quran dapat menangani gejala keruntuhan moral dan sosial. Di zaman yang penuh cabaran ini, masyarakat memerlukan suatu jalan

sebagai alternatif untuk kemaslahatan umat keseluruhannya. Membentuk generasi al-Quran adalah yang terbaik. Sebagaimana firman Allah S.W.T:

بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ .....  
..... وَرَبٌّ غَفُورٌ

Terjemahannya:

“.... (*Negeri mu*) adalah negeri yang terbaik dan (*Tuhanmu*) adalah Tuhan yang maha pengampun.”

(Saba':15)

Seorang yang asyik dengan pengajian dan penghafazan al-Quran akan terselamat daripada kelalaian dan kemaksiatan kerana penumpuan hati manusia tidak mampu mengumpul dua perkara yang bertentangan dalam satu mana. Firman Allah S.W.T.:

مَا جَعَلَ اللَّهُ لِرَجُلٍ مِنْ قَلْبَيْنِ فِي جَوْفِهِ .....

Terjemahannya:

“Allah tidak sekali-kali menjadikan dua hati bagi seseorang dalam dirinya.....”

(al-Ahzab:4)

Al-Quran akan menjadi pemelihara kepada seorang *hafiz* daripada sebarang dosa atau maksiat kerana sebarang larangan dari Allah S.W.T. akan sentiasa teringat di dalam ingatannya. Dengan bertambahnya hufaz di kalangan umat Islam maka masalah sosial dalam masyarakat akan dapat diatasi.

#### **2.4 Sistem Pendidikan Tahfiz al-Quran Di Malaysia: Perbandingan Kaedah Moden Dan Tradisional**

Seiring dengan kesedaran dan kebangkitan umat Islam di Malaysia, pendidikan menghafaz al-Quran semakin mendapat tempat. Ini terbukti dengan kemunculan Pusat-pusat Tahfiz al-Quran di seluruh negara, samada di bawah kelolaan kerajaan atau swasta. Kesemua Pusat Tahfiz ini mempunyai persamaan dan perbezaan di antara satu sama lain yang meliputi struktur pentadbiran dan kewangan, sistem pendidikan dan kurikulum yang digunakan.

#### **2.4.1 Pendidikan Tahfiz Cara Moden Dan Cara Tradisional**

Pendidikan Tahfiz al-Quran cara moden bermaksud *pendidikan yang mempunyai struktur yang tersusun, meliputi sudut pengurusan, kurikulum dan kemudahan strukturnya. Pendidikan cara moden ini dianjurkan oleh pihak kerajaan pusat atau kerasaan negeri.* Manakala Pendidikan Tahfiz cara tradisional pula bermaksud *pendidikan yang tidak tersusun dengan baik dari sudut pentadbiran, kurikulum dan kemudahan infrastukturnya seperti sistem pendidikan Pondok. Lazimnya pendidikan secara tradisional ini dikelolakan oleh orang perseorangan atau swasta* (Wan Mohamad,1997:17).

#### **2.4.2 Perbezaan Pendidikan Tahfiz Cara Moden Dan Cara Tradisional**

Antara perbezaan yang ujud antara dua jenis pendidikan ini ialah:

a. Dari sudut pendidikan

Pendidikan tahfiz cara moden biasanya dikendalikan oleh pihak Kerajaan Pusat atau Negeri, seperti Darul Quran yang diuruskan oleh JAKIM, Jabatan Perdana Menteri. Pusat Tahfiz yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri seperti MARSAH oleh Kerajaan Johor dan Pusat Tahfiz al-Quran Wa al-Qiraat oleh Kerajaan Negeri Sembilan yang menjadi lokasi kajian penulis. Manakala Pusat Tahfiz cara tradisional pula ditubuh dan dikendalikan oleh individu atau

pihak swasta seperti Institut Antarabangsa al-Imam yang juga menjadi lokasi kajian penulis.

b. Dari segi bangunan

Pusat Tahfiz milik kerajaan biasanya dibina dan dimiliki pada bangunan yang tetap. Terdapat juga Pusat Tahfiz Kerajaan yang menyewa bangunan atau menumpang bangunan-bangunan masjid sebagai tempat belajar. Manakala Pusat Tahfiz milik individu atau pihak swasta dibina pada tempat yang tidak tetap, samada bangunan yang dimiliki sendiri, disewa atau yang diwakafkan. Kebanyakkan bangunannya separuh kekal, malah ada yang telah uzur.

c. Dari segi lokasi

Lokasi Pusat Tahfiz Kerajaan keseluruhannya terletak dalam kawasan bandar yang terdedah kepada suasana bising dan sibuk. Bagaimana pun kedudukan begini mudah dari segi perhubungan dan mendapatkan keperluan. Sementara Pusat Tahfiz Swasta pula kebanyakannya terletak di kawasan kampung atau pendalaman. Ini menyebabkan ia jarang dikunjungi oleh orang luar. Pelajar juga sukar untuk pulang ke rumah masing-masing kecuali pada masa-masa yang tertentu.

d. Dari segi perhubungan

Kemudahan perhubungan di Pusat-Pusat Tahfiz kerajaan adalah melalui telefon dan fax. Ini jarang-jarang dimiliki oleh Pusat Tahfiz Swasta yang terletak di kawasan pendalaman.

e. Dari segi pentadbiran dan pengurusan kewangan

Struktur pentadbiran dan pengurusan kewangan Pusat Tahfiz Kerajaan dikendalikan oleh Lembaga atau sebuah Jawatankuasa Khas yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kemajuan dan prestasi pusat tersebut. Kuasa mentadbir dipertanggungjawabkan kepada Mudir atau Pengetua yang dilantik secara fortfolio yang ditugaskan. Ahli-ahli Lembaga Pengarahnya

adalah terdiri daripada pegawai kerajaan di peringkat pusat dan negeri. 70% daripadanya adalah dari agensi agama. Segala perbelanjaan Pusat Tahfiz Kerajaan seperti gaji guru, elaun, bayaran bil utility dan sebagainya ditanggung oleh kerajaan melalui Tabung Zakat atau Baitul Mal Negeri.

Bagi Pusat Tahfiz Swasta pula, ia dikendalikan oleh sebuah Lembaga di mana 90% daripada ahli-ahlinya terdiri daripada orang tempatan dan bakinya adalah terdiri daripada pegawai kerajaan serta ahli politik seperti Qadi, Pegawai Daerah dan lain-lain pegawai tempatan. Perlantikan mereka dibuat atas nama peribadi sahaja. Kedudukan pentadbirannya kurang memuaskan kerana ahli lembaganya sering bertukar tempat kerja. Segala perbelanjaan Pusat Tahfiz Swasta bergantung sepenuhnya kepada usaha Lembaga Pentadbirannya melalui sumbangan atau derma orang ramai dan yuran pelajar.

f. Syarat-syarat kemasukan pelajar

Secara umumnya, syarat-syarat kemasukan pelajar ke Pusat Tahfiz Kerajaan adalah seperti berikut:

- i. Lulus PMR/SPM dengan kepujian subjek tertentu.
- ii. Mempunyai sijil agama (*Rabi' Thanawi*).
- iii. Umur antara 18-21 tahun.
- iv. Lulus temuduga yang ditetapkan (temuduga hafazan al-Quran dan Bahasa Arab).
- v. Lulus Bahasa Inggeris.

Syarat kemasukan ke Pusat Tahfiz Swasta pula adalah lebih mudah di mana calon hanya perlu mahir membaca al-Quran dan had umur tidak ditetapkan.

g. Dari sudut peperiksaan, persijilan dan pengiktirafan

Pelajar-pelajar Pusat Tahfiz Kerajaan akan menduduki Peperiksaan Diploma pada akhir tahun pengajian. Mereka yang lulus akan dianugerahkan Diploma

Tahfiz al-Quran setaraf dengan Diploma UiTM dan KUSZA. Pemegang Diploma ini berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Pertama di Universiti Tempatan atau Timur Tengah selain memasuki Maktab Perguruan.

Pusat Tahfiz Swasta mengadakan peperiksaan khas untuk melayakkan pelajar menerima *Sijil Akuan Tahfiz*. Kebanyakkannya sijil ini tidak mendapat pengiktirafan dari universiti tempatan atau luar negara. Dengan demikian, masa depan pelajar di Pusat Tahfiz Swasta adalah samar.

Dari fenomena yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa masalah yang telah dikenalpasti menghalang kemajuan dan kecemerlang para pelajat Pusat Tahfiz al-Quran sama ada dari kerajaan atau swasta.

a. Pusat Tahfiz Kerajaan

- i. Tempat belajar yang masih kurang selesa kerana bangunan yang berstatus sementara.
- ii. Setengah-setengah Pusat Tahfiz Kerajaan sukar mendapat calon-calon yang berkelayakan.
- iii. Kekurangan tenaga pengajar yang berkelayakan.
- iv. Tidak mempunyai kakitangan pentadbiran yang mencukupi.
- v. Penyelarasaran pentadbiran di antara Pusat-Pusat Tahfiz Kerajaan masih berada pada tahap yang lemah.

b. Pusat Tahfiz Swasta

- i. Kemudahan infrastuktur yang masih berkurangan.
- ii. Kekurangan sumber kewangan.
- iii. Tenaga pengajar yang berkelayakan sukar diperolehi, mungkin kerana gaji yang diberikan terlalu mentah.
- iv. Tidak mendapat pengiktirafan kerajaan dan masa depan pelajarnya tidak terjamin.

Daripada kelemahan-kelemahan yang dinyatakan, beberapa cadangan untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi prestasi Pusat-Pusat Tahfiz al-Quran di negara ini:

- i. Mewujudkan penyelarasan yang menyeluruh di antara Pusat Tahfiz Kerajaan dan Swasta.
- ii. Menyediakan kemudahan infrastruktur yang selesa bagi para pelajar.
- iii. Pengeluaran sijil hanya diadakan oleh agensi kerajaan di peringkat Pusat.
- iv. Mengadakan peperiksaan secara bersama dan serentak di antara Pusat Tahfiz Kerajaan dan Swasta di bawah kelolaan Lembaga Peperiksaan Diploma Tahfiz Peringkat Pusat.
- v. Menyediakan peluang melanjutkan pelajaran kepada pelajar yang berjaya di peringkat diploma ke peringkat yang lebih tinggi di dalam dan luar negara.
- vi. Mengadakan skim perkhidmatan khas bagi guru atau pensyarah Pusat Tahfiz.
- vii. Menyediakan peluang pekerjaan yang lebih luas kepada pemegang-pemegang Diploma Tahfiz.
- viii. Kerajaan Pusat atau Negeri hendaklah memberi elaun khas kepada lepasan Diploma Pusat Tahfiz Kerajaan atau Swasta seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Terengganu.

Dalam usaha mewujudkan Pusat Tahfiz al-Quran yang dapat melahirkan para-para *hafiz* yang berkualiti dan kemampuan, semua pihak hendaklah bekerjasama memperbaiki segala kelemahan yang ada serta bergerak bersama ke arah kejayaan.

## **BAB III**

### **KAEDAH HAFAZAN DI DALAM PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN**

#### **3.0 Pengenalan**

Bahagian ini akan menerangkan kaedah-kaedah menghafaz, mengulang-ulang dan mengekalkan hafazan al-Quran di samping faktor-faktor yang memudahkan penghafaz menamatkan hafazan mereka. Seterusnya diterangkan juga adab-adab yang perlu diamalkan oleh seseorang semasa membaca dan menghafaz ayat-ayat al-Quran.

#### **3.1 Kaedah-Kaedah Menghafaz**

Dalam menghafaz ayat-ayat al-Quran, terdapat tiga peringkat hafazan iaitu menghafaz ayat-ayat baru (*Hifz jadid*), peringkat mengulang-ulang hafazan lepas (*Sabaq*) dan peringkat mengekalkan hafazan yang sedia ada (*Muraj'ah/I'adah*). Jika setiap peringkat hafazan ini dapat diatasi, memudahkan usaha seseorang itu untuk menjadi seorang *hafiz*.

##### **3.1.1 Kaedah Menghafaz Ayat-Ayat Baru (*Hifz.jadid*)**

(*Hifz jaded*) atau menghafaz ayat-ayat baru adalah menghafaz ayat-ayat yang belum pernah dihafaz. Menghafaz adalah suatu kemahiran, oleh itu tidak ada satu kaedah pun ditetapkan tetapi mengikut kesesuaian seseorang individu tersebut. Bagaimana pun berdasarkan guru-guru al-Quran yang berpengalaman, terdapat

suatu kaedah yang lebih berkesan, lebih cepat masanya dan lebih tahan kekuatan daya ingatan yang biasa digunakan untuk semua peringkat hafazan. Dalam kaedah menghafaz ayat-ayat baru, terdapat dua peringkat yang perlu dilakukan iaitu peringkat sebelum dan semasa menghafaz.

### **3.1.1.1 Peringkat Sebelum Menghafaz**

Peringkat sebelum menghafaz ini penting kerana ia akan membantu seseorang semasa menghafaz ayat-ayat al-Quran. Perkara-perkara yang perlu dilakukan sebelum menghafaz ialah:

a. Khatam al-Quran

Sebelum memulakan pembelajaran penghafazan al-Quran, seseorang itu mestilah mampu membacanya dengan fasih, betul dan sudah pernah khatam al-Quran beberapa kali di hadapan guru. Ini akan dapat melancarkan bacaan seseorang kerana apa yang akan dihafaznya sudah dilaluinya beberapa kali sebelum itu.

Bagi pelajar yang belum pernah khatam al-Quran, biasanya akan menghadapi kesukaran di pertengahan jalan dan kemungkinan gagal disebabkan ayat yang dihafaz itu belum pernah dibaca sebelum ini. Dengan demikian lebih kerap seseorang telah khatam al-Quran, semakin baik bacaannya dan semasa menghafaz, tidak akan membuang masa yang banyak untuk membetulkan bacaan.

b. Mengkhususkan satu mashaf al-Quran sahaja

Penggunaan satu mashaf al-Quran sahaja untuk menghafaz adalah memudahkan kerana gambaran kedudukan ayat yang dihafaz dari mashaf

tersebut daripada ayat pertama hingga ayat terakhir dalam satu-satu muka surat itu akan terpahat dalam fikiran mereka. Sebaliknya jika seseorang itu menukar mashaf biasa yang digunakan untuk menghafaz kepada mashaf yang lain, kedudukan dan susunan ayat serta muka suratnya akan menyebabkan hafazannya menjadi bercelaru dan kucar kacir (Abdullah al-Qari, 1995:44).

Para penghafaz juga digalakkan supaya menggunakan mashaf yang mengandungi tanda bulatan yang menunjukkan akhir ayat (nombor ayat) pada setiap akhir muka surat dan setiap muka surat tidak mengandungi ayat tertangguh atau bersambung ke muka surat yang lain. Begitu juga janganlah dipilih mashaf yang terlalu kecil kerana ia akan menyukarkan penghafazan dan menyebabkan banyak kesalahan pada hafazan.

c. Menentukan kadar hafazan

Prof. E.B. Zecsmeister dan S.E. Nyberg telah membuat kajian mengenai cara yang berkesan untuk menghafaz. Beliau membuat rumusan bahawa belajar secara teragih dari segi masa lebih berkesan daripada belajar secara bertumpu. Di Madrasah, pihak pentadbir atau guru boleh menentukan kadar hafazan yang wajib dihafaz oleh setiap pelajarnya bagi siap tahun pengajian. Contohnya, setiap pelajar tahun pertama dikehendaki menghafaz sekurang-kurangnya empat halaman dalam masa seminggu. Untuk menghabiskan kadar hafazan sebanyak empat halaman seminggu, para pelajar perlu membuat kadar hafalan yang tertentu dalam sehari samada beberapa ayat atau setengah muka surat, bergantung kepada kemampuan mereka masing-masing asalkan dapat mencapai target hafazan seminggu yang telah ditetapkan. Dengan itu, dalam masa setahun mereka akan dapat menghafaz al-Quran sebanyak lima juzuk. Begitulah seterusnya bagi tahun kedua, ketiga dan seterusnya, kadar hafazan ditetapkan sehingga pelajar menghabiskan hafazan keseluruhan al-Quran.

- d. Susunkan ayat atau juzuk yang hendak dihafaz

Prof. Gordon Bower mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi ingatan dan kajian beliau mendapati bahawa apabila maklumat disusun dahulu baru dihafaz, ia lebih mudah diingat. Menurut beliau, susunan secara tatatingkat adalah paling baik untuk diingat. Bagi penghafaz al-Quran, seseorang itu bolehlah membuat susunan ayat-ayat yang hendak dihafaz di permulaan hingga ayat terakhir bagi sesuatu masa menghafaz. Begitu juga penghafaz boleh memulakan penghafazan daripada juzuk pertama hingga juzuk terakhir atau sebaliknya.

- e. Tidak berpindah ke ayat (hafalan) baru sehingga betul-betul lancar

Para penghafaz dinasihatkan supaya tidak memindahkan hafazan mereka kepada ayat-ayat yang baru kecuali setelah ayat-ayat tersebut betul-betul lancar. Elakkan dari sifat terburu-buru hendak berpindah ke ayat yang lain kerana ingin cepat khatam kerana sikap terburu-buru itu akan menyebabkan ayat-ayat yang telah dihafaz menjadi kucar-kacir(Abu Mazaaya al-Hafiz, 1996:8). Biarlah seseorang itu lambat menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran tetapi dalam masa yang sama ingatan mereka terhadap ayat-ayat yang telah dihafaz terus kekal.

### **3.1.1.2 Peringkat Semasa Menghafaz**

Antara perkara-perkara yang perlu dilakukan semasa peringkat menghafaz ialah:

- a. Membaca doa sebelum menghafaz.

اللَّهُمَّ نُورِ بِكِتابِكَ بَصَرِيْ وَأَشْرَحْ بِهِ صَدْرِيْ وَاسْتَعْمَلْ بِهِ بَدَنِيْ وَأَطْلَقْ  
بِهِ لِسَانِيْ وَفَوْبِهِ جَنَانِيْ وَأَسْرَعْ بِهِ فَهْمِيْ وَفَوْبِهِ عَزْمِيْ بِحَوْلِكَ وَفَوْتِكَ  
فَإِنَّهُ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Terjemahannya:

*“Ya Tuhaniku, pancarkanlah cahaya kitabMu terhadap pandanganku dan lapangkanlah dengannya dadaku, gunakanlah dengannya badanku, mudahkanlah sebutan lidahku, dan kuatkanlah ingatanku dan segerakanlah dengannya kefahamanku, dan kuatkanlah dengannya keazamanku dengan daya dan kekuatanMu. Bahawasanya tiada daya dan upaya melainkan denganMu wahai Tuhan yang Maha Pengasih”.*

- b. Membaca doa selepas menghafaz al-Quran

**اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَوْدِعُكَ مَا عَلَمْتَنِي فَارْدُدْهُ إِلَيْ وَقْتَ حَاجَتِي إِلَيْهِ فَلَا تُنْسِيهِ  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.**

Terjemahannya:

*“Ya Tuhaniku, sesungguhnya aku bermohon kepada Mu agar diulangkan apa yang daku pelajari ketika aku memerlukannya dan janganlah Engkau melupakannya dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad, keluarga dan sahabat-sahabatnya sekalian”.*

- c. Memilih tempat yang sesuai adalah penting semasa menghafaz. Prof. P. W. Thorndike dan B. Hayes-Roth membuat kajian mengenai faktor-faktor yang menyebabkan kita lupa semasa menghafaz. Kajian mereka menunjukkan apabila kita menghafaz sesuatu maklumat, ia boleh menyebabkan kita lupa maklumat lain yang kita hafaz. Itulah sebabnya ahli-ahli psikologi menasihatkan kita menumpukan apa yang kita pelajari dalam satu-satu masa. Ini bertujuan supaya apa yang kita pelajari tidak diganggu oleh perkara-perkara lain. Seseorang yang ingin menghafaz al-Quran perlulah memilih lokasi sesuai yang boleh menenangkan fikiran dari sebarang gangguan. Tempat yang sesuai untuk menghafaz akan melancarkan hafazan dan boleh

mengekalkannya dengan lebih lama. Antara ciri-ciri tempat yang sesuai adalah:

- i. Jauh dari kebisingan.
  - ii. Bersih dan suci dari kotoran dan najis.
  - iii. Mudah dimasuki udara (bukan tempat tertutup yang menyebabkan suasana menjadi hangat).
  - iv. Jauh dari sebarang gangguan-gangguan seperti hampir dengan telefon dan ruang tamu.
- d. Pilih masa menghafaz yang sesuai. Ini kerana menghafaz di masa yang tenang untuk mudah mengingati apa yang di hafaz. Masa yang paling tenang sesuai bagi seseorang pelajar menghafaz al-Quran adalah selepas solat subuh dan asar. Bagaimana pun ini bergantung kepada keselesaan individu itu sendiri. Untuk pelajar Madrasah, masa untuk menghafaz dan mengulang-ulang hafazan selalunya di tetapkan oleh pihak pentadbir dalam waktu persekolahan.
- e. Melancarkan bacaan ayat-ayat dan surah-surah yang akan dihafaz untuk memudahkan penghafazan. Seseorang boleh melakukannya di hadapan guru atau rakan semasa melakukannya.
- f. Setelah bacaan lancar (tiada tersangkut) barulah mula menghafaz. Cuba hafaz satu-satu ayat. Mulakan dengan penuh perhatian dan hati yang khusyuk.
- g. Setelah menghafaz beberapa ayat hendaklah diulang balik. Cuba perdengarkan kepada orang lain sekurang-kurangnya dua atau tiga kali.
- h. Jika penat, berhenti rehat kemudian teruskan hafazan.
- i. Jangan diubah al-Quran yang digunakan untuk menghafaz.

Dalam menghafaz ayat-ayat al-Quran terdapat beberapa kaedah yang boleh dilakukan bagi memudahkan penghafazan. Antaranya adalah:

a. Memahami ayat-ayat yang akan dihafaz

Kaedah ini kebiasaannya sesuai dengan mereka yang memahami bahasa Arab dengan baik. Ini kerana ayat-ayat yang hendak dihafaz perlu difahami terlebih dahulu. Hal ini dilakukan dengan melihat terjemahan daripada tafsir al-Quran supaya ketika menghafaz ayat suci al-Quran, kita akan terasa maknanya meresap ke dalam hati.

Setelah memahami, bacaan ayat-ayat suci perlu dilakukan berulang-ulang kali sehingga dapat mengingatinya. Perlu diingat bahawa ketika membuat ulangan bacaan, otak penghafaz mestilah mengingat setiap maksud ayat yang dibaca. Dengan cara ini, ayat dapat dihafaz dengan lebih pantas.

b. Mengulang-ulang bacaan sebelum menghafaz

Kaedah ini kurang membebankan kerana seseorang itu tidak perlu menggunakan seluruh akal fikirannya. Sebelum menghafaz ayat-ayat tertentu, penghafaz perlu membuat bacaan ayat-ayat yang hendak dihafaz secara berulang-ulangkali. Jumlah ayat yang hendak dihafaz mestilah sesuai dengan kemampuan. Terdapat dikalangan penghafaz yang mengulang bacaan mereka sebanyak 35 kali atau lebih sebelum menghafaz ayat-ayat tersebut. Dengan cara ini penghafaz akan merasa mudah untuk mengingat ayat-ayat yang ingin dihafaz.

Namun demikian, cara ini memerlukan kesabaran yang tinggi dan masa yang panjang. Malah suara juga boleh menjadi serak sekiranya terlalu kerap mengulang-ulang bacaan. Bagaimana pun, cara ini amat praktis bagi mereka yang mempunyai daya ingatan yang lemah.

c. Mendengar sebelum menghafaz

Terdapat di kalangan penghafaz yang menggemari kaedah ini kerana ia tidak terlalu memberi tekanan akal fikiran kepada penghafaz untuk mengingatinya. Penghafaz hanya perlu serius mendengar bacaan setiap ayat yang hendak dihafaz melalui kaset-kaset rakaman tilawah al-Quran yang sudah diakui kesahihannya dan mendengar secara berulang-ulang.

Dengan mendengar berulang kali, memudahkan para penghafaz untuk mengingati ayat-ayat yang hendak dihafaz. Sebagaimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah S.A.W. dalam solat berjemaah samada solat fardu ataupun solat sunat, baginda akan menperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran kepada para maknum di belakangnya. Bacaan ayat-ayat yang dibaca dan diperdengarkan oleh Rasulullah S.A.W. adalah merangkumi surah-surah yang panjang atau pendek. Dengan pendekatan ini, telah lahir di kalangan para sahabat yang dapat menghafaz ayat-ayat suci al-Quran kerana sering mendengar ulangan bacaan ayat-ayat tersebut.

d. Menulis sebelum menghafaz

Cara ini sering digunakan oleh para ulama pada zaman dahulu dengan menulis terlebih dahulu setiap ilmu tersebut sebelum menghafalnya.

e. Menggambarkan ayat yang hendak dihafaz dalam ingatan

Semasa proses menghafaz, seseorang itu hendaklah mengusahakan supaya ayat-ayat yang dihafaz berserta tulisannya dapat digambarkan dalam ingatan mereka. Seboleh-bolehnya gambaran tersebut mestilah betul-betul mantap sehingga kita mampu menulis ayat tersebut tanpa melihat kepada mashaf.

Para penghafaz juga hendaklah memastikan supaya setiap kepala ayat di awal dan di akhir setiap muka surat dapat digambarkan dalam ingatan seolah-oleh mushaf al-Quran terbentang di hadapan mereka. Tujuannya ialah untuk

memudahkan para penghafaz mengingatinya dengan lebih berkesan dan dapat bertahan dalam tempoh yang lebih lama.

### **3.2 Kaedah Mengulangkaji Bacaan (*Taqrir Atau Muraja'ah*)**

*Taqrir* atau *muraja'ah* bermakna mengulang-ulang. Maksud keadah *Taqrir* atau mengulang-ulang ialah pengulangan yang dibuat oleh penghafaz al-Quran untuk mengekal dan mengukuhkannya dalam ingatan. Ini bertujuan bagi mengekalan hafazan tersebut supaya tidak lupa atau hilang dari ingatan.

Dalam satu kajianya, Prof. W.C.F. Krueger telah menggunakan kaedah mengulang-ulang bacaan sebelum menghafaz ke atas sekumpulan pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa semakin banyak mereka mengulang-ulang bacaan, semakin banyak yang mereka hafaz. Implikasi daripada kajian tersebut, jika kita hendak menghafaz sesuatu maklumat, kita mesti terus mengulang-ulangnya.

Kekerapan mengulang-ulang bacaan bergantung kepada kekuatan daya ingatan mereka masing-masing. Bagi seseorang yang mempunyai ingatan yang kuat, masa yang digunakan untuk mengulang adalah sedikit berbanding dengan mereka yang mempunyai ingatan yang lemah. Walau bagaimanapun, menghafaz (*Tahfiz*) dan mengulang (*Taqrir*) perlu seimbang dengan nisbah antara keduanya adalah 1:10, iaitu setiap hafazan baru mesti diulang sekurang-kurangnya sepuluh kali.

Keadah mengulang-ulang bacaan al-Quran, terdapat dua bahagian iaitu mengulangi hafazan yang masih baru dan mengulangi hafazan yang telah lama diperolehi.

### **3.2.1 Kaedah Mengulang-ulang Hafazan Yang Masih Baru**

Kaedah ini digunakan bagi pelajar yang baru sahaja menghabiskan penghafazan al-Quran atau mereka yang di dalam pertengahan seperti telah memperolehi 15 juzuk ke atas. Sebagai contoh seseorang yang telah menghafaz 15 juzuk, ia mestilah memastikan kesemua 15 juzuk dapat diulang setiap hari. Jika tidak mampu, bolehlah diselesaikan dalam masa dua atau tiga hari sekali berdasarkan pembahagian berikut:

- Hari pertama – mengulang lima juzuk yang dianggap lancar dan mudah, ditambah dua juzuk hafazan yang baru. Jumlahnya tujuh juzuk.
- Hari kedua – mengulang lima juzuk yang dianggap lancar dan mudah (selain lima juzuk di atas), ditambah dua juzuk hafazan yang baru. Jumlahnya tujuh juzuk.
- Hari ketiga – mengulang 5 juzuk dari mana-mana bahagian juzuk yang dianggap belum lancar dan sukar diingati.

Ini bermakna dalam masa tiga hari seseorang penghafaz hendaklah mengulang sebanyak 19 juzuk. Perlu diingat, bahawa tidak semestinya juzuk-juzuk yang lebih awal dihafaz akan lebih lancar berbanding dengan juzuk-juzuk yang lain. Oleh itu, seseorang penghafaz perlulah mengkategorikan mana juzuk yang dianggap lancar, kurang lancar dan tidak lancar untuk menentukan mana juzuk yang memerlukan kepada kekerapan mengulang (Abu Mazaaya, 1996:9).

Berdasar pembahagian di atas juga, seseorang yang telah khatam penghafazannya, mestilah khatam mengulang bacaan keseluruhan al-Quran sekali seminggu. Bagi juzuk-juzuk yang masih belum lancar dan sukar akan dapat diulang sebanyak tiga atau empat kali seminggu. Mana juzuk yang dianggap lancar, memadai dengan mengulang sekali seminggu.

### 3.2.2 Kaedah Mengulang Hafazan Yang Telah Lama Diperolehi

Bagi seseorang *hafiz* yang telah *rasikh* hafazannya, kekuatan mengulang bergantung kepada kekuatan daya ingatan yang dimiliki. Ada setengah-setengah *hafiz* yang betul-betul *rasikh*, mereka hanya mengulang satu juzuk dalam seminggu, bermakna setiap bulan mereka khatam al-Quran sekali.

Cara ini hanya dapat dilakukan oleh *hafiz* yang setidak-tidaknya sudah puluhan tahun dari masa khatamnya. Walau bagaimana pun, secara umumnya kekerapan mengulang bagi mereka yang *rasikh* adalah dua atau tiga kali khatam dalam masa sebulan. Ini adalah cara mengulang yang sederhana dan tidak membebankan sekiranya mereka betul-betul berdisiplin dan beristiqamah.

Adalah menjadi tanggungjawab seorang *hafiz* untuk mengulang bacaan mereka setiap hari. Tanpa pengulangan ayat-ayat al-Quran, hafazan akan lupa secara beransur-ansur sekalipun seseorang itu mempunyai ingatan yang kuat.

Dalam mengulang-ulang hafazan yang telah lama diperolehi, Abu Najihat al-hafiz (2001:77-78) telah memberi beberapa peringatan kepada seorang penghafaz al-Quran:

- a. Untuk lebih mendisiplinkan masa dalam melaksanakan pengulangan, sebaiknya seorang *hafiz* mempunyai keyakinan bahawa memelihara dan menjaga hafazan adalah suatu kewajipan istimewa yang ada hubungan secara langsung dengan Allah S.W.T.
- b. Adalah menjadi suatu kesalahan bagi seorang *hafiz* sekiranya ia mempunyai semangat bermusim dalam mengulangkaji hafazan. Janganlah sekali-kali mengulang satu kali khatam dalam satu hari ketika rajin kemudian dalam masa yang lama seperti tiga atau empat minggu tidak melakukan pengulangan kerana dilanda perasaan malas. Kebiasaan sebagaimana di atas dapat

menjejaskan hafazan dan boleh jadi lambat laun akan lupa hafazannya kerana diselimuti perasaan malas yang berterusan.

- c. Kebiasaan menunda dan menangguhkan pengulangan hanya akan menambah perasaan malas pada hari yang berikutnya. Hal ini sebenarnya merupakan pembawaan nafsu malas itu sendiri yang mengajak kepada menangguh-nanggukan tugas dari satu masa ke masa yang berikutnya. Untuk mengelakkan kemalasan ini, usaha pengulangan hendaklah dijadikan kewajipan khas setiap hari pada satu masa yang telah ditentukan sebagaimana ketentuan waktu di dalam solat lima waktu.

Tiga perkara di atas, adalah sangat penting untuk diambil berat oleh golongan *hufaz* yang ingin berjaya dengan cemerlang dan mendapatkan syafaatnya di hari kiamat kelak.

### **3.2.3 Kaedah Mengekalkan Hafazan (*Muraj'ah/I'adah*)**

Pengekalan hafazan (*Muraj'ah/I'adah*) merupakan peringkat di mana mengekalkan hafazan yang tersimpan dalam ingatan. Bagi seorang *hafiz* al-Quran, adalah amat penting dan menjadi kewajipan supaya ia menjaga dan memelihara hafazannya agar terus kekal dalam ingatannya. Berikut adalah beberapa kaedah yang boleh dipraktikkan mengekalkan hafazan iaitu:

- a. Bergaul dengan mereka yang telah menjadi *hafiz*

Kebiasaannya pada suatu tahap tertentu akan timbul rasa jemu dan malas untuk mengulangkaji hafazan walaupun pada awalnya semangat tersebut amat berkobar-kobar. Di sinilah fungsinya bergaul dengan orang-orang yang sedang atau sudah menghafaz al-Quran. Ia dapat membantu seseorang itu untuk konsisten dalam mengulang-ulang ayat-ayat al-Quran kerana wujudnya semangat persaingan untuk berlumba-lumba membacanya. Selain itu, mereka

turut berperanan sebagai pemberi motivasi kepada seseorang yang mula malas dan lesu untuk mengulang hafazan.

b. Mendengar bacaan *hafiz* al-Quran

Mendengar bacaan dari seorang *hafiz* al-Quran dapat memberi semangat kepada seseorang yang ingin mengekalkan hafazannya. Hal ini boleh dilakukan dengan mendengar kaset-kaset rakaman, radio ataupun compact disk al-Quran. Sekiranya ingin memperolehi manfaat yang lebih banyak, seseorang *hafiz* itu boleh mendengar dengan teliti bacaan-bacaan yang diperdengarkan dengan memerhatikan hukum-hukum tajwidnya, ghunnah-ghunnahnya serta alunan irama bacaannya.

c. Mengulang hafazan bersama orang lain

Cara ini merupakan cara popular yang digunakan oleh para ulama zaman dahulu untuk mengingati ilmu yang telah mereka pelajari. Begitu juga bagi seorang *hafiz* yang melakukannya secara konsisten, hafazan al-Quran lebih mudah dikekalkan. Malah pada masa yang sama, ketika berlaku ketidaklancaran pada bacaan salah seorang di antara mereka, rakannya dapat membetulkan bacaan tersebut.

d. Selalu membaca ayat yang dihafaz di dalam solat

Seringkali membaca ayat-ayat yang telah dihafaz di dalam solat sudah tentu akan memudah dan melancarkan lagi hafazan seseorang. Ini kerana suasana solat itu sendiri memerlukan konsentrasi dan keseriusan dalam melaksanakan ibadat tersebut. Maka seorang *hafiz* perlulah membuat pengulangan bacaan yang intensif dan melapangkan waktu yang agak panjang. Walaupun demikian, ini bukanlah bermakna tidak terdapat langsung kesalahan seperti kesilapan bacaan ataupun terlupa ayat yang hendak dibaca semasa membaca di dalam solat. Namun apabila perbuatan ini menjadi rutin, lama-kelamaan akan terhasil juga satu sistem hafazan ayat-ayat suci al-Quran yang amat lancar.

e. Menyertai Musabaqah ‘*Hifz al-Quran*’

Dengan mengikuti pertandingan seumpama ini menyebabkan seseorang itu mendapat motivasi untuk mengulang hafazannya secara berulangkali. Ini kerana pertandingan tersebut dianggap satu suasana ujian yang amat genting. Melalui pertandingan yang disertai ini, penghafaz bukan sahaja dapat menguji kemampuannya dalam menghafaz ayat al-Quran malah turut memperolehi pengalaman yang berharga apabila dapat bertukar-tukar ilmu dan buah fikiran dengan peserta daripada daerah dan negeri lain.

### 3.3 Masalah-Masalah Dalam Menghafaz Dan Mengekalkan Hafazan al-Quran

Setelah bergelar seorang *hafiz*, adalah menjadi tanggungjawab kepada seseorang itu untuk memelihara hafazannya supaya tidak hilang atau lupa. Melupakan hafazan al-Quran setelah menghafaznya adalah suatu dosa di sisi Allah S.W.T. Amaran keras ini telah dijelaskan oleh Nabi Muhammad S.A.W. dalam sebuah hadisnya:

عَنْ سَعْدِ بْنِ عُبَادَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَا مِنْ إِمْرَئٍ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ ثُمَّ يَنْسَاهُ إِلَّا لَقِيَ اللَّهُ أَجْدَمُ.

Terjemahannya:

“Sesiapa yang menghafaz al-Quran kemudian dia lupa nescaya dia akan berjumpa Allah di hari kiamat dalam keadaan berpenyakit juzam (kusta) dengan terpotong-potong tangannya.”

( Hadith riwayat abu Dawud dan Tirmidhi)

Memandangkan gangguan dan kesukaran untuk mengekalkan hafazan al-Qurannya, seseorang itu mestilah mengetahui faktor-faktor yang menyebabkan hilang hafazan dalam ingatannya. Ini memastikan hafazan keseluruhan al-Quran kekal dalam ingatan dan menghindari kemurkaan dari Allah S.W.T.

### 3.3.1 Masalah Dalaman (Internal) Seorang Hafiz Al-Quran

Masalah dalaman (internal) adalah masalah yang wujud dari dalam diri seorang *hafiz* al-Quran. Semasa menjalani kehidupan hariannya, godaan dunia di samping bisikan syaitan, boleh menyebabkan seseorang *hafiz* itu lupa diri bahawa dia adalah seorang penghafaz al-Quran. Oleh itu, seorang *hafiz* perlu mengetahui masalah-masalah berikut dan menjaga dirinya untuk mengelak daripada lupa hafazan al-Quran. Antaranya:

- Cintakan dunia dan terlalu sibuk dengannya

Orang yang sibuk dengan perkara keduniaan, tidak akan dapat melapangkan masa untuk mengulangkaji hafazan. Kegagalan mengulang-ulang bacaan menyebabkan hafazan akan hilang sedikit demi sedikit dari ingatan. Oleh itu, dalam mengejar keperluan hidup, seorang *hafiz* perlulah melapangkan sejumlah masa setiap hari untuk mengulang bacaan. Firman Allah S.W.T.:

كَلَّا بَلْ تُحِبُّونَ الْعَاجِلَةَ وَتَذَرُّونَ الْآخِرَةَ

Terjemahannya:

“Sekali-kali jangan begitu, bahkan kalian terlalu mencintai dunia dan meninggalkan akhirat.”

(al-Qiyamah:20-21)

- Tidak merasai kenikmatan al-Quran

Menjadi seorang *hafiz* adalah anugerah daripada Allah S.W.T dan sesiapa yang membaca al-Quran akan diberi kenikmatan daripadanya. Sebagaimana para sahabat di zaman Rasullullah S.A.W. seperti 'Uthman bin 'Affan, yang khatam pembacaan al-Quran pada setiap hari. Begitu juga sahabat-sahabat yang lain seperti Ubai bin Ka'ab, Zaid bin Thabit dan lain-lainnya di mana setengah daripada mereka khatam pembacaan al-Quran tiga hari sekali,

seminggu sekali dan sekurang-kurangnya sebulan sekali. Kegairahan sahabat dalam mengulang-ulang untuk mengkhatham al-Quran kerana mereka telah mendapat kenikmatan dalam pembacaannya.

Amalan-amalan seperti ini tidak mungkin dilakukan oleh seseorang yang tidak merasai kemanisan membaca al-Quran. Banyak atau sedikitnya kenikmatan membaca al-Quran bergantung kepada kualiti iman dan ketaqwaan pembacanya kepada Alah S.W.T. Allah S.W.T. menjelaskan bahawa orang yang rajin membaca al-Quran adalah mereka yang suka bersembahyang malam, beriman kepada Allah S.W.T. dan hari akhirat, menyuruh yang maaf dan mencegah yang mungkar serta bersegera dalam melakukan amal-amal yang soleh. FirmanNya:

﴿لَيْسُوا سَوَاءٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ أُمَّةٌ قَيِّمَةٌ يَتْلُونَ عَالِيَاتِ اللَّهِ ءَانَاءَ الْأَيَّلِ وَهُمْ يَسْجُدُونَ ﴾١١٣ ﴿ يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُسَرِّعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴾١١٤ ﴾

Terjemahannya:

*“Mereka itu tidak sama, di antara ahli kitab itu ada yang berlaku lurus, mereka membaca ayat-ayat Allah pada beberapa malam hari, sedang mereka dalam bersujud (solat). Mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat, mereka menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar dan bersegera dalam melaksanakan amal-amal yang baik, mereka itu termasuk dalam golongan orang-orang yang salih.”*

(al-'Imran:113-114)

c. Hati yang kotor dan banyak melakukan maksiat

Hafazan al-Quran akan dapat menerang hidup penghafaznya jika dilandasi oleh hati yang bersih dari kotoran syirik, takabur dan pelbagai kemaksiatan. Oleh itu menghafaz al-Quran tidak mungkin dilakukan oleh orang yang berhati kotor kerana kitab ini adalah suci yang diturunkan oleh Allah S.W.T. yang maha suci, dibawa oleh malaikat yang suci, diberikan kepada Rasullulah S.A.W. yang suci dan diturunkan ke tanah yang suci.

Kekotoran hati ini mengikut perlakuan maksiat yang dilakukan oleh seseorang. Apabila hati sudah kotor maka hafazan terhadap al-Quran akan berkurangan sehingga ke peringkat hati yang hitam gelap yang akan menjauhkan seseorang seseorang dari kecintaan dan melupakan al-Quran.

d. Tidak sabar, malas dan mudah berputus asa

Menghafaz dan mengulang-ulang hafazan al-Quran memerlukan kegigihan dan kesabaran yang terus menerus. Ini adalah ciri-ciri al-Quran itu sendiri yang mengajak kita untuk menjadi manusia yang aktif dalam hidup di dunia. Begitu juga semasa al-Quran diwahyukan kepada baginda Rasullulah S.A.W. yang memerlukan titisan peluh untuk menerimanya, bahkan seorang sahabat pernah merasakan beratnya peha Rasullulah S.A.W. ketika pehanya menjadi sandaran kepada peha Rasullulah S.A.W. ketika baginda menerima wahyu.

Oleh itu, kesabaran, ketekunan dan tidak mudah berputus asa menjadi sifat kepada seorang yang ingin menghafaz al-Quran. Untuk menghilangkan sifat tidak sabar, malas dan putus asa, perlulah menghindari perkara-perkara berikut:

- i. Lupa atau sudah tidak berminat lagi terhadap tujuan dan kelebihan-kelebihan menghafaz al-Quran.
- ii. Tidak bersedia untuk bekerja keras bagi menghafaz dan mengulang-ulang hafazan.

- iii. Lemahnya *bertaqarub* kepada Allah S.W.T. yang menyebabkan lemahnya *ruhiyah* dalam diri.
- iv. Terpengaruh dengan suasana keluarga, sekolah dan masyarakat yang belum memahami kepentingan pendidikan hafazan al-Quran.

Oleh itu, sebelum seseorang mula menghafaz al-Quran, hendaklah meyakini mengenai tujuan dan kelebihan menjadi seorang *hafiz*. Lebih-lebih lagi bagi seorang dai'e, tentunya memahami pentingnya menghafaz al-Quran. Apabila sudah memahami tujuan dan kelebihan menghafaz al-Quran, barulah seseorang itu sedia melapangkan masanya untuk menghafaz dan mengulang-ulang ayat-ayat al-Quran. Sebarang halangan dan kesusahan yang dialaminya semasa pembelajaran akan dihadapi dengan tabah dan sabar kerana mengharapkan ganjaran daripada Allah S.W.T.

e. Niat yang tidak ikhlas

Niat yang tidak ikhlas dalam menghafaz al-Quran bukan sahaja menghalang kejayaan seorang menghafaz al-Quran di samping itu juga mendapat kutukan daripada Allah S.W.T. di hari akhirat. Keikhlasan dalam menghafaz al-Quran hendaklah dipertahankan secara terus menerus. Ia menjadi motivasi yang kuat untuk mencapai kejayaan menjadi seorang *hafiz* dengan selalu mengingatkan janji-janji Rasullullah S.A.W. berupa pahala yang sangat banyak. Di samping itu, adalah perlu daripada peringkat awal lagi, menjadi seorang *hafiz* tidak menjanjikan peluang keduniaan yang luas, seperti mana mempelajari bidang-bidang yang lain. Di sinilah peranan keikhlasan kepada Allah S.W.T. yang akan menjadi kekuatan dalam diri seorang penghafaz al-Quran bagi mempertahankan niat suci itu.

### **3.3.2 Masalah Luaran (External) Seorang Hafiz Al-Quran**

Masalah luaran ini tidaklah seberat masalah dalaman. Ini kerana banyak orang-oarang kafir atau orientalis yang tidak beriman pun mampu untuk menghafaz

keseluruhan al-Quran. Tunggak kejayaan adalah datangnya dari keinginan yang kuat dari diri seseorang itu. Namun jika berjaya melepas masalah dalam, masalah luaran akan mampu diatasi. Antara masalah-masalah luaran adalah:

- a. Tidak mampu membaca dengan baik

Penghafaz yang tidak mampu membaca al-Quran dengan baik akan menghadapi dua masalah iaitu masalah membaca dan masalah menghafaz. Masalah ini akan lebih ketara apabila ayat yang dihafaz semakin banyak menyebabkan penghafazan terhenti separuh jalan. Terdapat juga mereka yang melakukan kedua-dua perkara ini sekaligus dapat menamatkan penghafazan mereka. Jika penghafaz tidak mampu melakukan dua perkara sekaligus, adalah baik ia melancarkan bacaan al-Quran terlebih dahulu barulah menghafaznya.

- b. Tidak mampu mengurus masa

Penghafaz yang tidak mampu untuk mengurus masa mereka akan merasa kesuntukan masa untuk menghafaz di samping melakukan kerja-kerja yang lain. Untuk ini, seorang penghafaz perlu mendisiplinkan diri melapangkan sebahagian masa untuk menghafaz. Sebaiknyajadikanlah menghafaz sebagai tugas utama serta menjadikan kenikmatan membaca dan menghafaz ayat-ayat al-Quran mengurangkan masa untuk melakukan tugas-tugas yang lain.

- c. Sukar membezakan ayat-ayat *Mutasyabih*

Al-Quran adalah merupakan mukjizat dari Allah S.W.T, mempunyai ayat-ayat yang sama dari segi makna dan lafaznya. Sebagaimana firmanNya:

اللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ الْحَدِيثِ كَتَبًا مُّتَشَبِّهًا مَّثَانِي تَقْسِيرٌ مِّنْهُ جُلُودُ الْذِينَ  
..... يَخْشُونَ رَبَّهُمْ

Terjemahannya:

*“Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu kitab suci al-Quran yang bersamaan isi kandungannya antara satu dengan yang lain, yang berulang-ulang (keterangannya berbagai cara), (oleh kerana mendengarnya atau membacanya) yang menyebabkan badan orang yang takut kepada Tuhan mereka menjadi seram.....”*

(al-Zumar:23)

Ayat-ayat *Mutasyabih* bermaksud ayat yang mempunyai persamaan seluruh atau separuhnya di antara satu sama lain. Ayat ini kadangkala adalah sama seratus peratus dan pada tempat yang lain ia berbeza hanya pada satu huruf sahaja (Muhsin, 1994: 62). Seseorang penghafaz tidak boleh dikatakan mahir dengan hafazannya selagi belum menguasai ayat *Mutasyabih* ini.

Jika al-Quran mempunyai 6000 ayat lebih, maka di sana terdapat kira-kira 2000 ayat yang mempunyai persamaan dalam pelbagai segi. Oleh itu, penghafaz al-Quran perlu memberi perhatian yang khusus terhadap ayat-ayat yang serupa ini. Kalau ianya tidak diberi perhatian yang bersungguh-sungguh, ia akan menjadi satu masalah yang akan menyebabkan hafazan seseorang itu sering bertukar dan menjadi kucar-kacir.

Untuk mengatasi masalah ini, para penghafaz perlulah mencari kaedah tersendiri untuk membezakan di antara ayat-ayat yang mempunyai persamaan samada dari segi tulisan dan juga struktur binaan ayat. Sebagai contoh ialah:

وَرَبُّكَ الْغَنِيٌّ ذُو الْرَّحْمَةِ

Terjemahannya:

*"Dan Tuhanmu Maha Kaya, lagi mempunyai rahmat....."*

(al-An'am, 133)

٤٦  
وَرَبُّكَ الْغَفُورُ ذُو الْرَّحْمَةِ

Terjemahannya:

*"Dan Tuhanmu Yang Maha Penampun, lagi mempunyai rahmat..."*

(al-Kahfi, 58)

Kedua-dua ayat di atas mempunyai kesamaan walaupun berada dalam dua surah yang berlainan. Kaedah yang boleh digunakan untuk membezakan di antara keduanya ialah dengan membuat penyesuaian di antara ayat dengan nama surah (Abu Muhammad Jamal, 1995: 8-9).

Ayat daripada surah al-An'am dan surah al-Kahfi di atas, masing-masing terdapat satu huruf yang mempunyai huruf yang sama dengan nama surah. Dengan ini, para *hafiz* dapat membezakan ayat yang terdapat dalam surah al-An'am dengan ayat yang terdapat dalam surah al-Kahfi.

Contoh ayat *Mutasyabih* lain yang sering membawa masalah kepada penghafaz al-Quran ialah:

﴿١٢﴾ كَذَلِكَ نَسْلُكُهُ وَ فِي قُلُوبِ الْمُجْرِمِينَ

Terjemahannya:

*"Demikianlah, Kami memasukkan (rasa ingkar dan memperolok-olokkan itu) ke dalam hati orang-orang yang berdoa (orang-orang kafir)".*

(al-Hijr, 12)

**كَذَلِكَ سَلَكْتُهُ فِي قُلُوبِ الْمُجْرِمِينَ**

Terjemahannya:

"Demikianlah Kami masukkan al-Qur'an ke dalam hati orang-orang yang durhaka".

(al-Syu'ara', 200)

Cara mudah untuk membezakan di antara kedua-dua ayat di atas ialah dengan menggunakan kaedah bait syair iaitu:

بِالْحِجْرِ فَعَلَ لَوْ تَرَاهُ نَسْلَكُهُ \* وَالْمَاضِي مِنْهُ الشُّعَرَاءُ قَاتِلُهُ

Kalau diperhatikan pada kedua-dua ayat di atas, perkataan yang menjadi pokok persoalan di sini, terdiri daripada *fi'l al-Mudhari'* yang terdapat dalam surah al-Hijr dan *fi'l al-Madi* di dalam surah al-Syu'ara'. Jadi dengan menggunakan kaedah bait syair di atas, seseorang penghafaz akan dapat membezakan di antara kedua-dua ayat tersebut dengan baik (Abu Muhammad Jamal, 1995: 8-9).

Imam Ibn Munadi ada menyatakan tentang kepentingan mengambil perhatian terhadap ayat-ayat *Mutasyabih* di dalam al-Quran, beliau menjelaskan bahawa mengambil perhatian terhadap perkara ini dapat membantu penguatkan penguasaan hafazan dan melatih tenaga ingatan yang jitu (Anas Ahmad, 1995: 91).

**Contoh-contoh lain ayat *mutasyabih*:**

1. Ayat 27 dari surah al-Baqarah hampir serupa dengan ayat 25 surah al-Ra'd juzuk 13.

**Ayat 27 surah al-Baqarah juzuk 1**

الَّذِينَ يَنْقُضُونَ عَهْدَ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مِيَتَّاقِهِ وَيَقْطَعُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ  
وَيُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ أُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ

Terjemahannya:

"(Iaitu) orang-orang yang melanggar perjanjian Allah sesudah perjanjian itu teguh, dan memutuskan apa yang diperintahkan Allah (kepada mereka) untuk menghubungkan dan membuat kerosakan di muka bumi. Mereka iulah orang-orang yang rugi".

(al-Baqarah, 27)

### Ayat 25 surah al- Ra'd juzuk 13

وَالَّذِينَ يَنْقُضُونَ عَهْدَ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مِيَتَّاقِهِ وَيَقْطَعُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ  
وَيُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ أُولَئِكَ لَهُمُ الْلَّعْنَةُ وَلَهُمْ سُوءُ الدَّارُ

Terjemahannya:

"Orang-orang yang engkar janji Allah setelah diikrarkan dengan teguh dan memutuskan apa-apa yang allah perintahkan supaya dihubungkan dan mengadakan kerosakan di bumi,orang-orang itulah yang memperoleh kutukan dan bagi mereka tempat kediaman yang buruk (Jahannam).

(al-Ra'd, 25)

2. Surah al-Baqarah ayat 34 hampir sama dengan tiga ayat di dalam surah yang berbeza.

### Ayat 34 surah al-Baqarah juzuk 1

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِلَّدَمَ فَسَجَدُوا إِلَيْهِ أَبْيَ وَاسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ

Terjemahannya:

"Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: "Sujudlah: kamu kepada Adam", maka sujudlah mereka kecuali iblis; ia engkar dan takabbur dan adalah ia termasuk golongan orang-orang yang kafir".

(al-Baqarah, 34)

### Ayat 61 surah al-Isra' juzuk 15

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِلَّادَمَ فَسَجَدُوا إِلَيْهِ إِبْلِيسَ قَالَ عَأَسْجُدُ لِمَنْ خَلَقْتَ طِينًا

Terjemahannya:

"Dan (ingatlah), tatkala Kami berfirman kepada para malaikat: "Sujudlah kamu semua kepada Adam", lalu mereka sujud kecuali iblis. Dia berkata: "Apakah aku akan sujud kepada orang yang engkau ciptakan dari tanah?".

(al-Isra', 61)

### Ayat 50 surah al-Kahfi juzuk 15

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِلَّادَمَ فَسَجَدُوا إِلَيْهِ إِبْلِيسَ كَانَ مِنَ الْجِنِّ فَسَقَ عَنْ أَمْرِ  
رَبِّهِ أَفَتَخِلُّونَهُ وَدَرِّيَّتَهُ أُولَيَاءَ مِنْ دُونِي وَهُمْ لَكُمْ عَدُوٌّ بِنُسَ لِلظَّالِمِينَ بَدَلًا

Terjemahannya:

"Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam", maka sujudlah mereka kecuali iblis. Dia adalah dari golongan jin, maka ia mendurhakai perintah Tuhan. Patutkah kamu mengambil dia dan keturunannya sebagai pemimpin selain daripada-Ku, sedang mereka adalah musuhmu? Amat buruklah iblis itu sebagai pengganti (Allah) bagi orang-orang yang zalim".

(al-Kahfi, 50)

### Ayat 116-117 surah al-Taha juzuk 16

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِلَّادَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَيْ (116) فَقُلْنَا يَا آدَمُ إِنَّ هَذَا  
عَدُُّ لَكَ وَلِزَوْجِكَ فَلَا يُخْرِجَكُمَا مِنَ الْجَنَّةِ فَتَشْقَى

Terjemahannya:

"Dan (ingatlah) ketika kami berkata kepada malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam", maka merekasujud kecuali iblis. Ia membangkang. Maka Kami berkata: "Hai adam, sesungguhnya ini (iblis) adalah musuh bagimu dan bagi isterimu, maka janganlah sekali-kali sampai ia mengeluarkan kamu berdua dari syurga, yang menyebabkan kamu menjadi celaka."

(Taha, 116)

3. Ayat 35-36 surah al-Baqarah hampir sama dengan ayat 19 surah al-A'raf.

### Ayat 35-36 surah al-Baqarah juzuk 1

وَقُلْنَا يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغْدًا حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ  
الشَّجَرَةَ فَتَكُونُوا مِنَ الظَّالِمِينَ (35) فَأَزَّهُمَا الشَّيْطَانُ عَنْهَا فَأَخْرَجَهُمَا مِمَّا كَانَا  
فِيهِ

Terjemahannya:

"Dan Kami berfirman : Wahai Adam, diamilah oleh kamu dan isterimu syurrga ini, dan makanlah makanannya yang banyak lagi baik di mana saja yang kamu sukai, dan janganlah kamu dekati pohon ini, yang menyebabkan kamu termasuk orang-orang yang zalim. Lalu keduanya digelincirkan oleh syaitan dari syurga itu dan dikeluarkan dari keadaan semula.....".

(al-Baqarah, 35-36)

### Ayat 19-20 surah al-A'raf juzuk 8

وَيَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ فَكُلَا مِنْ حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ الشَّجَرَةِ  
فَتَكُونُا مِنَ الظَّالِمِينَ (19) **فَوَسْوَسَ لَهُمَا الشَّيْطَانُ لِيُبَدِّي لَهُمَا مَا وُرِيَ  
 عَنْهُمَا مِنْ سَوْآتِهِمَا وَقَالَ مَا نَهَاكُمَا رَبُّكُمَا عَنْ هَذِهِ الشَّجَرَةِ إِلَّا أَنْ تَكُونَا مَلَكِينَ  
 أَوْ تَكُونَا مِنَ الْخَالِدِينَ**

Terjemahannya:

"(Dan Allah berfirman): "Wahai Adam bertempat tinggallah kamu dan isterimu di syurga serta makanlah olehmu berdua (buah-buahan) di man sahaja yang kamu suka, dan janganlah kamu berdua mendekati pohon ini, lalu menjadilah kamu berdua termasuk orang-orang yang zalim". Maka syaitan membisikkan fikiran jahat kepada keduanya untuk menampakkan kepada keduanya apa yang tertutup dari mereka iaitu auratnya dan syaitan berkata: "Tuhan kamu tidak melarangmu dari mendekati pohon ini, melainkan supaya kamu berdua tidak menjadi malaikat atau tidak menjadi orang yang kekal (dalam syurga)".

(al-A'raf, 19-20)

Perkara di atas adalah menjadi kemestian bagi seorang penghafaz di samping menghafaz dan melancarkan ayat-ayat al-Quran, ia perlu mengetahui ayat-ayat tasyabuh untuk mengukuhkan hafazan. Seperti juga masalah lupa, ayat tasyabuh ini berbeza dari seorang kepada seorang yang lain. Suatu ayat tasyabuh dalam surah tertentu mungkin tidak memberi masalah kepada seseorang *hafiz* tetapi menyebabkan kekeliruan kepada orang lain, begitu juga sebaliknya.

### 3.4 Akhlak dan Adab Semasa Membaca Dan Menghafaz Al-Quran

Al-Quran adalah *kalamullah* yang suci dan sudah sewajarnya dilakukan dengan penuh penghormatan, keagungan, kemuliaan dan dalam keadaan suci. Dengan adab-adab yang mulia di dalam memperlakukan al-Quran maka ianya akan dapat membawa rahmat dan syafaat di hari kiamat kelak. Berikut adalah beberapa ayat yang menjelaskan tentang kewajipan manusia untuk mengagungkan al-Quran:

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْءَانُ فَلَا سَتِمْعُوا لَهُ وَأَنْصِثُوا لَعْلَكُمْ تُرَحَّمُونَ (٢٤)

Terjemahannya:

“Dan apabila dibacakan al-Quran maka dengarkanlah baik-baik dan perhatikanlah dengan tenang agar kamu mendapat rahmat.”

(al-A'raf: 204)

Orang yang betul-betul beriman dan mempunyai kualiti iman yang sebenarnya akan sentiasa berdebar hatinya sebaik sahaja mendengar ayat-ayat al-Quran dibacakan kepadanya. Ini disebutkan pada ayat berikut:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ  
عَالِمَتْهُ وَزَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ (٢)

Terjemahannya:

“Sesungguhnya orang-orang beriman itu adalah mereka yang apabila disebut nama Allah maka gementarlah hatinya, dan apabila dibacakan ayat-ayat Allah (al-Quran) maka bertambahlah iman mereka, dan kepada Allahlah mereka berserah diri.”

(al-Anfal: 2)

Berikut adalah beberapa adab dan akhlak semasa membaca dan menghafaz al-Quran:

- a. Tanamkan niat yang ikhlas semata-mata kerana Allah S.W.T.
- b. Suci daripada hadas dan najis.
- c. Membaca dan menghafaz di tempat yang bersih, suci dan sesuai.
- d. Mengambil dan memegang al-Quran dengan tangan kanan atau dengan kedua-duanya sekali.
- e. Mengadap kiblat dengan khusyuk dan tawaduk serta dalam keadaan tenang.
- f. Hendaknya mulut dalam keadaan bersih dari makanan dan minuman kemudian menggunakan siwak atau sugi.
- g. Hendaklah dimulakan dengan membaca *isti'azah* atau *ta'awuz*.
- h. Membaca secara tartil.
- i. Sentiasa bertadabbur iaitu menghayati maksud daripada ayat yang sedang dibaca.
- j. Jika menjumpai ayat-ayat yang mengandungi amaran atau ancaman hendaklah merasa banyak berdosa sehingga beristighfar memohon ampun kepadaNya. Begitu juga apabila menjumpai ayat-ayat yang menjelaskan rahmat atau pahala hendaklah mengharap dengan penuh optimis dan yakin bahawa Allah S.W.T. akan sentiasa menerima permintaan hambanya.
- k. Disunatkan membaca al-Quran dengan suara yang indah dan merdu.
- l. Bagi orang yang mendengarnya, diperintahkan agar mendengar dengan penuh perhatian agar sentiasa diberkati dan dirahmati Allah S.W.T.
- m. Dilarang bercakap-cakap semasa membaca atau mendengar al-Quran.
- n. Makruh membaca al-Quran semasa sedang mengantuk.
- o. Hendaklah membaca al-Quran selepas setiap kali solat samada solat fardhu atau sunat terutamanya selepas bersolat malam.
- p. Digalakkan membaca **صدق الله العظيم** setelah selesai membaca al-Quran.
- q. Selepas tamat membaca hendaklah meletakkan al-Quran di tempat yang lebih tinggi dan terhormat.

## **BAB IV**

### **KEPUTUSAN KAJIAN**

#### **4.0 Pengenalan**

Bab ini menganalisis data-data yang diperolehi daripada 419 orang pelajar dan 36 orang pengajar di tiga buah pusat tahfiz berdasarkan borang soal selidik yang telah diedarkan. Bagi memenuhi objektif kajian, analisis data dibahagikan dan mengulang hafaz kepada tiga bahagian iaitu: latar belakang responden, tahap pencapaian palajar dalam usaha menghafaz dan mengulang hafazan al-Quran dan kaedah-kaedah hafazan, faktor-faktor serta masalah yang berkaitan dengan pencapaian pelajar.

#### **4.1 Dapatan Hasil Soal Selidik Pelajar**

Dapatan hasil soal selidik pelajar ini diperolehi daripada borang soal selidik Bahagian A yang diedarkan kepada pelajar-pelajar.

##### **4.1.1 Latar Belakang Pelajar**

Latar belakang pelajar dianalisis berdasarkan borang soal selidik yang diperolehi merangkumi jantina, umur, tempat tinggal, keluarga dan pekerjaan ibubapa pelajar-pelajar yang terlibat di dalam kajian ini.

**Jadual 4.1: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Jantina**

Jantina	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
Lelaki	47 (11%)	127 (30%)	204 (49%)	378 (90%)
Perempuan	41 (10%)	-	-	41 (10%)
Jumlah	88 (21%)	127 (30%)	204 (49%)	419 (100%)

Jadual 4.1 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan jantina. Daripada 419 orang jumlah pelajar, seramai 88 orang adalah pelajar dari Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting dan daripada jumlah ini seramai 47 orang (11%) terdiri daripada lelaki dan 41 orang (10%) pelajar perempuan. Kesemua pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan yang seramai 127 orang (30%) dan 204 (49%) daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan adalah pelajar lelaki.

**Jadual 4.2: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Umur**

Umur	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
12 thn ke bawah	-	2 (0.5%)	7 (2%)	9 (2%)
13-15 thn	-	69 (17%)	130 (31%)	199 (47%)
16-18 thn	43 (10%)	45 (11%)	61 (15%)	149 (36%)
19-21 thn	42 (10%)	11 (3%)	2 (0.5%)	55 (13%)
Tidak menjawab	3 (0.8%)	-	4 (1 %)	7 (2%)
Jumlah	88 (21%)	127 (30%)	200 (49%)	419 (100%)

Jadual 4.2 Menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan umur. Daripada 88 orang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting, 43 orang (10%) berumur antara 16 hingga 18 tahun dan 42 orang (10%) berumur antara 19 hingga 21 tahun. Tiga orang tidak memberi maklum balas.

Daripada 127 orang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan, 2 orang (0.5%) berumur 12 tahun, 69 orang (17%) berumur antara 13 hingga 15 tahun, 45 orang (11%) berumur 16 hingga 18 tahun dan 11 orang (3%) berumur antara 19 hingga 21 tahun.

Daripada 200 pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, 7 orang (2%) berumur 12 tahun, 130 orang (31%) berumur antara 13 hingga 15 tahun, 61 orang (15%) berumur 16 hingga 18 tahun dan 2 orang (0.5%) berumur antara 19 hingga 21 tahun. Empat orang tidak memberi maklum balas.

**Jadual 4.3: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Tempat Asal**

Tempat asal	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
Bandaraya	8 (2%)	5 (1%)	10 (2%)	23 (6%)
Bandar	25 (6%)	81 (19%)	104 (25%)	210 (50%)
Luar bandar	55 (13%)	41 (10%)	90 (22%)	186 (44%)
Jumlah	88 (21%)	127 (30%)	204 (49%)	419 (100%)

Jadual 4.3 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan tempat asal. Daripada 88 orang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting, 8 orang (10%) berasal dari bandaraya, 25 orang (6%) berasal dari bandar dan 55 orang (13%) berasal dari luar bandar.

Daripada 127 orang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan, 5 orang (1%) berasal dari bandaraya, 81 orang (19%) berasal dari bandar dan 41 orang (10%) berasal dari luar bandar.

Daripada 204 pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, 10 orang (2%) berasal dari bandaraya, 104 orang (25%) berasal dari bandar dan 90 orang (22%) berasal dari luar bandar.

**Jadual 4.4: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Tempat Tinggal Semasa Menuntut**

Tempat tinggal semasa menuntut	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
Di asrama	88 (21%)	125 (30%)	201 (48%)	414 (100%)
Di rumah	-	1 (0.2%)	1 (0.2%)	2 (0.5%)
Tidak menjawab	-	1 (0.2%)	2 (0.5%)	3 (0.8%)
Jumlah	88 (21%)	127 (30%)	204 (49%)	419 (100%)

Jadual 4.4 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan tempat tinggal semasa menuntut. Kecuali setiap seorang (0.2%) daripada Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan dan Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, yang tinggal di rumah, pelajar yang lainnya tinggal di asrama.

**Jadual 4.5: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Bilangan Adik Beradik**

Bilangan adik-beradik	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
1-3 Orang	5 (1%)	14 (3%)	10 (2%)	29 (7%)
4-6 Orang	47 (11%)	74 (18%)	85 (20%)	206 (49%)
7-9 Orang	27 (6%)	32 (8%)	84 (20%)	143 (34%)
10-16 Orang	9 (2%)	7 (2%)	25 (6%)	41 (10%)
Jumlah	88 (21%)	127 (30%)	204 (49%)	419 (100%)

Jadual 4.5 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan bilangan adik beradik.

5 orang (1%) daripada 88 orang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting, mempunyai seorang hingga 3 orang adik beradik, 47 orang (11%) mempunyai 4 hingga 6 orang adik beradik, 27 orang (6%) mempunyai 7 hingga 9 orang adik beradik dan 9 orang (2%) mempunyai 10 hingga 16 orang adik beradik.

14 orang (1%) daripada 127 orang pelajar daripada Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan, mempunyai seorang hingga 3 orang adik beradik, 74 orang (18%) mempunyai 4 hingga 6 orang adik beradik, 32 orang (8%) mempunyai 7 hingga 9 orang adik beradik dan 7 orang (2%) mempunyai 10 hingga 16 orang adik beradik.

Daripada 204 pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, 10 orang (2%) daripadanya mempunyai seorang hingga 3 orang adik beradik, 85 orang (20%) mempunyai 4 hingga 6 orang adik beradik, 84 orang (8%) mempunyai 7 hingga 9 orang adik beradik dan 25 orang (2%) mempunyai 10 hingga 16 orang adik beradik.

**Jadual 4.6: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Anak Keberapa Dalam Keluarga**

Anda anak keberapa dalam keluarga?	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
Anak sulung	19 (5%)	30 (7%)	45 (11%)	94 (22%)
Anak kedua	15 (3%)	31 (7%)	37 (9%)	83 (20%)
Anak ketiga	14 (3%)	25 (6%)	33 (8%)	72 (17%)
Anak keempat	16 (4%)	16 (4%)	28 (7%)	60 (14%)
Anak kelima atau keenam	13 (3%)	17 (4%)	30 (7%)	60 (14%)
Anak ketujuh, kelapan dan ke atas	11 (3%)	8 (2%)	31 (8%)	50 (13%)
Jumlah	88 (21%)	127 (30%)	204 (49%)	419 (100%)

Jadual 4.6 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan anak keberapa dalam keluarga.

Daripada 88 orang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, bandar dan Jogra Banting, 19 orang (5%) adalah anak sulung, 15 orang (4%) anak kedua, 14 orang (3%) anak ketiga, 16 orang (4%) anak keempat, 13 orang (3%) anak kelima dan anak keenam, manakala 11 orang (3%) pelajar adalah anak ke tujuh, ke lapan dan ke atas.

Daripada 127 orang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan, 30 orang (7%) adalah anak sulung, 31 orang (7%) anak kedua, 25 orang (6%) anak ketiga, 16 orang (4%) anak keempat, 17 orang (4%) anak kelima dan keenam, manakala 8 orang (2%) adalah anak ke tujuh, ke lapan dan ke atas.

Daripada 204 pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, 45 orang (11%) adalah anak sulung, 37 orang (9%) anak kedua, 33 orang (8%) anak ketiga, 28 orang (7%) anak keempat, 30 orang (7%) anak kelima dan anak keenam, manakala 31 orang (8%) adalah anak ke tujuh, ke lapan dan ke atas.

**Jadual 4.7: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Tingkatan**

Tingkatan anda sekarang	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
Tingkatan 1	-	30 (7%)	50 (12%)	80 (19%)
Tingkatan 2	-	28 (7%)	44 (11%)	72 (18%)
Tingkatan 3	-	13 (3%)	48 (12%)	61 (15%)
Tingkatan 4		14 (3%)	27 (6%)	41 (9%)
Tingkatan 5	-	13 (3%)	21 (5%)	34 (8%)
Tingkatan 6		17 (4%)	14 (5%)	32 (8%)
Diploma	88 (21%)	12 (3%)	-	100 (24%)
Jumlah	88 (21%)	127 (30%)	204 (49%)	419 (100%)

Jadual 4.7 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan tingkatan.

Daripada 88 orang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, bandar dan Jogra Banting, seramai 44 orang (11%) pelajar semester dua manakala 44 orang (11%) pelajar lagi adalah pelajar semester empat di bawah program pengajian diploma Maahad ini.

Daripada 127 orang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan, seramai 30 orang (7%) pelajar tingkatan satu, 28 orang (7%) pelajar tingkatan dua, 13 orang (3%) dari tingkatan tiga, 14 orang (3%) pelajar tingkatan empat, 13 orang (3%) pelajar tingkatan lima, 17 orang (4%) pelajar tingkatan enam dan 12 orang (3%) pelajar peringkat Diploma.

Daripada 204 pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, seramai 50 orang (12%) pelajar tingkatan satu, 44 orang (11%) pelajar

tingkatan dua, 48 orang (11%) dari tingkatan tiga, 27 orang (6%) pelajar tingkatan empat, 21 orang (5%) pelajar tingkatan lima dan 14 orang (3%) pelajar tingkatan enam.

**Jadual 4.8: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Orang Yang Bertanggungjawab Sebagai Penjaga**

Orang yang bertanggungjawab sebagai penjaga anda	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
Ibu bapa	74 (18%)	122 (29%)	189 (45%)	385 (92%)
Bapa sahaja	1 (0.2%)	1 (0.2%)	1 (0.2%)	3 (1%)
ibu sahaja	13 (3%)	1 (2%)	11 (3%)	25 (6%)
Orang lain	-	3 (1%)	3 (1%)	6 (1%)
Jumlah	88 (21%)	127 (30%)	204 (49%)	419 (100%)

Jadual 4.8 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan orang yang bertanggungjawab sebagai penjaga.

Daripada 88 orang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, bandar dan Jogra Banting, 74 orang (18%) tinggal dengan ibu bapa, seorang (0.2%) tinggal dengan bapa sahaja dan 13 orang (3%) tinggal dengan ibu sahaja.

Daripada 127 orang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan, 122 orang (29%) tinggal dengan ibu bapa, setiap seorang (0.2%) tinggal dengan bapa sahaja dan ibu sahaja dan 3 orang (0.8%) tinggal dengan orang lain.

Daripada 204 pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, 189 orang (45%) tinggal dengan ibu bapa, seorang (0.2%) tinggal dengan bapa sahaja, 11 orang (3%) tinggal dengan ibu sahaja dan 3 orang (0.8%) tinggal dengan orang lain.

**Jadual 4.9: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Sebab Tidak Dijaga Oleh Ibu bapa**

Kalaupun tidak dijaga oleh ibu bapa, sila tandakan sebabnya	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
Bapa sudah meninggal	6 (1%)	2 (0.5%)	8 (1%)	16 (3%)
Ibu sudah meninggal	1 (0.2%)	1 (0.2%)	-	2 (0.5%)
Bapa dan ibu bercerai	3 (0.8%)	1 (0.2%)	1 (0.2%)	5 (1%)
Sebab lain	-	1 (0.2%)	3 (0.8%)	4 (1%)
Tidak menjawab	78 (19%)	122 (29%)	192 (46%)	392 (94%)
Jumlah	10 (37%)	5 (19%)	12 (44%)	27 (100%)

Jadual 4.9 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan sebab tidak tinggal dengan ibu bapa.

Daripada 10 orang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, bandar dan Jogra Banting yang tidak tinggal dengan ibu bapa, 6 orang (1%) menyatakan bapa sudah meninggal, seorang (0.2%) menyatakan ibu sudah meninggal dunia dan 3 orang (0.8%) menyatakan bapa dan ibu telah bercerai.

Daripada 5 orang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan, yang tidak tinggal dengan ibu bapa, 2 orang (0.5%) menyatakan bapa sudah meninggal dan setiap seorang (0.2%) masing-masing menyatakan ibu sudah meninggal, bapa dan ibu telah bercerai dan sebab lain.

Daripada 12 pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, yang tidak tinggal dengan ibu bapa, 8 orang (1%) menyatakan bapa sudah meninggal, seorang (0.2%) menyatakan bapa dan ibu telah bercerai dan 3 orang (0.8%) mempunyai sebab lain.

**Jadual 4.10: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Pekerjaan Bapa**

Pekerjaan bapa	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
Kerajaan (profesional)	23 (6%)	35 (9%)	66 (16%)	124 (31%)
Kerajaan (biasa)	14 (3%)	33 (8%)	41 (10%)	88 (21%)
Swasta (profesional)	-	4 (1%)	4 (1%)	8 (2%)
Swasta (biasa)	3 (0.8%)	22 (6%)	13 (3%)	38 (10%)
Persendirian (profesional)	1 (0.2%)	3 (0.8%)	13 (3%)	17 (4%)
Persendirian (biasa)	36 (9%)	26 (6%)	52 (13%)	114 (28%)
Tidak menjawab	11 (3%)	4 (1%)	15 (4%)	30 (8%)
Jumlah	88 (21%)	127 (30%)	204 (49%)	419 (100%)

Jadual 4.10 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan pekerjaan bapa.

Daripada 88 orang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, bandar dan Jogra Banting yang memberi maklum balas tentang pekerjaan bapa, seramai 23 orang (6%) menyatakan bapa mereka adalah kakitangan kerajaan (profesional), 14 orang (3%) menyatakan bapa mereka adalah kakitangan kerajaan (biasa), 3 orang (0.8%) menyatakan bapa mereka bekerja dengan swasta (biasa), seorang (0.2%) menyatakan bapa mereka bekerja sendiri (profesional) dan 36 orang (9%) menyatakan bapa mereka bekerja sendiri (biasa).

Daripada 127 orang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan, yang memberi maklum balas tentang pekerjaan bapa, seramai 35 orang (9%) menyatakan bapa mereka adalah kakitangan kerajaan (profesional), 33 orang (8%) menyatakan bapa mereka adalah kakitangan kerajaan (biasa), 4 orang (1%) menyatakan bapa mereka bekerja dengan swasta (profesional), 22 orang (5%) menyatakan bapa mereka bekerja

dengan swasta (biasa), 3 orang (0.8%) menyatakan bapa mereka bekerja sendiri (profesional) dan 26 orang (6%) menyatakan bapa mereka bekerja sendiri (biasa).

Daripada 204 pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, yang memberi maklum balas tentang pekerjaan bapa, seramai 66 orang (16%) menyatakan bapa mereka adalah kakitangan kerajaan (profesional), 41 orang (10%) menyatakan bapa mereka adalah kakitangan kerajaan (biasa), 4 orang (1%) menyatakan bapa mereka bekerja dengan swasta (profesional), 13 orang (3%) menyatakan bapa mereka bekerja dengan swasta (biasa), 13 orang (3%) menyatakan bapa mereka bekerja sendiri (profesional) dan 52 orang (13%) menyatakan bapa mereka bekerja sendiri (biasa).

**Jadual 4.11: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Pekerjaan Ibu**

Pekerjaan ibu	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
Kerajaan (profesional)	14 (3%)	24 (6%)	70 (17%)	108 (26%)
Kerajaan (biasa)	8 (2%)	21 (5%)	8 (2%)	37 (9%)
Swasta (profesional)	2 (0.5%)	-	-	2 (0.5%)
Swasta (biasa)	3 (1%)	17 (4%)	10 (2%)	30 (7%)
Persendirian (profesional)	1 (0.2%)	-	4 (1%)	5 (1%)
Persendirian (biasa)	51 (12%)	55 (13%)	96 (23%)	202 (48%)
Tidak menjawab	9 (2%)	10 (2%)	16 (4%)	35 (8%)
Jumlah	88 (21%)	127 (30%)	204 (49%)	419 (100%)

Jadual 4.11 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan pekerjaan ibu.

Daripada 88 orang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, bandar dan Jogra Banting yang memberi maklum balas tentang pekerjaan ibu, seramai 14 orang (3%) menyatakan ibu mereka adalah kakitangan kerajaan (profesional), 8 orang (2%) menyatakan ibu mereka adalah kakitangan kerajaan (biasa), 2 orang (0.5%) menyatakan ibu mereka bekerja dengan swasta (profesional), 3 orang (0.8%) menyatakan ibu mereka bekerja dengan swasta (biasa), seorang (0.2%) menyatakan ibu mereka bekerja sendiri (profesional) dan 51 orang (12%) menyatakan ibu mereka bekerja sendiri (biasa).

Daripada 127 orang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan, yang memberi maklum balas tentang pekerjaan ibu, seramai 24 orang (6%) menyatakan ibu mereka adalah kakitangan kerajaan (profesional), 21 orang (5%) menyatakan ibu mereka adalah kakitangan kerajaan (biasa), 17 orang (4%) menyatakan ibu mereka bekerja dengan swasta (biasa) dan 55 orang (13%) menyatakan ibu mereka bekerja sendiri (biasa).

Daripada 204 pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, yang memberi maklum balas tentang pekerjaan ibu, seramai 70 orang (17%) menyatakan ibu mereka adalah kakitangan kerajaan (profesional), 8 orang (2%) menyatakan ibu mereka adalah kakitangan kerajaan (biasa), 10 orang (2%) menyatakan ibu mereka bekerja dengan swasta (biasa), 4 orang (1%) menyatakan ibu mereka bekerja sendiri (profesional) dan 96 orang (23%) menyatakan ibu mereka bekerja sendiri (biasa).

**Jadual 4.12: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Pekerjaan Penjaga**

Pekerjaan penjaga	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
Pesara	-	1 (0.2%)	1 (0.2%)	2 (0.4%)
Jurutera	-	1 (0.2%)	-	1 (0.2%)
Pembantu takbir	-	1 (0.2%)	-	1 (0.2%)
Tidak menjawab	88 (21%)	124 (30%)	203 (49%)	415 (99%)
Jumlah	88 (21%)	127 (30%)	204 (49%)	4 (100%)

Jadual 4.12 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan pekerjaan penjaga. Setiap seorang pelajar daripada Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan masing-masing menyatakan penjaga mereka adalah pesara, jurutera dan pembantu tadbir. Seorang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, menyatakan penjaganya adalah pesara.

**Jadual 4.13: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Pendapatan Bapa**

Pendapatan bapa	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
RM3000 dan ke atas	10 (2%)	26 (6%)	49 (12%)	85 (20%)
RM2000-RM2999	10 (2%)	26 (6%)	37 (9%)	73 (17%)
RM1000-RM1999	30 (8%)	48 (12%)	61 (15%)	139 (33%)
RM999-dan ke bawah	26 (6%)	20 (5%)	46 (11%)	92 (22%)
Tidak menjawab	12 (3%)	7 (2%)	11 (3%)	30 (8%)
Jumlah	88 (21%)	127 (30%)	204 (49%)	1419 (100%)

Jadual 4.13 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan pendapatan bapa.

Daripada 88 orang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, bandar dan Jogra Banting yang memberi maklum balas tentang pendapatan bapa, setiap 10 orang (2%) masing-masing menyatakan pendapatan bapa mereka RM3000 dan ke atas dan antara RM2000 hingga RM2999, 30 orang (8%) menyatakan pendapatan bapa mereka antara RM1000 hingga RM1999 dan 26 orang (6%) menyatakan pendapatan bapa mereka RM900 dan ke bawah.

Daripada 127 orang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan, yang memberi maklum balas tentang pendapatan bapa, setiap 26 orang (6%) masing-masing menyatakan pendapatan bapa mereka RM3000 dan ke atas dan antara RM2000 hingga RM2999, 48 orang (12%) menyatakan pendapatan bapa mereka antara RM1000 hingga RM1999 dan 20 orang (5%) menyatakan pendapatan bapa mereka RM900 dan ke bawah.

Daripada 204 pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, yang memberi maklum balas tentang pendapatan bapa, 49 orang (13%) menyatakan pendapatan bapa mereka RM3000 dan ke atas, 37 orang (9%) menyatakan pendapatan bapa mereka antara RM2000 hingga RM2999, 61 orang (15%) menyatakan pendapatan bapa mereka antara RM1000 hingga RM1999 dan 46 orang (11%) menyatakan pendapatan bapa mereka RM900 dan ke bawah.

**Jadual 4.14: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Pendapatan Ibu**

Pendapatan ibu	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
RM3000 dan ke atas	2 (0.5%)	6 (1%)	15 (4%)	23 (5%)
RM2000-RM2999	5 (1%)	22 (5%)	29 (7%)	56 (14%)
RM1000-RM1999	14 (3%)	32 (8%)	43 (10%)	89 (21%)
RM999 dan ke bawah	19 (5%)	12 (3%)	34 (9%)	65 (17%)
Tidak menjawab	48 (12%)	55 (13%)	83 (20%)	182 (43%)
Jumlah	88 (21%)	127 (30%)	204 (49%)	419 (100%)

Jadual 4.14 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan pendapatan ibu.

Daripada 88 orang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, bandar dan Jogra Banting yang memberi maklum balas tentang pendapatan ibu, 2 orang (0.5%) menyatakan pendapatan ibu mereka RM3000 dan ke atas, 5 orang (1%) menyatakan pendapatan ibu mereka antara RM2000 hingga RM2999, 14 orang (3%) menyatakan pendapatan ibu mereka antara RM1000 hingga RM1999 dan 19 orang (5%) menyatakan pendapatan ibu mereka RM900 dan ke bawah.

Daripada 127 orang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan, yang memberi maklum balas tentang pendapatan ibu, 6 orang (1%) menyatakan pendapatan ibu mereka RM3000 dan ke atas, 22 orang (5%) menyatakan pendapatan ibu mereka antara RM2000 hingga RM2999, 32 orang (8%) menyatakan pendapatan ibu mereka antara RM1000 hingga RM1999 dan 12 orang (3%) menyatakan pendapatan ibu mereka RM900 dan ke bawah.

Daripada 204 pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, yang memberi maklum balas tentang pendapatan ibu, 15 orang (4%) menyatakan pendapatan ibu mereka RM3000 dan ke atas, 29 orang (7%) menyatakan

pendapatan ibu mereka antara RM2000 hingga RM2999, 43 orang (10%) menyatakan pendapatan ibu mereka antara RM1000 hingga RM1999 dan 34 orang (9%) menyatakan pendapatan ibu mereka RM900 dan ke bawah.

**Jadual 4.15: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Pendapatan Penjaga**

Pendapatan penjaga	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
RM3000 dan ke atas	-	1 (25%)	-	1 (25%)
RM1000-RM1999	-	1 (25%)	-	1 (25%)
RM999 dan ke bawah	-	1 (25%)	1 (25%)	2 (50%)
Jumlah	-	3 (75%)	1 (25%)	4 (100%)

Jadual 4.15 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan pendapatan penjaga.

Setiap seorang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan, masing-masing menyatakan penjaga mereka berpendapatan RM3000 dan ke atas, antara RM1000 hingga RM1999 dan RM999 ke bawah. Seorang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan menyatakan pendapatan penjaga mereka adalah RM999 dan ke bawah.

**Jadual 4.16: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Pendidikan Tertinggi Bapa**

Pendidikan tertinggi bapa	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
Tidak Bersekolah	3 (1%)	-	1 (0.3%)	4 (1%)
Sekolah Rendah	11 (3%)	6 (2%)	7 (2%)	24 (6%)
Sekolah Menengah	34 (9%)	52 (14%)	39 (10%)	125 (33%)
Maktab / Kolej	12 (3%)	24 (6%)	40 (11%)	76 (20%)
Universiti	15 (4%)	38 (10%)	89 (21%)	142 (35%)
Lain-Lain	13 (3%)	7 (1%)	28 (7%)	48 (11%)
Jumlah	88 (21%)	127 (30%)	204 (49%)	419 (100%)

Jadual 4.16 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan pendidikan tertinggi bapa.

Daripada 88 orang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, bandar dan Jogra Banting yang memberi maklum balas tentang pendidikan tertinggi bapa, 3 orang (0.8%) menyatakan bapa mereka tidak bersekolah, 11 orang (3%) menyatakan bapa mereka belajar sehingga sekolah rendah sahaja, 34 orang (9%) menyatakan bapa mereka belajar sehingga sekolah menengah, 12 orang (3%) menyatakan bapa mereka belajar sehingga maktab / kolej, 15 orang (4%) menyatakan bapa mereka lulusan universiti dan seorang (0.2%) menyatakan bapa mereka mempunyai lain-lain kelulusan.

Daripada 127 orang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan, yang memberi maklum balas tentang pendidikan tertinggi bapa, 6 orang (1%) menyatakan bapa mereka belajar sehingga sekolah rendah sahaja, 52 orang (13%) menyatakan bapa mereka belajar sehingga sekolah menengah, 24 orang (6%) menyatakan bapa mereka belajar sehingga maktab / kolej, 38 orang (9%) menyatakan bapa mereka lulusan universiti dan 4 orang (1%) menyatakan bapa mereka mempunyai lain-lain kelulusan.

Daripada 204 pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, yang memberi maklum balas tentang pendidikan tertinggi bapa, seorang (0.2%) menyatakan bapa mereka tidak bersekolah, 7 orang (2%) menyatakan bapa mereka belajar sehingga sekolah rendah sahaja, 39 orang (9%) menyatakan bapa mereka belajar sehingga sekolah menengah, 40 orang (10%) menyatakan bapa mereka belajar sehingga maktab / kolej, 89 orang (21%) menyatakan bapa mereka lulusan universiti dan seorang (0.2%) menyatakan bapa mereka mempunyai lain-lain kelulusan.

**Jadual 4.17: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Pendidikan Tertinggi Ibu**

Pendidikan tertinggi ibu	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
Tidak Bersekolah	5 (1%)	2 (0.5%)	5 (1%)	12 (3%)
Sekolah Rendah	16 (4%)	6 (1%)	6 (1%)	28 (6%)
Sekolah Menengah	47 (12%)	53 (14%)	62 (15%)	162 (41%)
Maktab / Kolej	7 (2%)	30 (8%)	52 (13%)	89 (23%)
Universiti	6 (1%)	25 (6%)	54 (13%)	85 (22%)
Lain-Lain	7 (2%)	11 (3%)	25 (6%)	38 (9%)
Jumlah	88 (21%)	127 (30%)	204 (49%)	419 (100%)

Jadual 4.17 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan pendidikan tertinggi ibu.

Daripada 88 orang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, bandar dan Jogra Banting yang memberi maklum balas tentang pendidikan tertinggi ibu, 5 orang (1%) menyatakan ibu mereka tidak bersekolah, 16 orang (4%) menyatakan ibu mereka belajar sehingga sekolah rendah sahaja, 47 orang (12%) menyatakan ibu mereka belajar sehingga sekolah menengah, 7 orang (2%) menyatakan ibu mereka belajar

sehingga maktab / kolej, 6 orang (1%) menyatakan ibu mereka lulusan universiti dan seorang (0.2%) menyatakan ibu mereka mempunyai lain-lain kelulusan.

Daripada 127 orang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan, yang memberi maklum balas tentang pendidikan tertinggi ibu, 2 orang (0.5%) menyatakan ibu mereka tidak bersekolah, 6 orang (1%) menyatakan ibu mereka belajar sehingga sekolah rendah sahaja, 53 orang (14%) menyatakan ibu mereka belajar sehingga sekolah menengah, 30 orang (8%) menyatakan ibu mereka belajar sehingga maktab / kolej, 25 orang (7%) menyatakan ibu mereka lulusan universiti dan 4 orang (1%) menyatakan ibu mereka mempunyai lain-lain kelulusan.

Daripada 419 pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, yang memberi maklum balas tentang pendidikan tertinggi ibu, 5 orang (1%) menyatakan ibu mereka tidak bersekolah, 6 orang (1%) menyatakan ibu mereka belajar sehingga sekolah rendah sahaja, 62 orang (15%) menyatakan ibu mereka belajar sehingga sekolah menengah, 52 orang (13%) menyatakan ibu mereka belajar sehingga maktab / kolej dan 54 orang (13%) menyatakan ibu mereka lulusan universiti

**Jadual 4.18: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Pendidikan Tertinggi Penjaga**

Pendidikan tertinggi penjaga	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
Sekolah Menengah	-	1 (33%)	-	1 (33%)
Universiti	-	1 (33%)	-	1 (33%)
Lain-Lain	-	1 (33%)	-	1 (33%)
Total	-	3 (100%)	-	3 (100%)

Jadual 4.18 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan pendidikan tertinggi penjaga.

Setiap seorang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan masing-masing menyatakan penjaga mereka berpendidikan sehingga sekolah menengah, lulusan universiti dan lain-lain kelulusan.

**Jadual 4.19: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Sebab Utama Belajar Di Madrasah**

Berikan sebab utama anda belajar di madrasah / maahad / institut ini	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
Pilihan Sendiri	66 (16%)	105 (25%)	133 (32%)	304 (73%)
Pilihan Ibu Bapa	16 (4%)	18 (4%)	68 (16%)	102 (24%)
Nasihat Guru	1 (0.2%)	2 (0.5%)	1 (0.2%)	4 (1%)
Mengikut Kawan	4 (1%)	-	1 (0.2%)	5 (1%)
Lain-Lain	1 (0.2%)	2 (0.5%)	1 (0.2%)	4 (1%)
Jumlah	88 (21%)	127 (30%)	204 (49%)	419 (100%)

Jadual 4.19 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan sebab utama belajar di madrasah / maahad / institut.

Daripada 88 orang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, bandar dan Jogra Banting, seramai 66 (16%) belajar di madrasah / maahad / institut ini atas pilihan sendiri, 16 orang (4%) menyatakan atas pilihan ibu bapa, 4 orang (1%) mengikut kawan dan setiap seorang (0.2%) masing-masing menyatakan atas nasihat guru dan lain-lain sebab.

Daripada 127 orang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan, 105 (25%) belajar di madrasah / maahad / institut ini atas pilihan sendiri, 18 orang (4%) menyatakan atas pilihan ibu bapa dan setiap 2 orang (.5%) masing-masing menyatakan atas nasihat guru dan lain-lain sebab.

Daripada 204 pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, 133 (32%) belajar di madrasah / maahad / institut ini atas pilihan sendiri, 68 orang (16%) menyatakan atas pilihan ibu bapa dan setiap seorang (0.2%) masing-masing menyatakan atas nasihat guru dan mengikut kawan.

**Jadual 4.20: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Bilangan Tahun Berada Di Madrasah**

Bilangan tahun anda berada di madrasah / maahad / Institut ini	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
1	2 (5%)	30 (7%)	52 (12%)	84 (20%)
2	2 (5%)	28 (7%)	42 (10%)	72 (17%)
3	23 (6%)	13 (3%)	37 (9%)	73 (17%)
4	43 (10%)	17 (4%)	17 (4%)	77 (18%)
5	16 (4%)	9 (2%)	27 (6%)	52 (12%)
6	1 (0.2%)	9 (2%)	17 (4%)	27 (6%)
7	-	6 (1%)	12 (3%)	18 (4%)
8	-	14 (3%)	-	14 (3%)
9	-	1 (0.2%)	-	14 (3%)
10	1 (0.2%)	-	-	1 (2%)
Jumlah	88 (21%)	127 (30%)	204 (49%)	419 (100%)

Jadual 4.20 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan bilangan tahun berada di madrasah / maahad / institut ini.

Daripada 88 orang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, bandar dan Jogra Banting, setiap 2 orang (0.5%) masing-masing telah belajar di maahad ini selama 1 tahun dan 2 tahun, 23 orang (6%) telah belajar di maahad ini selama 3 tahun, 43 orang (10%) telah belajar di maahad ini selama 4 tahun, 16 orang (4%) telah belajar di maahad ini selama 5 tahun dan setiap seorang (0.2%) masing-masing telah belajar di maahad ini selama 6 tahun dan 10 tahun.

Daripada 127 orang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan, 30 orang (7%) baru belajar di institut ini selama 1 tahun, 28 orang (7%) telah belajar di institut ini selama 2 tahun, 13 orang (3%) telah belajar di institut ini selama 3 tahun, 17 orang (4%) telah belajar di institut ini selama 4 tahun, setiap 9 orang (2%) masing-masing telah belajar di institut ini selama 5 tahun dan 6 tahun, 6 orang (1%) telah belajar di institut ini selama 7 tahun, 14 orang (3%) telah belajar di institut ini selama 8 tahun dan seorang (0.2%) telah belajar di institut ini selama 9 tahun.

Daripada 204 pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, 52 orang (12%) baru belajar di maahad ini selama 1 tahun, 42 orang (10%) telah belajar di maahad ini selama 2 tahun, 37 orang (9%) telah belajar di maahad ini selama 3 tahun, setiap 17 orang (4%) masing-masing telah belajar di maahad ini selama 4 tahun dan 6 tahun, 27 orang (6%) telah belajar di maahad ini selama 5 tahun dan 12 orang (3%) telah belajar di maahad ini selama 7 tahun.

**Jadual 4.21: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Bilangan Juzuk Yang Telah Di Hafaz**

Bilangan juzuk yang telah anda hafaz setakat ini	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
0	-	-	2 (5%)	2 (5%)
1	-	29 (7%)	35 (8%)	64 (15%)
2	-	1 (0.2%)	10 (2%)	11 (3%)
3	-	2 (0.5%)	3 (0.7%)	5 (1%)
4	-	10 (2%)	1 (0.2%)	11 (3%)
5	-	5 (1%)	3 (0.7%)	8 (2%)
6	-	6 (1%)	7 (2%)	13 (3%)
7	-	-	7 (2%)	7 (2%)
8	-	6 (1%)	9 (2%)	15 (4%)
9	5 (1%)	5 (1%)	6 (1%)	16 (4%)
10	2 (5%)	6 (1%)	3 (0.7%)	11 (3%)
11	4 (1%)	5 (1%)	2 (0.5%)	11 (3%)
12	8 (2%)	1 (0.2%)	2 (0.5%)	11 (3%)
13	7 (2%)	2 (0.5%)	9 (2%)	18 (4%)
14	3 (7%)	1 (0.2%)	5 (1%)	9 (2%)
15	4 (1%)	3 (0.7%)	6 (1%)	13 (3%)
16	4 (1%)	7 (2%)	4 (1%)	15 (4%)
17	1 (0.2%)	3 (7%)	2 (0.5%)	6 (1%)
18	4 (1%)	5 (1%)	1 (0.2%)	10 (2%)
19	1 (0.2%)	4 (1%)	6 (1%)	11 (3%)
20	2 (0.5%)	6 (1%)	4 (1%)	12 (3%)
21	16 (4%)	-	4 (1%)	20 (5%)
22	6 (1%)	3 (7%)	2 (5%)	11 (3%)
23	4 (1%)	1 (0.2%)	4 (1%)	9 (2%)
24	3 (0.7%)	2 (0.5%)	5 (1%)	10 (2%)
25	2 (0.5%)	1 (0.2%)	3 (0.7%)	6 (1%)
26	3 (0.7%)	1 (0.2%)	4 (1%)	8 (2%)
27	3 (0.7%)	3 (0.7%)	2 (0.05%)	8 (2%)
28	-	-	7 (2%)	7 (2%)
29	-	1 (0.2%)	-	1 (2%)
30	6 (1%)	8 (2%)	46 (11%)	60 (14%)
Jumlah	88 (21%)	127 (30%)	204 (49%)	419 (100%)

Jadual 4.21 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan bilangan juzuk yang telah dihafaz setakat ini

Daripada 88 orang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, bandar dan Jogra Banting, setiap seorang (0.2%) masing-masing telah menghafaz 17 dan 19 juzuk, setiap 2 orang (0.5%) masing-masing telah menghafaz 10, 20 dan 25 juzuk, setiap 3 orang (0.7%) masing-masing telah menghafaz 14, 24, 26 dan 27 juzuk, setiap 4 orang (1%) masing-masing telah menghafaz 11, 15, 16, 18 dan 23 juzuk, 5 orang (1%) telah menghafaz 9 juzuk, setiap 6 orang (1%) masing-masing telah menghafaz 22 dan 30 juzuk, 7 orang (2%) telah menghafaz 13 juzuk, 8 orang (2%) telah menghafaz 12 juzuk dan 16 orang (4%) telah menghafaz 21 juzuk.

Daripada 127 orang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan, setiap seorang (0.2%) masing-masing telah menghafaz 2, 12, 14, 23, 25, 26 dan 29 juzuk, setiap 2 orang (0.5%) masing-masing telah menghafaz 3, 13 dan 24 juzuk, setiap 3 orang (0.7%) masing-masing telah menghafaz 15, 17, 22 dan 27 juzuk, 4 orang (1%) telah menghafaz 19 juzuk, setiap 5 orang (1%) masing-masing telah menghafaz 5, 9, 11 dan 18 juzuk, setiap 6 orang (1%) masing-masing telah menghafaz 6, 8, 10 dan 20 juzuk, 7 orang (2%) telah menghafaz 16 juzuk, 8 orang (2%) telah menghafaz 30 juzuk, 10 orang (2%) telah menghafaz 4 juzuk dan 29 orang (7%) baru menghafaz 1 juzuk.

Daripada 204 pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, setiap seorang (0.2%) masing-masing telah menghafaz 4 dan 18 juzuk, setiap 2 orang (0.5%) masing-masing telah menghafaz 11, 12, 17, 22 dan 22 juzuk, setiap 3 orang (0.7%) masing-masing telah menghafaz 3, 5, 10 dan 25 juzuk, setiap 4 orang (1%) masing-masing telah menghafaz 16, 20, 21, 23 dan 26 juzuk, setiap 5 orang (1%) masing-masing telah menghafaz 14 dan 24 juzuk, setiap 6 orang (1%) masing-masing telah menghafaz 9, 15, dan 19 juzuk, setiap 7 orang (2%) masing-masing telah menghafaz 6, 7 dan 28 juzuk, setiap 9 orang (2%) masing-masing telah menghafaz 8 dan 13 juzuk, 10 orang (2%) telah menghafaz 2 juzuk, 35 orang (8%) baru menghafaz 1 juzuk dan 46 orang (11%) telah menghafaz 30 juzuk.

**Jadual 4.22: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Bilangan Ayat Al-Quran Yang Dihafaz Dalam Sehari**

Dalam, sehari berapa banyak ayat-ayat al-Quran yang berjaya anda hafaz	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
Berapa ayat	-	10 (2%)	-	10 (2%)
Sesetengah muka surat	1 (0.2%)	27 (7%)	5 (1%)	33 (8%)
Satu muka surat	17 (4%)	65 (16%)	65 (16%)	147 (35%)
Satu a'in	41 (10%)	12 (3%)	69 (17%)	122 (29%)
Satu maqra'	23 (6%)	12 (3%)	34 (8%)	69 (17%)
Lebih dari satu maqra'	6 (1%)	1 (0.2%)	31 (7%)	37 (9%)
Jumlah	88 (21%)	127 (30%)	204 (49%)	419 (100%)

Jadual 4.22 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan bilangan ayat al-Quran yang berjaya di hafaz dalam sehari.

Daripada 88 orang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, bandar dan Jogra Banting, seorang (0.2%) menghafaz setengah muka surat al-Quran dalam sehari, 17 orang (4%) mampu menghafaz satu muka surat al-Quran dalam sehari, 41 orang (10%) berjaya menghafaz satu a'in dalam sehari, 23 orang (5%) berjaya menghafaz satu maqra' dalam sehari dan 6 orang (1%) berjaya menghafaz lebih dari satu maqra' dalam sehari.

Daripada 127 orang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan, 10 orang (2%) berjaya menghafaz beberapa ayat al-Quran dalam sehari, 27 orang (6%) mampu menghafaz setengah muka surat al-Quran dalam sehari, 65 orang (17%) mampu menghafaz satu muka surat al-Quran dalam sehari, 12 orang (3%) berjaya menghafaz satu a'in dalam sehari, 12 orang (3%) berjaya menghafaz satu maqra' dalam sehari dan seorang (0.2%) berjaya menghafaz lebih dari satu maqra' dalam sehari.

Daripada 204 pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, 5 orang (1%) menghafaz setengah muka surat al-Quran dalam sehari, 65 orang (17%) mampu menghafaz satu muka surat al-Quran dalam sehari, 69 orang (16%) berjaya menghafaz satu a'in dalam sehari, 34 orang (8%) berjaya menghafaz satu maqra' dalam sehari dan 30 orang (7%) berjaya menghafaz lebih dari satu maqra' dalam sehari.

**Jadual 4.23: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Berapa Lama Masa Diperuntukkan Untuk Menghafaz Al-Quran**

Berapa lamakah masa yang anda peruntukan untuk menghafaz Al-Qur'an dalam sehari	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
Satu jam	27 (7%)	8 (2%)	75 (18%)	110 (26%)
Dua jam	22 (5%)	14 (3%)	57 (14%)	93 (22%)
Tiga jam	23 (5%)	22 (5%)	32 (8%)	77 (18%)
Empat jam	8 (2%)	35 (8%)	21 (5%)	64 (15%)
Lima jam	1 (0.2%)	32 (8%)	10 (2%)	43 (10%)
Enam jam	3 (0.7%)	12 (3%)	2 (0.5%)	17 (4%)
Lain-lain	4 (1%)	4 (1%)	7 (1%)	14 (3%)
Jumlah	88 (21%)	127 (30%)	204 (49%)	419 (100%)

Jadual 4.23: menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan berapa lama masa yang diperuntukkan untuk menghafaz Al-Qur'an dalam sehari.

Daripada 88 orang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, bandar dan Jogra Banting, 27 orang (6%) peruntukkan 1 jam untuk menghafaz al-Quran dalam sehari, 22 orang (5%) peruntukkan 2 jam untuk menghafaz al-Quran dalam sehari, 23 orang (6%) peruntukkan 3 jam untuk menghafaz al-Quran dalam sehari, 8 orang (2%) peruntukkan 4 jam untuk menghafaz al-Quran dalam sehari, seorang (0.2%) peruntukkan 5 jam untuk menghafaz al-Quran dalam sehari, 3 orang (0.8%)

peruntukkan 6 jam untuk menghafaz al-Quran dalam sehari dan 4 orang (1%) menyatakan lain-lain.

Daripada 127 orang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan, 8 orang (2%) peruntukkan 1 jam untuk menghafaz al-Quran dalam sehari, 14 orang (3%) peruntukkan 2 jam untuk menghafaz al-Quran dalam sehari, 22 orang (5%) peruntukkan 3 jam untuk menghafaz al-Quran dalam sehari, 35 orang (8%) peruntukkan 4 jam untuk menghafaz al-Quran dalam sehari, 32 orang (8%) peruntukkan 5 jam untuk menghafaz al-Quran dalam sehari, 12 orang (3%) peruntukkan 6 jam untuk menghafaz al-Quran dalam sehari dan 4 orang (1%) menyatakan lain-lain.

Daripada 204 pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, 75 orang (18%) peruntukkan 1 jam untuk menghafaz al-Quran dalam sehari, 57 orang (14%) peruntukkan 2 jam untuk menghafaz al-Quran dalam sehari, 32 orang (8%) peruntukkan 3 jam untuk menghafaz al-Quran dalam sehari, 21 orang (5%) peruntukkan 4 jam untuk menghafaz al-Quran dalam sehari, 10 orang (2%) peruntukkan 5 jam untuk menghafaz al-Quran dalam sehari, 2 orang (0.5%) peruntukkan 6 jam untuk menghafaz al-Quran dalam sehari dan 6 orang (1%) menyatakan lain-lain.

**Jadual 4.24: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Pernahkah Menghafaz Al-Quran Sebelum Ini**

Pernahkah anda menghafaz Al-Qur'an sebelum ini	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
Pernah	41 (10%)	75 (18%)	103 (25%)	219 (53%)
Tidak	45 (11%)	52 (13%)	100 (24%)	197 (47%)
Tidak menjawab	2 (0.5%)	-	1 (0.2%)	3 (1%)
Jumlah	86 (21%)	127 (31%)	204 (49%)	419 (100%)

Jadual 4.24: menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan pernahkah menghafaz al-Quran sebelum ini.

Daripada 88 orang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, bandar dan Jogra Banting, 41 orang (10%) menyatakan mereka pernah menghafaz al-Quran sebelum ini sementara 45 orang (11%) lagi tidak pernah.

Daripada 127 orang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan, 75 orang (18%) menyatakan mereka pernah menghafaz al-Quran sebelum ini sementara 52 orang (12%) lagi tidak pernah.

Daripada 204 pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, 103 orang (25%) menyatakan mereka pernah menghafaz al-Quran sebelum ini sementara 100 orang (24%) lagi tidak pernah.

#### 4.1.2 Deskriptif

Bahagian ini menghurai secara menyeluruh jawapan-jawapan palajar di dalam soal selidik yang merangkumi kaedah-kaedah hafazan, faktor-faktor dan masalah yang berkaitan dengan pencapaian penghafazan pelajar mengikut umur, jantina, pendidikan dan pendapatan ibubapa serta penjaga.

**Jadual 4.25: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Sekolah Dan Bilangan Ayat Al-Quran Yang Dihafaz Dalam Sehari**

Bil ayat al-Quran yang dihafaz dalam sehari	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan	
Beberapa ayat	-	10 (2%)	1 (0.2%)	11 (2%)
Setengah muka surat	1 (0.2%)	27 (7%)	5 (1%)	33 (8%)
Satu muka surat	17 (4%)	65 (16%)	65 (16%)	147 (35%)
Satu a'in	41 (10%)	12 (3%)	69 (17%)	122 (29%)
Satu maqra'	23 (6%)	12 (3%)	34 (8%)	69 (17%)
Lebih dari satu maqra'	6 (1%)	1 (0.2%)	30 (7%)	37 (9%)
Jumlah	88 (21%)	127 (30%)	204 (49%)	419 (100%)

Jadual 4.25 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut sekolah dan bilangan ayat al-Quran yang dihafaz dalam sehari.

Daripada 88 orang pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran N. Selangor, bandar dan Jogra Banting, seorang (0.2%) menghafaz setengah muka surat al-Quran dalam sehari, 17 orang (4%) mampu menghafaz satu muka surat al-Quran dalam sehari, 41 orang (10%) berjaya menghafaz satu a'in dalam sehari, 23 orang (5%) berjaya menghafaz satu maqra' dalam sehari dan 6 orang (1%) berjaya menghafaz lebih dari satu maqra' dalam sehari.

Daripada 127 orang pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran N. Sembilan, 10 orang (2%) berjaya menghafaz beberapa ayat al-Quran dalam sehari, 27 orang (6%) mampu

menghafaz setengah muka surat al-Quran dalam sehari, 65 orang (17%) mampu menghafaz satu muka surat al-Quran dalam sehari, 12 orang (3%) berjaya menghafaz satu a'in dalam sehari, 12 orang (3%) berjaya menghafaz satu maqra' dalam sehari dan seorang (0.2%) berjaya menghafaz lebih dari satu maqra' dalam sehari.

Daripada 204 pelajar daripada Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong, Kelantan, 5 orang (1%) menghafaz setengah muka surat al-Quran dalam sehari, 65 orang (17%) mampu menghafaz satu muka surat al-Quran dalam sehari, 69 orang (16%) berjaya menghafaz satu a'in dalam sehari, 34 orang (8%) berjaya menghafaz satu maqra' dalam sehari dan 30 orang (7%) berjaya menghafaz lebih dari satu maqra' dalam sehari.

**Jadual 4.26: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pelajar Mengikut Jantina Dan Bilangan Juzuk Yang Telah Dihafaz**

Bilangan juzuk yang telah dihafaz	Jantina				Jumlah	
	Lelaki		Perempuan			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
0	2	1	-	-	2	1
1	64	15	-	-	64	15
2	11	3	-	-	11	3
3	5	1	-	-	5	1
4	11	3	-	-	11	3
5	8	2	-	-	8	2
6	13	3	-	-	13	3
7	7	2	-	-	7	2
8	15	4	-	-	15	4
9	12	3	4	1	16	4
10	11	3	-	-	11	3
11	10	2	1	0.2	11	3
12	10	2	1	0.2	11	3
13	16	4	2	1	18	4
14	9	2	-	-	9	2
15	10	2	3	1	13	3
16	12	3	3	1	15	4
17	6	1	-	-	6	1
18	8	2	2	1	10	2
19	11	3	-	-	11	3
20	10	2	2	1	12	3
21	11	3	9	2	20	5
22	8	2	3	1	11	3
23	9	2	-	-	9	2
24	8	2	2	1	10	2
25	5	1	1	0.2	6	1
26	6	1	2	1	8	2
27	8	2	-	-	8	2
28	7	2	-	-	7	2
29	1	0.2	-	-	1	0.2
30	54	13	6	1	60	14
Jumlah	378	90	41	10	419	100

Jadual 4.26 menunjukkan taburan bilangan pelajar mengikut jantina dan bilangan juzuk yang telah dihafaz.

Daripada 378 orang pelajar lelaki, seorang (0.2%) telah menghafaz 29 juzuk, setiap 5 orang (1%) masing-masing telah menghafaz 3, dan 25 juzuk, setiap 6 orang (1%) masing-masing telah menghafaz 17 dan 26 juzuk, setiap 7 orang (2%) masing-masing telah menghafaz 7 dan 28 juzuk, setiap 8 orang (2%) masing-masing telah menghafaz 5, 18, 22, 24 dan 27 juzuk, setiap 9 orang (2%) masing-masing telah menghafaz 14 dan 23 juzuk, setiap 10 orang (2%) masing-masing telah menghafaz 11, 12, 15 dan 20 juzuk, setiap 11 orang (3%) masing-masing telah menghafaz 2, 4, 10, 19, dan 21 juzuk, setiap 12 orang (3%) masing-masing telah menghafaz 9 dan 16 juzuk, 13 orang (3%) telah menghafaz 6 juzuk, 15 orang (4%) telah menghafaz 8 juzuk, 16 orang (4%) telah menghafaz 13 juzuk, 54 orang (13%) telah menghafaz 30 juzuk dan 64 orang (15%) baru menghafaz 1 juzuk.

Kesemua 13 orang (36%) pengajar Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan, mempunyai Ijazah.

**Jadual 4.57: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Jawatan Yang Disandang Selain Daripada Guru Tahfiz**

Jawatan yang disandang selain daripada guru tahfiz	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan	
Timbalan Murid / Timbalan Pengetua	1 (3%)	-	-	1 (3%)
Guru Asrama	3 (9%)	7 (21%)	5 (15%)	15 (44%)
Lain-lain	7 (21%)	3 (9%)	8 (24%)	18 (53%)
Jumlah	11 (32%)	10 (29%)	13 (38%)	34 (100%)

Jadual 4.57 menunjukkan taburan bilangan pengajar mengikut sekolah dan jawatan yang disandang selain daripada guru tahfiz. Daripada 11 orang pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting, seorang (3%) memegang jawatan Timbalan Murid/Timbalan Pengetua, 3 orang (9%) adalah guru asrama dan 7 orang (21%) lain-lain jawatan.

Daripada 10 orang pengajar dari Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan, 7 orang (21%) berjawatan guru asrama dan 3 orang (9%) lain-lain jawatan.

Daripada 13 pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan, 5 orang (15%) berjawatan guru asrama dan 8 orang (24%) lain-lain jawatan.

**Jadual 4.58: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah  
Dan Bilangan Ayat Al-Qur'an Yang Dihafaz Oleh Pelajar Dalam  
Sehari**

Bilangan ayat al-Qur'an yang berjaya dihafaz oleh pelajar dalam sehari	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan	
Berapa ayat	1 (3%)	-	-	1 (3%)
Satu muka surat	1 (3%)	9 (26%)	8 (23%)	18 (51%)
Satu a'in	1 (3%)	-	3 (9%)	4 (11%)
Satu maqra'	7 (20%)	1 (3%)	2 (6%)	10 (29%)
Lebih dari satu maqra'	2 (6%)	-	-	2 (6%)
Jumlah	12 (34%)	10 (29%)	13 (37%)	35 (100%)

Jadual 4.58 menunjukkan taburan bilangan pengajar mengikut sekolah dan bilangan ayat al-Qur'an yang berjaya dihafaz oleh pelajar dalam sehari.

Daripada 12 orang pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting, setiap seorang (3%) masing-masing menyatakan pelajar mereka mampu menghafaz beberapa ayat, satu muka surat dan satu a'in al-Qur'an dalam sehari, 7 orang (20%) menyatakan pelajar mereka mampu menghafaz satu maqra' al-Qur'an dalam sehari dan 2 orang (6%) menyatakan pelajar mereka berjaya menghafaz lebih dari satu maqra' dalam sehari.

Daripada 10 orang pengajar dari Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan, 9 orang (26%) menyatakan pelajar mereka mampu menghafaz satu muka surat al-Qur'an dalam sehari dan seorang (3%) menyatakan pelajar mereka berjaya menghafaz satu maqra' dalam sehari.

Daripada 13 pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan, 8 orang (23%) menyatakan pelajar mereka mampu menghafaz satu muka surat al-Qur'an dalam sehari, 3 orang (9%) menyatakan pelajar mereka berjaya

menghafaz satu a'in dalam sehari dan 2 orang (6%) menyatakan pelajar mereka berjaya menghafaz satu maqra' dalam sehari.

**Jadual 4.59: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Berapa Lama Masa Diperuntukkan Kepada Pelajar Untuk Menghafaz Al-Qur'an**

Berapa lamakah masa yang diperuntukkan kepada pelajar untuk menghafaz al-Qur'an dalam sehari	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan	
Dua jam	2 (6%)	-	1 (3%)	3 (9%)
Tiga jam	1 (3%)	3 (9%)	-	4 (11%)
Empat jam	-	4 (11%)	-	4 (11%)
Lima jam	-	2 (6%)	1 (3%)	3 (9%)
Enam jam	-	1 (3%)	4 (11%)	5 (14%)
Lain-lain	9 (26%)	-	7 (20%)	16 (46%)
Jumlah	12 (34%)	10 (29%)	13 (37%)	35 (100%)

Jadual 4.59 menunjukkan taburan bilangan pengajar mengikut sekolah dan berapa lamakah masa yang diperuntukkan kepada pelajar untuk menghafaz al-Qur'an dalam sehari.

Daripada 12 orang pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting, 2 orang (6%) menyatakan pelajar mereka peruntukkan dua jam untuk menghafaz al-Qur'an dalam sehari, seorang (3%) menyatakan pelajar mereka peruntukkan tiga jam untuk menghafaz al-Qur'an dalam sehari dan 9 orang (26%) menyatakan lain-lain.

Daripada 10 orang pengajar dari Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan, 3 orang (9%) menyatakan pelajar mereka peruntukkan tiga jam untuk menghafaz al-Qur'an dalam sehari, 4 orang (11%) menyatakan pelajar mereka peruntukkan empat jam untuk menghafaz al-Qur'an dalam sehari, 2 orang (6%) menyatakan pelajar mereka peruntukkan lima jam untuk menghafaz al-Qur'an dalam sehari dan seorang (3%)

menyatakan pelajar mereka peruntukkan enam jam untuk menghafaz al-Qur'an dalam sehari.

Daripada 13 pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan, setiap seorang (3%) masing-masing menyatakan pelajar mereka peruntukkan dua jam dan lima untuk menghafaz al-Qur'an dalam sehari, 4 orang (11%) menyatakan pelajar mereka peruntukkan enam jam untuk menghafaz al-Qur'an dalam sehari dan 7 orang (20%) menyatakan lain-lain.

**Jadual 4.60: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Jumlah Pelajar Lelaki Di Bawah Seliaan Pada 1.1.2003**

Jumlah pelajar lelaki di bawah seliaan pada 1.1.2003	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan	
Tiada	4 (11%)	-	-	4 (11%)
1 – 10 orang	8 (23%)	1 (3%)	2 (6%)	11 (31%)
11 – 20 orang	-	7 (20%)	11 (31%)	18 (51%)
Lebih 21 orang	-	2 (6%)	-	2 (6%)
Jumlah	12 (34%)	10 (29%)	13 (37%)	35 (100%)

Jadual 4.60 menunjukkan taburan bilangan pengajar mengikut sekolah dan jumlah pelajar lelaki di bawah seliaan pada 1.1.2003.

8 orang (23%) pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting menyelia antara seorang hingga 10 orang pelajar lelaki sementara 4 orang (11%) tidak menyelia pelajar lelaki .

Daripada 10 orang pengajar dari Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan, seorang menyelia antara seorang hingga 10 orang pelajar lelaki, 7 orang (20%) menyelia antara

11 orang hingga 20 orang pelajar lelaki dan 2 orang (6%) menyelia lebih 21 orang pelajar lelaki.

Daripada 13 pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan, 2 orang (6%) menyelia antara seorang hingga 10 orang pelajar lelaki dan 11 orang (31%) menyelia antara 11 orang hingga 20 orang pelajar lelaki.

**Jadual 4.61: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Jumlah Pelajar Perempuan Di Bawah Seliaan Pada 1.1.2003**

Jumlah pelajar perempuan di bawah seliaan pada 1.1.2003	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan	
Tiada	7 (20%)	10 (29%)	13 (37%)	30 (86%)
1 – 10 orang	5 (14%)	-	-	5 (14%)
Jumlah	12 (34%)	10 (29%)	13 (37%)	35 (100%)

Jadual 4.61 menunjukkan taburan bilangan pengajar mengikut sekolah dan jumlah pelajar perempuan di bawah seliaan pada 1.1.2003.

Daripada 12 orang (34%) pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting, 5 orang (14%) menyelia antara seorang hingga 10 orang pelajar perempuan, 7 orang (20%) tidak menyelia pelajar perempuan.

Kesemua pengajar dari Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan dan pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan tidak menyelia pelajar perempuan.

**Jadual 4.62: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Jumlah Pelajar Keseluruhan Di Bawah Seliaan Pada 1.1.2003**

Jumlah pelajar keseluruhan di bawah seliaan pada 1.1.2003	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan	
1 – 10 orang	12 (34%)	1 (3%)	2 (6%)	15 (43%)
11 – 20 orang	-	7 (20%)	11 (31%)	18 (51%)
Lebih 21 orang	-	2 (6%)	-	2 (6%)
Jumlah	12 (34%)	10 (29%)	13 (37%)	35 (100%)

Jadual 4.62 menunjukkan taburan bilangan pengajar mengikut sekolah dan jumlah pelajar keseluruhan di bawah seliaan pada 1.1.2003.

12 orang (34%) pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting menyelia antara seorang hingga 10 orang pelajar.

Daripada 10 orang pengajar dari Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan, seorang menyelia antara seorang hingga 10 orang pelajar, 7 orang (20%) menyelia antara 11 orang hingga 20 orang pelajar dan 2 orang (6%) menyelia lebih 21 orang pelajar.

Daripada 13 pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan, 2 orang (6%) menyelia antara seorang hingga 10 orang pelajar dan 11 orang (31%) menyelia antara 11 orang hingga 20 orang pelajar.

**Jadual 4.63: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah  
Dan Umur Pelajar Lelaki Yang Sesuai Untuk Menghafaz al-Quran**

Umur pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan	
5 tahun	-	1 (3%)	-	1 (3%)
6 tahun	4 (11%)	4 (11%)	4 (11%)	12 (33%)
7 tahun	5 (14%)	1 (3%)	8 (22%)	14 (39%)
9 tahun	1 (3%)	1 (3%)	-	2 (6%)
10 tahun	-	-	1 (3%)	1 (3%)
12 tahun	-	1 (3%)	-	1 (3%)
13 tahun	2 (6%)	2 (6%)	-	4 (11%)
15 tahun	-	1 (3%)	-	1 (3%)
Jumlah	12 (33%)	11 (31%)	13 (36%)	36 (100%)

Jadual 4.63 menunjukkan taburan bilangan pengajar mengikut sekolah dan umur pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an.

Daripada 12 orang (33%) pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting, 4 orang (11%) menyatakan umur pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 6 tahun, 5 orang (14%) menyatakan umur pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 7 tahun, seorang (3%) menyatakan umur pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 9 tahun dan 2 orang (6%) menyatakan umur pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 13 tahun.

Daripada 11 orang pengajar dari Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan, 4 orang (11%) menyatakan umur pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 6 tahun, setiap seorang (3%) masing-masing menyatakan umur pelajar lelaki yang sesuai

untuk menghafaz al-Qur'an ialah 5 tahun, 7 tahun, 9 tahun, 12 tahun dan 15 tahun dan 2 orang (6%) menyatakan umur pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 13 tahun.

Daripada 13 pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan, 4 orang (11%) menyatakan umur pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 6 tahun, 8 orang (22%) menyatakan umur pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 7 tahun dan seorang (3%) menyatakan umur pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 10 tahun.

**Jadual 4.64: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Umur Pelajar Perempuan Yang Sesuai Untuk Menghafaz al-Quran**

Umur pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan	
5 tahun	1 (3%)	-	-	1 (3%)
6 tahun	3 (9%)	2 (6%)	5 (15%)	10 (30%)
7 tahun	4 (12%)	1 (3%)	7 (21%)	12 (36%)
9 tahun	1 (3%)	4 (12%)	1 (3%)	6 (18%)
12 tahun	-	1 (3%)	-	1 (3%)
13 tahun	2 (6%)	1 (3%)	-	3 (9%)
Jumlah	11 (33%)	9 (27%)	13 (39%)	33 (100%)

Jadual 4.64 menunjukkan taburan bilangan pengajar mengikut sekolah dan umur pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an.

Daripada 11 orang (33%) pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting, setiap seorang (3%) masing-masing menyatakan umur pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 5 tahun dan 9 tahun, 3 orang (9%) menyatakan umur pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an

ialah 6 tahun, 4 orang (12%) menyatakan umur pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 7 tahun, dan 2 orang (6%) menyatakan umur pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 13 tahun.

Daripada 9 orang pengajar dari Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan, setiap seorang (3%) masing-masing menyatakan umur pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 7 tahun, 12 tahun dan 13 tahun, 2 orang (6%) menyatakan umur pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 6 tahun dan 2 orang (6%) menyatakan umur pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 13 tahun.

Daripada 13 pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan, 5 orang (15%) menyatakan umur pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 6 tahun, 7 orang (21%) menyatakan umur pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 7 tahun dan seorang (3%) menyatakan umur pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 9 tahun.

**Jadual 4.65: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Umur Minimum Pelajar Lelaki Untuk Menghafaz al-Qur'an**

Umur minimum pelajar lelaki untuk menghafaz al-Qur'an	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan	
4 tahun	1 (3%)	-	-	1 (3%)
5 tahun	-	1 (3%)	-	1 (3%)
6 tahun	5 (14%)	2 (6%)	4 (11%)	11 (31%)
7 tahun	4 (11%)	2 (6%)	8 (22%)	14 (39%)
9 tahun	-	1 (3%)	-	1 (3%)
10 tahun	-	-	1 (3%)	1 (3%)
12 tahun	-	2 (6%)	-	2 (6%)
13 tahun	2 (6%)	2 (6%)	-	4 (11%)
15 tahun	-	1 (3%)	-	1 (3%)
Jumlah	12 (33%)	11 (31%)	13 (36%)	36 (100%)

Jadual 4.65 menunjukkan taburan bilangan pengajar mengikut sekolah dan umur minimum pelajar lelaki untuk menghafaz al-Qur'an.

Daripada 12 orang (33%) pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an N.Selangor, Jogra Banting, seorang (3%) menyatakan umur minimum pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 4 tahun, 5 orang (14%) menyatakan umur minimum pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 6 tahun, 4 orang (11%) menyatakan umur minimum pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 7 tahun, dan 2 orang (6%) menyatakan umur minimum pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 13 tahun.

Daripada 11 orang pengajar dari Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan, setiap seorang (3%) masing-masing menyatakan umur minimum pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 5 tahun, 9 tahun dan 15 tahun dan setiap 2 orang (6%) masing-masing menyatakan umur minimum pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 6 tahun, 7 tahun, 12 tahun dan 13.

Daripada 13 pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan, 4 orang (11%) menyatakan umur minimum pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 6 tahun, 8 orang (22%) menyatakan umur minimum pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 7 tahun dan seorang (3%) menyatakan umur minimum pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 10 tahun.

**Jadual 4.66: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Umur Maksimum Pelajar Lelaki Untuk Menghafaz al-Qur'an**

Umur maksimum pelajar lelaki untuk menghafaz al-Qur'an	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan	
13 tahun	1 (3%)	-	-	1 (3%)
15 tahun	-	1 (3%)	-	1 (3%)
16 tahun	1 (3%)	-	-	1 (3%)
17 tahun	-	1 (3%)	-	1 (3%)
18 tahun	6 (17%)	2 (6%)	4 (11%)	12 (33%)
19 tahun	-	4 (11%)	-	4 (11%)
20 tahun	-	2 (6%)	-	2 (6%)
21 tahun	2 (6%)	1 (3%)	8 (22%)	11 (31%)
23 tahun	-	-	1 (3%)	1 (3%)
25 tahun	2 (6%)	-	-	2 (6%)
Jumlah	12 (33%)	11 (31%)	13 (36%)	36 (100%)

Jadual 4.66 menunjukkan taburan bilangan pengajar mengikut sekolah dan umur maksimum pelajar lelaki untuk menghafaz al-Qur'an.

Daripada 12 orang (33%) pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting, setiap seorang (3%) masing-masing menyatakan umur maksimum pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 13 tahun dan 16 tahun, 6 orang (17%) menyatakan umur maksimum pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 18 tahun dan setiap 2 orang (6%) masing-masing

menyatakan umur maksimum pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 21 tahun dan 25 tahun.

Daripada 11 orang pengajar dari Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan, setiap seorang (3%) masing-masing menyatakan umur maksimum pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 15 tahun, 17 tahun dan 21 tahun, setiap 2 orang (6%) masing-masing menyatakan umur maksimum pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 18 tahun dan 20 tahun dan 4 orang (11%) menyatakan umur maksimum pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 19 tahun.

Daripada 13 pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan, 4 orang (11%) menyatakan umur maksimum pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 18 tahun, 8 orang (22%) menyatakan umur maksimum pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 21 tahun dan seorang (3%) menyatakan umur maksimum pelajar lelaki yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 23 tahun.

**Jadual 4.67: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah  
Dan Umur Minimum Pelajar Perempuan Untuk Menghafaz al-Quran**

Umur minimum pelajar perempuan untuk menghafaz al-Qur'an	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan	
4 tahun	1 (3%)	-	-	1 (3%)
5 tahun	1 (3%)	-	-	1 (3%)
6 tahun	4 (11%)	-	5 (14%)	9 (26%)
7 tahun	4 (11%)	1 (3%)	7 (20%)	12 (34%)
9 tahun	-	1 (3%)	1 (3%)	2 (6%)
10 tahun	-	2 (6%)	-	2 (6%)
12 tahun	-	3 (9%)	-	3 (9%)
13 tahun	2 (6%)	1 (3%)	-	3 (9%)
15 tahun	-	2 (6%)	-	2 (6%)
Jumlah	12 (34%)	10 (29%)	13 (37%)	35 (100%)

Jadual 4.67 menunjukkan taburan bilangan pengajar mengikut sekolah dan umur minimum pelajar perempuan untuk menghafaz al-Qur'an.

Daripada 12 orang (33%) pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting, setiap seorang (3%) masing-masing menyatakan umur minimum pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 4 tahun dan 5 tahun, 2 orang (6%) menyatakan umur minimum pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 13 tahun dan setiap 4 orang (11%) masing-masing menyatakan umur minimum pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 6 tahun dan 7 tahun.

Daripada 10 orang pengajar dari Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan, setiap seorang (3%) masing-masing menyatakan umur minimum pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 7 tahun, 8 tahun dan 13 tahun, setiap 2 orang (6%) masing-masing menyatakan umur minimum pelajar perempuan yang sesuai untuk

menghafaz al-Qur'an ialah 10 tahun dan 15 tahun dan 3 orang (9%) menyatakan umur minimum pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 12 tahun.

Daripada 13 pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan, 5 orang (14%) menyatakan umur minimum pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 6 tahun, 7 orang (20%) menyatakan umur minimum pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 7 tahun dan seorang (3%) menyatakan umur minimum pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 9 tahun.

**Jadual 4.68: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Umur Maksimum Pelajar Perempuan Untuk Menghafaz al-Quran**

Umur maksimum pelajar perempuan untuk menghafaz al-Qur'an	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan	
13 tahun	1 (3%)	-	-	1 (3%)
15 tahun	-	1 (3%)	-	1 (3%)
16 tahun	1 (3%)	-	-	1 (3%)
17 tahun	-	2 (6%)	-	2 (6%)
18 tahun	6 (17%)	1 (3%)	4 (11%)	11 (31%)
19 tahun	-	2 (6%)	-	2 (6%)
20 tahun	1 (3%)	2 (6%)	-	3 (9%)
21 tahun	2 (6%)	1 (3%)	9 (26%)	12 (34%)
25 tahun	1 (3%)	1 (3%)	-	2 (6%)
Jumlah	12 (34%)	10 (29%)	13 (37%)	35 (100%)

Jadual 4.68 menunjukkan taburan bilangan pengajar mengikut sekolah dan umur maksimum pelajar perempuan untuk menghafaz al-Qur'an.

Daripada 12 orang (33%) pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting, setiap seorang (3%) masing-masing menyatakan umur maksimum pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 13 tahun, 16 tahun, 20 tahun dan 25 tahun, 6 orang (17%) menyatakan umur maksimum pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 18 tahun dan 2 orang (6%) menyatakan umur maksimum pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 21 tahun.

Daripada 10 orang pengajar dari Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan, setiap seorang (3%) masing-masing menyatakan umur maksimum pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 15 tahun, 18 tahun, 21 tahun dan 25 tahun, setiap 2 orang (6%) masing-masing menyatakan umur maksimum pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 17 tahun, 19 tahun dan 20 tahun.

Daripada 13 pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan, 4 orang (11%) menyatakan umur maksimum pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 18 tahun dan 9 orang (26%) menyatakan umur maksimum pelajar perempuan yang sesuai untuk menghafaz al-Qur'an ialah 21 tahun.

#### 4.2.2 Deskriptif

Bahagian ini menghurai data-data secara menyeluruh jawapan-jawapan tenaga pengajar dari setiap pusat tahniz di dalam soal selidik yang diedarkan tentang kaedah-kaedah hafazan, masalah, faktor dan pencapaian pelajar dalam hafazan al-Quran.

**Jadual 4.69: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Tahap Prasarana / Suasana**

Tahap prasarana / suasana	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan	
Rendah	-	-	-	-
Sederhana	2 (6%)	1 (3%)	-	3 (8%)
Tinggi	10 (28%)	10 (28%)	13 (36%)	33 (92%)
Jumlah	12 (33%)	11 (31%)	13 (36%)	36 (100%)

Jadual 4.69 menunjukkan taburan bilangan pengajar mengikut sekolah dan tahap prasarana / suasana. Setiap 28% pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting dan Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan dan 36% pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan mempunyai persepsi yang tinggi terhadap prasarana / suasana.

**Jadual 4.70: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Tahap Aktiviti**

Tahap	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan	
Rendah	-	-	-	-
Sederhana	2 (6%)	3 (8%)	-	5 (14%)
Tinggi	10 (28%)	8 (22%)	13 (36%)	31 (86%)
Jumlah	12 (33%)	11 (31%)	13 (36%)	36 (100%)

Jadual 4.70 menunjukkan taburan bilangan pengajar mengikut sekolah dan tahap aktiviti. 28% pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting, 22% pengajar daripada Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan dan 36% pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan mempunyai persepsi yang tinggi terhadap aktiviti.

**Jadual 4.71: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Tahap Faktor Diri**

Tahap	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan	
Rendah	-	-	-	-
Sederhana	5 (14%)	8 (22%)	4 (11%)	17 (47%)
Tinggi	7 (19%)	3 (8%)	9 (25%)	19 (53%)
Jumlah	12 (33%)	11 (31%)	13 (36%)	36 (100%)

Jadual 4.71 menunjukkan taburan bilangan pengajar mengikut sekolah dan tahap faktor diri. 19% pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting dan 25% pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong,

Kelantan mempunyai persepsi yang tinggi terhadap faktor diri sementara 22% pengajar daripada Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan mempunyai persepsi yang sederhana terhadap faktor diri.

**Jadual 4.72: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Tahap Peraturan**

Tahap	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan	
Rendah	-	-	-	-
Sederhana	2 (6%)	2 (6%)	-	4 (11%)
Tinggi	10 (28%)	9 (25%)	13 (36%)	32 (90%)
Jumlah	12 (33%)	11 (31%)	13 (36%)	36 (100%)

Jadual 4.72 menunjukkan taburan bilangan pengajar mengikut sekolah dan tahap peraturan. 28% pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting, 25% pengajar daripada Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan dan 36% pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan mempunyai persepsi yang tinggi terhadap peraturan.

**Jadual 4.73: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Tahap Dorongan**

Tahap	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan	
Rendah	-	1 (3%)	-	1 (3%)
Sederhana	-	4 (11%)	1 (3%)	5 (14%)
Tinggi	12 (33%)	6 (17%)	12 (33%)	30 (83%)
Jumlah	12 (33%)	11 (31%)	13 (36%)	36 (100%)

Jadual 4.73 menunjukkan taburan bilangan pengajar mengikut sekolah dan tahap dorongan. 33% pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting, 17% pengajar daripada Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan dan 33% pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan mempunyai persepsi yang tinggi terhadap dorongan. 11% pengajar daripada Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan dan 3% pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan mempunyai persepsi yang sederhana terhadap dorongan.

**Jadual 4.74: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Tahap Kaedah Hafazan**

Tahap	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan	
Rendah	-	-	-	-
Sederhana	9 (25%)	7 (19%)	1 (3%)	17 (47%)
Tinggi	3 (8%)	4 (11%)	12 (33%)	19 (53%)
Jumlah	12 (33%)	11 (31%)	13 (36%)	36 (100%)

Jadual 4.74 menunjukkan taburan bilangan pengajar mengikut sekolah dan tahap kaedah hafazan. 25% pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting, 19% pengajar daripada Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan dan 3% pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan mempunyai persepsi yang sederhana terhadap kaedah hafazan.

Jadual di atas juga menunjukkan 33% pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan mempunyai persepsi yang tinggi terhadap kaedah hafazan.

**Jadual 4.75: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Tahap Kemampuan Menghafaz**

Tahap	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan	
Rendah	-	-	-	-
Sederhana	4 (11%)	2 (6%)	1 (3%)	7 (19%)
Tinggi	8 (22%)	9 (25%)	12 (33%)	29 (81%)
Jumlah	12 (33%)	11 (31%)	13 (36%)	36 (100%)

Jadual 4.75 menunjukkan taburan bilangan pengajar mengikut sekolah dan tahap kemampuan menghafaz. 22% pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting, 25% pengajar daripada Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan dan 33% pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan mempunyai persepsi yang tinggi terhadap kemampuan menghafaz.

**Jadual 4.76: Taburan Bilangan Dan Peratusan Pengajar Mengikut Sekolah Dan Tahap Kelemahan Menghafaz**

Tahap	Sekolah			Jumlah
	Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting	Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan	Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan	
Rendah	-	2 (6%)	1 (3%)	3 (8%)
Sederhana	12 (33%)	9 (25%)	12 (33%)	33 (92%)
Tinggi	-	-	-	-
Jumlah	12 (33%)	11 (31%)	13 (36%)	36 (100%)

Jadual 4.76 menunjukkan taburan bilangan pengajar mengikut sekolah dan tahap kelemahan menghafaz. 33% pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an N. Selangor, Jogra Banting, 25% pengajar daripada Institut Tahfiz Al-Qur'an N. Sembilan dan 33% pengajar daripada Maahad Tahfiz Al-Qur'an Pulai Chondong, Kelantan mempunyai persepsi yang sederhana terhadap kelemahan menghafaz.

#### 4.2.3 Pendapat dan Penilaian Pengajar

Pendapat dan penilaian pengajar diperolehi daripada borang soal selidik tentang tahap pencapaian pelajar dalam menghafaz al-Quran berdasarkan kaedah hafazan, masa, aktiviti di dalam dan di luar madrasah mengikut nilai tertinggi.

**Jadual 4.77: Kaedah Menghafaz Mengikut Bilangan Ayat Al-Qur'an Yang Berjaya Dihafaz Oleh Pelajar Dalam Sehari (Pengajar) Mengikut Nilai Tertinggi**

	Kaedah menghafaz	Bilangan ayat al-Qur'an yang berjaya dihafaz oleh pelajar dalam sehari						Jumlah
		Beberapa ayat	1/2 muka surat	1 muka surat	1 A'in	1 Maqra'	Lebih drp 1 Maqra'	
1	Memperdengarkan hafazan baru (tasmiq)	-	-	12 (35%)	2 (6%)	6 (18%)	-	20 (59%)
2	Membaca berulang kali	1 (3%)	-	2 (6%)	1 (3%)	3 (9%)	1 (3%)	8 (24%)
3	Baca bersama guru	-	-	2 (6%)	-	-	1 (3%)	3 (9%)
4	Mengulang (i'adah / muraja'ah)	-	-	1 (3%)	-	1 (3%)	-	2 (6%)
5	Rujuk taksir	-	-	1 (3%)	-	-	-	1 (3%)
	Jumlah	1 (3%)	-	18 (53%)	3 (9%)	10 (29%)	2 (6%)	34 (100%)

**Jadual 4.78: Kaedah Mengulang Mengikut Bilangan Ayat Al-Qur'an Yang Berjaya Dihafaz Oleh Pelajar Dalam Sehari (Pengajar) Mengikut Nilai Tertinggi**

	Kaedah mengulang	Bilangan ayat al-Qur'an yang berjaya dihafaz oleh pelajar dalam sehari						Jumlah
		Beberapa ayat	1/2 muka surat	1 muka surat	1 A'in	1 Maqra'	Lebih drp 1 Maqra'	
1	Mengulang biasa (i'adah/ muraja'ah)	-	-	13 (41%)	2 (6%)	6 (19%)	-	21 (66%)
2	Baca berulang kali	1 (3%)	-	4 (13%)	1 (3%)	1 (3%)	1 (3%)	8 (25%)
3	Mengulang secara berkumpulan	-	-	-	-	1 (3%)	1 (3%)	2 (6%)
4	Mengulang ikut waktu khusus	-	-	-	-	1 (3%)	-	1 (3%)
	Jumlah	1 (3%)	-	17 (53%)	3 (9%)	9 (28%)	2 (6%)	32 (100%)

**Jadual 4.79: Aktiviti Di Dalam Dan Di Luar Madrasah Mengikut Bilangan Ayat Al-Qur'an Yang Berjaya Dihafaz Oleh Pelajar Dalam Sehari (Pengajar) Mengikut Nilai Tertinggi**

	Aktiviti di dalam dan di luar madrasah	Bilangan ayat al-Qur'an yang berjaya dihafaz oleh pelajar dalam sehari						Jumlah
		Beberapa ayat	1/2 muka surat	1 muka surat	1 A'in	1 Maqra'	Lebih drp 1 Maqra'	
1	Imam solat fardhu dan solat Jumaat	-	-	3 (9%)	3 (9%)	6 (18%)	2 (6%)	14 (41%)
2	Imam solat sunat	-	-	5 (15%)	-	2 (6%)	-	7 (21%)
5	Pertandingan tilawah atau hafazan	-	-	5 (15%)	-	-	-	5 (15%)
3	Halaqah al-Qur'an	-	-	2 (6%)	-	-	-	2 (6%)
4	Bersukan (riadhah)	-	-	2 (6%)	-	-	-	2 (6%)
6	Kelas al-Qur'an	1 (3%)	-	-	-	1 (3%)	-	2 (6%)
7	Solat sunat hifzi dan sebagainya	-	-	1 (3%)	-	1 (3%)	-	2 (6%)
	Jumlah	1 (3%)	-	18 (53%)	3 (9%)	10 (29%)	2 (6%)	34 (100%)

**Jadual 4.80: Masa Yang Sesuai Untuk Menghafaz Mengikut Bilangan Ayat Al-Qur'an Yang Berjaya Dihafaz Oleh Pelajar Dalam Sehari (Pengajar)**

	Masa yang sesuai untuk menghafaz	Bilangan ayat al-Qur'an yang berjaya dihafaz oleh pelajar dalam sehari						Jumlah
		Beberapa ayat	1/2 muka surat	1 muka surat	1 A'in	1 Maqra'	Lebih drp 1 Maqra'	
1	1 - 1½ jam sehari	-	-	-	-	1 (3%)	-	1 (3%)
2	Sebelum subuh	1 (3%)	-	10 (32%)	1 (3%)	1 (3%)	-	13 (42%)
3	Selepas subuh	-	-	5 (16%)	2 (7%)	7 (23%)	1 (3%)	15 (48%)
4	Selepas maghrib	-	-	-	-	-	1 (3%)	1 (3%)
5	Selepas isyak	-	-	1 (3%)	-	-	-	1 (3%)
	Jumlah	1 (3%)	-	16 (52%)	3 (10%)	9 (29%)	2 (7%)	31 (100%)

**Jadual 4.81: Masa Yang Sesuai Untuk Mengulang Hafazan Mengikut Bilangan Ayat Al-Qur'an Yang Berjaya Dihafaz Oleh Pelajar Dalam Sehari (Pengajar)**

	Masa yang sesuai untuk mengulang hafazan	Bilangan ayat al-Qur'an yang berjaya dihafaz oleh pelajar dalam sehari						Jumlah
		Beberapa ayat	1/2 muka surat	1 muka surat	1 A'in	1 Maqra'	Lebih drp 1 Maqra'	
3	Selepas subuh	1 (3%)	-	12 (39%)	1 (3%)	1 (3%)	2 (7%)	17 (55%)
5	Selepas maghrib	-	-	3 (10%)	-	7 (23%)	-	10 (32%)
2	Sebelum subuh	-	-	1 (3%)	1 (3%)	-	-	2 (7%)
1	3 - 3½ jam sehari	-	-	-	-	1 (3%)	-	1 (3%)
4	Tengahari	-	-	-	1 (3%)	-	-	1 (3%)
	Jumlah	1 (3%)	-	16 (52%)	3 (10%)	9 (29%)	2 (7%)	31 (100%)

**Jadual 4.82: Kaedah Menghafaz Mengikut Berapa Lama Masa Yang Diperuntukkan Kepada Pelajar Untuk Menghafaz Al-Qur'an Dalam Sehari (Pengajar)**

	Kaedah menghafaz	Berapa lama masa yang diperuntukkan kepada pelajar untuk menghafaz al-Qur'an dalam sehari						Jumlah
		2 jam	3 jam	4 jam	5 jam	6 jam	Lain-lain	
1	Memperdengarkan hafazan baru (tasmiq)	-	2 (6%)	4 (12%)	2 (6%)	2 (6%)	10 (29%)	20 (59%)
2	Membaca berulang kali	2 (6%)	1 (3%)	-	-	1 (3%)	4 (12%)	8 (24%)
3	Baca bersama guru	1 (3%)	1 (3%)	-	1 (3%)	-	-	3 (9%)
4	Mengulang (i'adah / muraja'ah)	-	-	-	-	2 (6%)	-	2 (6%)
5	Rujuk taksir	-	-	-	-	-	1 (3%)	1 (3%)
	Jumlah	3 (9%)	4 (12%)	4 (12%)	3 (9%)	5 (15%)	15 (44%)	34 (100%)

**Jadual 4.83: Kaedah Mengulang Mengikut Berapa Lama Masa Yang Diperuntukkan Kepada Pelajar Untuk Menghafaz Al-Qur'an Dalam Sehari (Pengajar)**

Kaedah mengulang	Berapa lama masa yang diperuntukkan kepada pelajar untuk menghafaz al-Qur'an dalam sehari						Jumlah
	2 jam	3 jam	4 jam	5 jam	6 jam	Lain-lain	
1 Mengulang biasa (i'adah/muraja'ah)	-	2 (6%)	4 (13%)	1 (3%)	3 (9%)	11 (34%)	21 (66%)
2 Baca berulang kali	1 (3%)	2 (6%)	-	1 (3%)	1 (3%)	3 (9%)	8 (25%)
3 Mengulang secara berkumpulan	1 (3%)	-	-	1 (3%)	-	-	2 (6%)
4 Mengulang ikut waktu khusus	-	-	-	-	1 (3%)	-	1 (3%)
Jumlah	2 (6%)	4 (13%)	4 (13%)	3 (9%)	5 (16%)	14 (44%)	32 (100%)

**Jadual 4.84: Aktiviti Di Dalam Dan Di Luar Madrasah Mengikut Berapa Lama Masa Yang Diperuntukkan Kepada Pelajar Untuk Menghafaz Al-Qur'an Dalam Sehari (Pengajar)**

Aktiviti di dalam dan di luar madrasah	Berapa lama masa yang diperuntukkan kepada pelajar untuk menghafaz al-Qur'an dalam sehari						Jumlah
	2 jam	3 jam	4 jam	5 jam	6 jam	Lain-lain	
1 Imam solat fardhu dan solat Jumaat	1 (3%)	-	-	-	2 (6%)	11 (32%)	14 (41%)
2 Imam solat sunat	-	-	-	3 (9%)	2 (6%)	2 (6%)	7 (21%)
5 Pertandingan tilawah atau hafazan	-	-	4 (12%)	-	-	1 (3%)	5 (15%)
3 Halaqah al-Qur'an	-	2 (6%)	-	-	-	-	2 (6%)
4 Bersukan (riadhah)	-	1 (3%)	-	-	1 (3%)	-	2 (6%)
6 Kelas al-Qur'an	1 (3%)	1 (3%)	-	-	-	-	2 (6%)
7 Solat sunat hifzi dan sebagainya	1 (3%)	-	-	-	-	1 (3%)	2 (6%)
Jumlah	3 (9%)	4 (12%)	4 (12%)	3 (9%)	5 (15%)	15 (44%)	34 (100%)

**Jadual 4.85: Masa Yang Sesuai Untuk Menghafaz Mengikut Berapa Lama Masa Yang Diperuntukkan Kepada Pelajar Untuk Menghafaz Al-Quran Dalam Sehari (Pengajar)**

	Masa yang sesuai untuk menghafaz	Berapa lama masa yang diperuntukkan kepada pelajar untuk menghafaz al-Qur'an dalam sehari						Jumlah
		2 jam	3 jam	4 jam	5 jam	6 jam	Lain-lain	
1	1 - 1½ jam sehari	-	-	-	1 (3%)	-	-	1 (3%)
3	Selepas subuh	1 (3%)	2 (7%)	-	-	2 (7%)	10 (32%)	15 (48%)
4	Selepas maghrib	-	-	-	-	-	1 (3%)	1 (3%)
5	Selepas isyak	-	-	-	1 (3%)	-	-	1 (3%)
	Jumlah	3 (10%)	4 (13%)	4 (13%)	3 (10%)	4 (13%)	13 (42%)	31 (100%)

**Jadual 4.86: Masa Yang Sesuai Untuk Mengulang Hafazan Mengikut Berapa Lama Masa Yang Diperuntukkan Kepada Pelajar Untuk Menghafaz Al-Qur'an Dalam Sehari (Pengajar)**

	Masa yang sesuai untuk mengulang hafazan	Berapa lama masa yang diperuntukkan kepada pelajar untuk menghafaz al-Qur'an dalam sehari						Jumlah
		2 jam	3 jam	4 jam	5 jam	6 jam	Lain-lain	
1	3 - 3½ jam sehari	-	-	-	1 (3%)	-	-	1 (3%)
2	Sebelum subuh	-	-	-	-	-	2 (7%)	2 (7%)
3	Selepas subuh	3 (10%)	2 (7%)	4 (13%)	2 (7%)	3 (10%)	3 (10%)	17 (55%)
4	Tengahari	-	-	-	-	-	1 (3%)	1 (3%)
5	Selepas maghrib	-	2 (7%)	-	-	1 (3%)	7 (23%)	10 (32%)
	Jumlah	3 (10%)	4 (13%)	4 (13%)	3 (10%)	4 (13%)	13 (42%)	31 (100%)

## **BAB V**

### **PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN KERJA LANJUTAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Dalam bab ini, huraian dan rumusan tentang keputusan kajian yang telah dianalisis akan dibincangkan. Di samping itu beberapa cadangan akan dikemukakan dan cadangan kerja lanjutan akan dimuatkan supaya kajian seterusnya dapat diteruskan oleh penyelidik-penyelidik yang berminat di dalam bidang ini di masa akan datang.

#### **5.1 Perbincangan**

Secara keseluruhannya terdapat pelbagai kaedah hafazan yang digunakan oleh pusat-pusat tahniz di seluruh Malaysia. Perbezaan hanya terdapat pada beberapa penggunaan suku kata yang berbeza tetapi menggunakan kaedah yang sama. Disebabkan dasar pendidikan hafazan yang berbeza samaada mengikut kerajaan negeri atau kerajaan pusat, maka terdapat juga sebahagian kaedah hafazan yang digunakan oleh sesebuah Maahad yang tidak diguna pakai oleh Maahad tahniz yang lain.

Berdasarkan jadual 4.2 menunjukkan bahawa perbezaan umur bagi setiap Maahad adalah berbeza berdasarkan peringkat pengajian yang diikuti. Seramai 85 orang pelajar Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Selangor, Jogra Banting adalah berumur antara 16 hingga 21 tahun, manakala majoriti pelajar Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan adalah berumur antara 13 hingga 18 tahun, tidak termasuk 11orang pelajar berumur antara 19-21 tahun. Maahad Tahfiz al-Quran Pulai Chondong, Kelantan pula mencatatkan hampir 100% pelajar yang berumur bawah 18 tahun.

Metod pengajaran hafazan juga kadangkala berbeza berdasarkan sukatan pelajaran yang ditentukan oleh pihak pentadbir kepada pelajar.

Berdasarkan jadual 4.1 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden yang terlibat dengan kajian ini adalah terdiri daripada 419 orang pelajar, seramai 85 orang adalah pelajar dari Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Selangor, Jogra Banting dan daripada jumlah ini seramai 47 orang (11%) terdiri daripada lelaki dan 41 orang (10%) pelajar perempuan. Kesemua pelajar dari Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan (127 orang), (30%) dan 204 (49%) daripada Maahad Tahfiz al-Quran Pulai Chondong, Kelantan adalah pelajar lelaki.

Jumlah responden yang paling ramai adalah pelajar-pelajar yang sedang mengambil kursus diploma tahfiz seramai 97 orang diikuti dengan pelajar tingkatan 1 seramai 80 orang pelajar mewakili 19% daripada jumlah keseluruhan pelajar. Peratusan ini diikuti pula dengan pelajar tingkatan 2 sebanyak 18% iaitu seramai 72 orang pelajar. Manakala jumlah responden terkecil bilangannya ialah pelajar-pelajar tingkatan 6 iaitu sebanyak 8% daripada keseluruhan responden.

### **5.1.1 Pendapat pelajar**

Hasil kajian mendapati bahawa kaedah menghafaz yang terbaik mengikut juzuk adalah menggunakan kaedah memperdengarkan hafazan baru (*tasmi'*). Kajian menunjukkan bahawa 282 orang daripada keseluruhan pelajar iaitu sebanyak 67% bersetuju dan gemar menggunakan kaedah tersebut untuk menghafaz. 16% daripada pelajar pula menggunakan kaedah hafazan biasa manakala 10% lagi iaitu seramai 42 orang gemar menggunakan buku tulisan ayat sebagai alternatif untuk menghafaz. Ketiga-tiga kaedah di atas merupakan peratusan pemilihan yang tertinggi di kalangan penuntut-penuntut di Maahad tahfiz.

Selain itu terdapat pelajar yang gemar menggunakan tafsir, tujuh orang pelajar membaca berulang kali, lima orang pelajar menghafaz dari ayat ke ayat, tiga orang pelajar menggunakan kaedah mengulang manakala kaedah membaca kemudian

menghafaz dan kaedah sasaran bilangan ayat yang hendak dihafaz masing-masing dua orang pelajar. Hanya seorang pelajar menggunakan waktu khusus menghafaz sebagai kaedah yang mudah untuk menghafaz mengikut juzuk.

Secara keseluruhannya hasil kajian ini mendapati kaedah *tasmi'* merupakan satu kaedah menghafaz yang terbaik yang digunakan oleh maahad-maahad tahnif terkenal di dalam kajian ini. Peratusan yang tinggi hingga mencecah 70% menjadikan kaedah lain jauh ketinggalan dari segi penggunaannya dalam pengaplikasian untuk menghafaz.

Seterusnya berdasarkan kepada jadual-jadual di dalam bab iv menunjukkan bahawa hampir 50% daripada keseluruhan responden bersetuju dan gemar menggunakan masa khusus untuk mengulang hafazan yang telah dihafaz mengikut bilangan juzuk iaitu seramai 196 orang pelajar (47%). Angka ini diikuti dengan kaedah mengulang biasa atau *muraja'ah* iaitu sebanyak 41%, 19 orang responden (5%) lagi mengulang mengikut *maqra'* yang telah dihafaz manakala 13 orang responden menggunakan kaedah *tasmi'* iaitu memperdengarkan bacaan kepada orang lain. Peratusan di atas adalah antara empat peratusan tertinggi hasil daripada kajian yang telah dilakukan.

Terdapat juga beberapa kaedah-kaedah lain yang digunakan oleh pelajar untuk mengulang hafazan diantaranya mengulang hafazan mengikut bilangan juzuk secara berkumpulan (*halaqah*), empat orang mengulang ketika dalam solat manakala kaedah membaca berulang kali dan melancarkan bacaan masing-masing tiga orang responden. Dua peratusan terendah ialah mengulang dengan merujuk tafsir dua orang dan mengulang dari surah yang belakang hanya seorang.

Demikian itu, mengulang hafazan pada waktu khusus dan *muraja'ah* biasa merupakan alternatif yang gemar diguna pakai oleh pelajar untuk mengulang hafazan. Kedua-dua kaedah ini mempunyai peratusan yang amat tinggi dan seimbang berbanding dengan peratusan kaedah mengulang hafazan yang lain.

Manakala aktiviti yang amat membantu pelajar dalam proses menghafaz ialah program *Halaqah al-Qur'an*. Hasil kajian mendapati 99 orang (24%) responden bersetuju dengan aktiviti ini. Seramai 67 orang (16%) menyatakan amalan solat sunat adalah membantu, 56 orang (13%) berpendapat aktiviti yang membantu hafazan ialah imam solat fardhu manakala imam solat sunat adalah pendapat 44 orang (11%) responden yang lain. Ini adalah empat bilangan teratas tertinggi dari senarai dapatan kajian.

Selain daripada dapatan di atas, terdapat beberapa lagi aktiviti yang membantu pelajar dalam menghafaz berdasarkan jadual-jadul di dalam bab iv ialah 43 orang (10%) responden berpendapat, aktiviti yang membantu hafazan ialah ujian atau peperiksaan, 40 orang (10%) bersukan, 31 orang (7%) mengatakan pertandingan *tilawah* dan hafazan dan maknum solat jemaah 30 orang (7%). Peratusan terendah ialah aktiviti kerohanian (1%) dan kelas al-Qur'an (0.2%).

### **5.1.2 Pendapat guru**

Secara amnya, pendapat guru berhubung dengan kaedah menghafaz ini adalah berdasarkan kaedah-kaedah yang diguna pakai ketika sesi pengajaran berlangsung di dalam kelas. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah yang lazim digunakan oleh tenaga pengajar dalam menjalankan proses pengajaran ialah kaedah *tasmi'* iaitu memperdengarkan bacaan baru. Selain itu mereka juga menggunakan kaedah membaca berulang kali, membaca bersama-sama pelajar, menggunakan kaedah mengulang dan kaedah merujuk tafsir.

Penglibatan guru dalam memastikan para pelajar mengulang semula ayat-ayat yang telah dihafaz adalah salah satu faktor terpenting bagi memastikan pencapaian kemajuan pelajar berada pada tahap yang stabil. Kaedah yang lazim dan paling ramai digunakan oleh guru-guru ketika proses mengulang hafazan berlangsung ialah kaedah *i'adah* atau *muraja'ah*. Kaedah ini adalah kaedah mengulang hafazan yang biasa dan majoriti guru-guru mempraktikkannya.

Selain itu sebahagian daripada guru-guru bersetuju bahawa Imam solat fardhu dan solat Jumaat adalah membantu pelajar dalam proses menghafaz, manakala sebahagian yang lain bersetuju dengan aktiviti Imam solat sunat. Terdapat juga yang mengatakan pertandingan *tilawah* atau hafazan, *Halaqah al-Qur'an*, beriadah, kelas al-Qur'an dan *solat sunat hifzi* membantu proses menghafaz.

Kesimpulannya, kaedah tasmiq adalah kaedah yang terbaik dan termasyhur yang lazim digunakan oleh para pelajar dan guru samaada untuk menghafaz atau untuk mengajar hafazan. Kaedah ini amat bersesuaian dengan semua peringkat umur serta jantina. Manakala kaedah yang biasa digunakan oleh guru dan pelajar dalam konteks mengulang hafazan adalah berbeza kerana pada kebiasaannya ulangan hafazan dilakukan di luar waktu pembelajaran formal sekolah berlangsung. Dalam aspek ini dapat dilihat bahawa para pelajar lebih gemar menggunakan waktu yang khusus untuk mengulang hafazan. Berlainan dengan guru yang mengajar kerana pada kebiasaannya mereka hanya terlibat dalam proses mengulang hafazan ketika pelajar bersama di dalam kelas. Penglibatan pelajar-pelajar dalam aktiviti-aktiviti luar juga membantu proses hafazan pelajar, ini dipersetujui oleh guru-guru.

## **5.2 Rumusan Dapatan Kajian**

Banyak keputusan menarik diperolehi daripada kajian ini, dan kita boleh menjadikannya sebagai satu modul ikutan untuk diselaraskan dalam kurikulum pengajian hafazan di sekolah-sekolah tahniz seluruh Malaysia. Beberapa keputusan kajian yang penting digariskan seperti yang berikut:

Antara sepuluh kaedah hafazan yang digunakan oleh pelajar-pelajar Maahad Tahfiz, terdapat tiga kaedah hafazan utama yang paling berkesan dalam kaedah menghafaz yang digunakan oleh pelajar-pelajar tersebut. Kaedah-kaedah itu ialah:

- (a) Memperdengarkan hafazan baru (*tasmi'*)
- (b) Menghafaz seperti biasa
- (c) Buku tulisan ayat

Ini bermakna kebanyakan pelajar Maahad Tahfiz bersetuju dan bersepakat tentang kaedah hafazan yang berkesan adalah melalui kaedah *tasmi'*. Fenomena ini berlaku adalah impak daripada penggunaan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru-guru di Maahad Tahfiz tersebut. Begitu juga dengan kaedah menghafaz menggunakan buku tulisan ayat, kaedah yang dianjurkan oleh pihak pentadbir ini akan memudahkan pelajar untuk menghafaz dengan lebih teratur dan sistematik. Selain pembelajaran di dalam kelas kaedah menghafaz seperti biasa yang dipraktikkan oleh pelajar di luar waktu pembelajaran adalah berkesan terhadap hafazan. Dapatkan ini dibuktikan hasil daripada jumlah ayat yang dihafaz oleh pelajar dalam sehari menggunakan ketiga-tiga kaedah di atas dan menunjukkan bilangan juzuk yang telah dihafaz berada pada tahap yang tinggi.

Kajian ini mendapati bahawa kaedah-kaedah hafazan lain seperti menggunakan tafsir, membaca berulang kali, menghafaz dari ayat ke ayat, kaedah mengulang dan kaedah membaca kemudian menghafaz bukanlah kaedah yang signifikan bagi pelajar-pelajar Maahad Tahfiz ini untuk menghafaz. Ini bermakna pelajar-pelajar demikian lebih gemar menggunakan ketiga-tiga kaedah di atas kerana boleh memahami dan boleh membuat adaptasi tentang penggunaan kaedah hafazan yang berkesan untuk menghafaz. Begitu juga dengan kaedah menghafaz pada waktu khusus dan sasaran bilangan ayat hafazan, kedua-dua kaedah ini amat jarang digunakan untuk menghafaz mungkin disebabkan oleh faktor persekitaran sekolah yang sedia ada. Namun, tidak dinafikan kaedah-kaedah ini juga boleh digunakan untuk menhafaz tetapi tahap keberkesanannya adalah rendah.

Kedua, faktor-faktor utama yang mempengaruhi pelajar menghafaz al-Qur'an serta keberkesanan kaedah hafazan yang digunakan ialah:

- Tinggal di asrama
- Dijaga oleh ibu dan bapa
- Bapa yang bekerja di bawah kerajaan dalam bidang professional
- Anak sulung, kedua dan ketiga dalam keluarga
- Ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi (Universiti)
- Tiada paksaan untuk menghafaz iaitu lahir dari dalam diri sendiri

- Menghafaz sekurang-kurangnya satu muka surat sehari
- Peruntukan masa menghafaz sekurang-kurangnya satu jam sehari
- Sudah dilatih untuk menghafaz sebelum memasuki institut / maahad tahniz ini
- Banyak melakukan aktiviti-aktiviti luar yang berkaitan dengan hafazan

Ketiga, secara amnya, terdapat perbezaan signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan dalam menggunakan kaedah-kaedah hafazan. Begitu juga dari aspek kaedah mengulang hafazan serta tempoh masa yang digunakan untuk menghafaz, terdapat perbezaan signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan kecuali dalam kategori aktiviti yang dilakukan di dalam dan di luar madrasah serta tempoh masa yang digunakan untuk mengulang hafazan. Ini bermakna perbezaan jantina menimbulkan jurang perbezaan yang besar dalam mengkaji kaedah hafazan yang digunakan oleh pelajar.

Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat perbezaan signifikan antara Maahad atau Institut secara keseluruhannya dalam penggunaan kaedah hafazan dan mengulang hafazan, aktiviti yang dilakukan di dalam dan di luar madrasah serta masa yang digunakan untuk menghafaz dan mengulang hafazan. Ini bermakna perbezaan Maahad atau Institut boleh mewujudkan jurang perbezaan dalam mengkaji penggunaan kaedah hafazan yang digunakan.

Berdasarkan perkiraan umur, hasil daripada kajian ini mendapati terdapat perbezaan signifikan dalam perbezaan umur berkaitan dengan kaedah hafazan yang digunakan. Begitu juga dengan kaedah mengulang hafazan, aktiviti yang dilakukan di dalam dan di luar madrasah serta masa yang digunakan untuk menghafaz dan mengulang hafazan. Dapatkan ini menunjukkan bahawa faktor perbezaan umur adalah penting dalam memastikan kajian penggunaan kaedah hafazan ini dapat dijalankan dengan baik.

Keempat, secara amnya terdapat pertalian signifikan antara jantina, Maahad/Institut dan umur dengan penggunaan kaedah hafazan. Secara spesifiknya, cuma tidak terdapat pertalian signifikan antara jantina pelajar dengan aktiviti yang dilakukan di dalam dan di luar madrasah serta tempoh masa yang digunakan untuk mengulang hafazan. Tetapi dalam pertalian antara kaedah hafazan, kaedah mengulang hafazan serta tempoh masa yang digunakan untuk menghafaz terdapat pertalian signifikan yang besar secara puratanya mempengaruhi keberkesanannya kaedah hafazan di Maahad/Institut tahfiz hafazan yang dikaji. Juga terdapat pertalian signifikan antara Maahad/Institut dan umur secara keseluruhannya terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanannya hafazan.

### **5.3 Implikasi dan cadangan daripada dapatan kajian**

Penggunaan kaedah hafazan yang terbaik adalah penting bagi memastikan keberkesanannya hafazan berada pada tahap yang optimum dan perlu diambil perhatian sewajarnya. Kaedah hafazan yang tidak teratur dan sistematik akan memberi impak yang besar kepada pelajar dari segi pengurusan masa serta keberkesanannya dalam menghafaz. Pelajar, ibu bapa, guru, kaunselor, masyarakat sekitar, para pegawai pendidikan dan pegawai jabatan pendidikan masyarakat yang merancang kurikulum pendidikan merupakan golongan yang boleh memainkan peranan untuk membantu pelajar-pelajar yang menceburi bidang hafazan ini ke tahap yang memberangsangkan. Di bawah ini dinyatakan beberapa cadangan penting untuk mempertingkatkan lagi keberkesanannya kaedah hafazan yang digunakan samaada oleh pelajar untuk menghafaz dan guru untuk mengajar pelajar menghafaz. Saranan-saranan ini secara langsung menyentuh mengenai guru-guru tahfiz maahad, institute tahfiz al-Quran, ibubapa, masyarakat dan pihak kerajaan. Antaranya:

#### **1. Guru Tahfiz**

- a. Selaku pendidik utama pelajar untuk mendalaminya bidang hafazan, guru perlulah mempunyai ciri-ciri yang baik serta mahir di dalam bidang hafazan. Mereka juga

perlulah tegas dalam menjalankan tugas serta prihatin terhadap keperluan pelajar. Mereka perlulah memahami kelemahan dan kemampuan pelajar agar pelajar tidak berasa tertekan dengan tindakan yang diambil oleh guru tersebut. Guru juga hendaklah menjaga hubungan baik dengan pelajar ibarat seperti ibu bapa dan anak. Mereka perlulah mendidik pelajar dengan didikan yang sesuai sepetimana yang digariskan dalam sistem pendidikan Islam. Perbezaan umur dan jantina pelajar perlulah diambil kira dalam menetapkan sesuatu perkara. Mereka juga melakukan peneguhan dengan memberikan imbuhan kepada pelajar-pelajar yang menghafaz dengan cepat dan lancar.

- b. Guru-guru tahfiz seharusnya memberi pendedahan kepada para pelajarnya mengenai metod-metod penghafazan yang terkini dan lebih berkesan. Kebanyakan guru-guru tahfiz mengemukakan metod-metod penghafazan berdasarkan pengalaman mereka semata-mata. Ini menyebabkan ramai pelajar yang menemui jalan buntu ketika menghafaz kerana masih kabur dan tidak dapat mengikuti teknik penghafazan yang diajarkan secara sempurna
- c. Guru tahfiz dapat meningkatkan lagi keberkesanan teknik menghafaz dan mengulang di kalangan para pelajar melalui perbincangan dan perkongsian kaedah tersebut dengan para pelajar. Ini kerana, terdapat segelintir pelajar yang menggunakan kaedah menghafaz dan mengulang yang tersendiri. Dengan gabungan kedah-kaedah dari kedua-dua pihak ini, para pelajar akan dapat meningkatkan lagi tahap ingatan mereka dalam hafalan al-Quran.
- d. Guru-guru tahfiz perlu menggiatkan usaha ppentakriran melebihi *muqarrar* menghafaz. Mereka perlu memastikan para pelajar mentakrir hafazan al-Quran di hadapan mereka. Jika langkah ini tidak diamalkan, kemungkinan sesetengah pelajar akan mengabaikan aktiviti *takrir* sedangkan proses penghafazan dan *takrir* adalah berkait rapat *ibarat isi dengan kuku*.

## 2. Maahad/ institut/ pentadbir Tahfiz

- a. Dalam kajian ini didapati bahawa kaedah hafazan yang utama ialah *tasmi'*, menghafaz seperti biasa dan buku tulisan ayat. Oleh itu dicadangkan agar latihan dan bimbingan dari segi kemahiran belajar, pengurusan masa dan perlaksanaan aktiviti yang bermanfaat sangat diperlukan dari peringkat awal pelajar menceburi bidang hafazan ini. Selain itu dorongan dari semua pihak amat penting bagi memastikan pelajar-pelajar ini dapat belajar dengan jayanya.
- b. Pihak Maahad/ institut iaitu pihak pentadbir akan dapat meningkatkan tahap keberkesanan hafazan jika mereka dapat memastikan dan mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih mementingkan pelajar dengan cara memastikan pengajaran dan aktiviti luar kelas yang dijalankan tidak menimbulkan masalah kepada pelajar. Mereka juga perlulah mewujudkan persekitaran yang selesa bagi memudahkan pelajar untuk menghafaz. Masa untuk menghafaz dan mengulang hafazan di dalam kelas perlulah dipanjangkan dan mengurangkan subjek-subjek akademik memandangkan tujuan utama penubuhan Maahad/ institut untuk melahirkan para *hafiz* dan *hafizah*. Pihak Maahad/ institut juga dicadangkan agar memisahkan kelas antara lelaki dan perempuan untuk mengelakkan masalah berkaitan dengan hafazan berlaku.
- c. Pihak Maahad/ institut perlulah menetapkan bilangan murid untuk seorang guru untuk di *tasmi'* serendah yang mungkin untuk memaudahkan mereka mengawal pelajar-pelajar tersebut. Mereka juga perlu menyusun peraturan Maahad/ institut dengan teratur agar sesuai dengan umur dan jantina serta keperluan para pelajar. Lawatan-lawatan ke Maahad/ institut tahniz yang lain juga perlu agar pelajar dapat meningkatkan prestasi hafazan mereka dari masa ke semasa. Pihak Maahad/ institut juga perlu mempelbagaikan program terutamanya yang berkaitan dengan hafazan seperti mewujudkan kelas IT serta menggunakan beberapa teknologi terkini sebagai kemudahan untuk pelajar menghafaz. Bilangan guru wanita perlulah disesuaikan dengan bilangan pelajar perempuan yang menuntut di Maahad/ institut tersebut.

d. Bagi institusi tahfiz al-Quran yang mempunyai kurikulum tahfiz dan akademik secara serentak, pembahagian masa di antara kedua-dua bidang tersebut perlu diberi perhatian oleh pihak pentadbir. Ini kerana terdapat segelintir pelajar yang tidak pandai membahagikan masa mereka secara berkesan.

e. Pihak pentadbir maahad perlu menggalakkan dan menekankan penglibatan pelajar-pelajar tahfiz mereka di dalam musabaqah hifzul Quran sama ada di peringkat negeri mahupun kebangsaan. Ia banyak membantu pelajarmenguasai hafazan secara berkesan.

### **3. Ibubapa**

a. Ibu bapa selaku pendidik awal pelajar sejak dari kecil perlulah memberi dorongan dan bimbingan yang padu pada anak mereka. Anak-anak juga boleh dilatih untuk menghafaz sejak mereka kecil lagi. Ibu bapa juga perlu menjelaskan tujuan sebenar anak mereka dihantar ke Maahad/ insititut tahfiz agar matlamat yang hendak dicapai melalui jalan yang betul dan diredhai Allah. Mereka juga perlulah prihatin terhadap keperluan anak-anak mereka yang menceburi bidang ini lebih-lebih lagi ketika anak mereka pulang ke rumah.

b. Setiap ibubapa harus mempunyai cita-cita untuk menjadikan salah seorang daripada anak-anak seorang *hafiz* atau *hafizah* al-Quran kerana banyak kelebihan yang diperolehi sama ada didunia mahupun di akhirat.

c. Pendidikan awal adalah penting bagi seseorang kanak-kanak dalam usaha menjadikan mereka sebagai seorang *hafizal-Quran*. Para ibu bapa hendaklah mendidik anak-anak mereka supaya mengenali dan mencintai al-Quran sejak kecil lagi. Sbagai usaha mempercepatkan tercapainya cita-cita ini, anak-anak mestilah diajar menghafaz al-Quran bermula dari umur lima atau enam tahun lagi.

#### **4. Masyarakat**

- a. Masyarakat seharusnya meletakkan darjat *hafiz* al-Quran di tempat yang sesuai dengan ketinggian serta kemuliaan Kalam Allah itu sendiri. Mereka mestilah menghormati dan menghargai segala pengorbanan para *hafiz* semasa dalam proses menghafaz al-Quran dengan menghulurkan bantuan dan sumbangan yang berpatutan.
- b. Untuk melahirkan lebih ramai *huffaz*, masyarakat perlu berganding bahu dan bekerjasama mengadakan kelas-kelas tahfiz al-Quran di mana-mana saja, sama ada individu ataupun berkumpulan, dengan ini lahirlah *huffaz* dengan ramai.

#### **5. Kerajaan**

- a. Para penggubal dasar di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga diharap dapat mengambil kira kesan percampuran antara lelaki dan perempuan di dalam sesebuah Maahad/ Institut tahfiz sebelum membuat sesuatu keputusan. Mereka juga perlu meneliti dan mengkaji semula Maahad-maahad yang mempunyai pembelajaran akademik yang banyak agar melebihkan masa pembelajaran dengan subjek-subjek yang berkaitan dengan hafazan al-Qur'an. Selain itu, peruntukan untuk Maahad-maahad tahfiz ini perlu ditambah untuk mewujudkan persekitaran yang harmonis dan sesuai untuk menghafaz al-Quran. Pelajar-pelajar ini juga perlu diberi biasiswa dan elaun bulanan untuk menggalakkan minat untuk menghafaz. Faktor persekitaran sekolah juga perlu diambil kira kerana ia boleh mengganggu proses hafazan pelajar. Kementerian dan kerajaan negeri juga perlu duduk semeja bagi mengenangkan satu sistem pendidikan hafazan yang sistematik dan teratur seperti penggunaan sistem penggal ataupun semester.
- b. Kerajaan perlu mengambil inisiatif untuk menjaga kebijakan kepentingan para *hafiz* kerana hak dan tanggungjawab mereka terhadap al-Quran adalah lebih besar etinya dari dunia dan seisinya.

c. Majlis Perujian Tahfiz al-Quran peringkat kebangsaan yang dinjurkan oleh JAKIM dengan kerjasama Majlis/ Jabatan Agama Islam Negeri yang diadakan pada setiap tahun hendaklah disiarkan secara langsung oleh RTM. Ini akan menarik minat para ibu bapa untuk mendorong anak-anak mereka menghafaz al-Quran.

## **6. Pelajar**

- a. Pelajar perlulah menyediakan diri selengkapnya sebelum menceburι bidang hafazan ini. Mereka perlu memberi komitmen yang sepenuhnya ketika menghafaz serta menjaga adab-adab pemakanan yang betul setiap hari. Pelajar dicadangkan agar sentiasa memakan makanan seperti kurma, kismis dan madu untuk mempertingkatkan daya hafazan.
- b. *Istiqamah* dalam *i'adah* serta keikhlasan ketika menghafaz adalah penting bagi memastikan keberkesanan dalam hafazan. Pelajar juga boleh menghayati dan melaksanakan apa yang terkandung dalam al-Quran agar terhindar daripada perilaku buruk yang memberi kesan negatif terhadap hafazan seseorang.

## **5.4 Cadangan kajian lanjutan**

Kajian tentang kaedah hafazan ini telah dijalankan di beberapa buah sekolah yang berlainan sistem pendidikan serta kedudukan geografi yang amat berbeza. Untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih bermutu, dicadangkan kajian susulan dilakukan dengan mengkhususkan beberapa Maahad/ institut tertentu yang mempunyai aliran sistem pengajaran yang sama agar dapat mengenalpasti dengan lebih jitu berkenaan dengan kaedah hafazan yang terbaik untuk digunakan. Kajian lanjutan juga dicadangkan dibuat di Maahad/ institut tahfiz yang masih mengamalkan sistem pondok serta kaedah tradisional.

Subjek kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar yang menuntut dari tingkatan satu hingga ke tahap diploma. Kebanyakan subjek kajian adalah lelaki dan majoritinya adalah pelajar-pelajar yang masih berada di sekolah menengah. Oleh itu dicadangkan agar kajian lanjutan seperti ini dilakukan dengan mengasingkan pelajar-pelajar diploma serta pelajar-pelajar sekolah menengah. Keseimbangan antara pelajar lelaki dan perempuan juga perlulah diambil kira agar sebarang keputusan dan dapanan kajian yang diperolehi dapat dilihat dengan jelas.

Seterusnya kajian ini juga dilakukan untuk mengenalpasti kaedah-kaedah hafazan yang berkesan yang digunakan di sekolah-sekolah menengah serta IPT. Dicadangkan juga agar kajian lanjut dilakukan ke atas pelajar-pelajar tahniz yang masih menuntut disekolah rendah, sama ada yang sedang belajar pada Tahap Satu atau Tahap Dua persekolahan, kerana pelajar-pelajar sekolah rendah yang masih muda dari segi usianya dan berada dalam zaman kanak-kanak mengalami perubahan psikologi yang berbeza dengan golongan pelajar sekolah menengah dan pelajar IPT yang sudah remaja untuk melihat perbezaan-perbezaan kaedah hafazan yang digunakan.

Kajian ini juga hanya melihat kaedah-kaedah utama hafazan serta beberapa faktor keberkesanan kaedah hafazan tersebut tanpa melihat masalah-masalah personaliti pelajar serta masalah-masalah utama pelajar seperti kerjaya masa depan yang menganggu prestasi kecemerlangan pelajar dalam bidang hafazan. Oleh itu dicadangkan agar kajian yang skopnya lebih luas dijalankan untuk melihat kaitan antara faktor-faktor keberkesanan kaedah hafazan dengan pembolehubah lain seperti tingkah laku dan konsep kendiri pelajar.

## **5.5 Penutup**

Pada keseluruhannya hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Maahad Tahfiz al-Qur'an Negeri Selangor, Jogra Banting, Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan dan Maahad Tahfiz al-Quran Pulai Chondong, Kelantan menggunakan

kaedah hafazan yang hampir serupa dan majoritinya menggunakan kaedah *tasmi'*, hafalan biasa dan buku tulisan ayat walaupun terdapat beberapa kaedah hafazan yang lain.

Sebagai remaja, pelajar-pelajar jurusan tahfiz ini juga sedikit sebanyak menghadapi masalah perhubungan peribadi dan personaliti, masalah dalam interaksi sosial dan masalah yang berkaitan dengan persahabatan seperti juga masalah-masalah yang dihadapai oleh remaja-remaja lain.

Demikian juga dengan kaedah hafazan yang lazim digunakan, didapati berbeza secara signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan. Tahap pencapaian hafazan pelajar juga berbeza secara signifikan mengikut umur dan bilangan tahun pengajian kerana kebanyakan pelajar yang lebih lama menceburi bidang hafazan ini rata-rata akan mempunyai peningkatan bilangan juzuk hafazan dari semasa ke semasa. Perbezaan Maahad/ institut juga didapati berbeza secara signifikan memandangkan kedudukan geografi Maahad/ institut yang berbeza serta sistem pendidikan dan pendekatan yang berlainan.

Sebagai kesimpulannya, pelajar-pelajar Maahad/ institut tahfiz ini bimbang dan perihatin tentang kaedah-kaedah yang digunakan untuk menghafaz serta faktor-faktor persekitaran sama ada yang membantu atau yang membantutkan proses hafazan mereka. Pelajar-pelajar ini sebenarnya adalah golongan yang unik kerana mempelajari dua bidang ilmu iaitu agama (Hafazan al-Qur'an) dan akademik dalam satu-satu masa yang sukar untuk dilakukan oleh sekolah-sekolah lain. Namun, sekiranya pelajar-pelajar ini tidak dibentuk dan dibimbing dengan baik dengan kaedah-kaedah tertentu dikhuatiri prestasi hafazan mereka akan terjejas.

## **RUJUKAN**

Ab. Fatah Hasan (1994), “**Penggunaan Minda Yang Optimum Dalam Pembelajaran**”, Skudai: UTM.

Abdul Aziz Abdul Rauf (1994), “**Kiat sukses Menjadi Hafidz Quran Da'iyyah; Syarat Dengan Penanaman Motivasi, Penjelasan Teknis dan Pemecahan Masalah**”, Jakarta: Insan Qur'ani Press.

Abdullah al-Qari bin Hj. Salleh (1995), “**Cara Baru Mengajar Tajwid Dan Menghafal al-Quran**”, Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

Abu Mazaayaa al-Hafiz (1996), “**Panduan Menghafal al-Quran**”, Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

Abu Muhammad Jamal 'Abd al-Rahman (1995), **al-Iqaz li Tadkhir al-Huffaz bi al-Ayat al-Mutasyabihah fi al-Alfaz**, Qaherah: Dar Ummu al-Qura.

Abu Najihat al-Hafiz (2001), “**Panduan Bagi Hafiz-Hafizah & Qari-Qari'ah**”, Selangor: Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd.

Ahmad al-'Ayyid & Dawud 'Abduh. Dr., **al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi**, al-Munazimah al-'Arabiyyah, t.tp, 1989.

Ahmad Mohd Salleh (1997), “**Pendidikan Islam: Falsafah, Pedagogi dan Metodologi**”, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

al-Ahwany, Ahmad Fuad (1983), “**al-Tarbiyah Fi al-Islam**”, Qaherah: Dar al-Ma'arif al-Halaby.

al-Sabuni, Mohd 'Ali (1985), “**Al-Tibyan fi 'Ulum al-Qur'an**”, Beirut: Dar al-Kutub.

al-Zarkasyi, Muhammad bin Abdillah (1981), “**al-Burhan fi Ulum al-Quran**”, Beirut: Dar al-Fikr.

Anas Ahmad KAizun, Dr., (1995), *Wasaya wa al-Tanbihat fi al-Tilawah wa al-Hifz wa al-Muraja'ah*, Qaherah: Muassasah al-Tiba'ah wa al-Sohafah wa al-Nashr.

Dale H. Schunk (1996), “**Learning Theories**”, 2<sup>nd</sup> Edition, New Jersey USA: Prentice-Hall, Inc.

Ee Ah Meng (1997), “**Psikologi Pendidikan**”, Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti.

Hj. Wan Mohamad B. Abd. Aziz (1997), “**Pengurusan Maahad Tahfiz al-Quran: Pengalaman Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**”, Jurnal Darul Quran, Bil. Ketiga.

Ismail Awang (1987), “**Pengajian dan Tafsir al-Quran**”, Kota Bahru: Dian Darul Na'im Sdn. Bhd.

Ismail Masyhuri al-Hafiz (1993), “**Fadhilat Membaca dan Menghafal al-Qu'r'an Serta Panduan Menghafalnya**”, Kuala Lumpur: Syarikat NurulHas.

Mohamad Muhsin sheikh ahmad (1994), **al-Quran dan Cara-cara Menghafaz**, Shah Alam: Malindo Printers Sdn.Bhd.

Mohd Fazri Ahmad Murad (1999), “**Metode-Metode Penghafalan al-Quran : Kajian Khusus di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Negeri Sembilan, Maahad Ahmadi, Gemenceh, Negeri Sembilan**”, Universiti Malaya: Tesis Ijazah Sarjana Muda.

Mohd Yusuf Ahmad (2002), “**Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam**”, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mok Soon Sang (2002); edisi ketiga, cet.4, “**Pedadogi Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester III**”, Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Rahil Mahyuddin, Jami’ah Mohamad, Kasnani Ab. Karim (2000), “**Psikologi Pendidikan II**”, Kuala Lumpur: Longman.

Syeikh 'Abd al-Rabb Nuwab al-Din (1991), Terjemahan oleh S. Ziyad Abbas, “**Metode Praktis Hafal Al-Quran**”, Jakarta: CV. Firdaus.

Teuku Iskandar, (1997), **Kamus Dewan**, Edisi ketujuh, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Teuku Iskandar, (2000), **Kamus Dewan**, Edisi ketujuh, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Zakiy al-Din 'Abd. 'Azim bin 'Abd al-Qawiy al-Munziri (1993) , “**al-Targhib wa al-Targhib**”, Beirut: Dar al-Fikr.

\_\_\_\_\_, Pamlet, Maahad Tahfiz Al-Quran wal Qiraat Negeri selangor.

\_\_\_\_\_, Pamlet, Maahad Tahfiz Al-Quran wal Qiraat Negeri Sembilan.

\_\_\_\_\_, Pamlet, Maahad Tahfiz Al-Quran wal Qiraat Pulai Chondong, Kelantan.

## LAMPIRAN A



## BAHAGIAN A

**PUSAT PENGAJIAN ISLAM DAN PEMBANGUNAN SOSIAL,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,  
SKUDAI, JOHOR BAHRU,  
JOHOR.**

BIL:

--	--	--	--

---

**TAJUK KAJIAN:  
KEBERKESANAN KAEDAH HAFAZAN  
DI PUSAT TAHFIZ.  
(SOAL SELIDIK PELAJAR)**

---

**السلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

Tahniah dan syabas diucapkan kerana anda terpilih untuk menjawab soal selidik ini. Anda diminta menjawab soal selidik ini dengan jujur dan ikhlas. Segala maklumat yang diberi dan diperolehi akan **dirahsiakan** sepenuhnya dan tidak akan didedahkan. Ia hanya digunakan untuk Projek Penyelidikan vot.71871, di bawah Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Bahru, Johor.

Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu:-

Bahagian I : Latar belakang responden.

Bahagian II : Tahap pencapaian pelajar dalam usaha menghafaz dan mengulang hafazan al-Quran.

Bahagian III : Kaedah-kaedah hafazan serta faktor-faktor dan masalah yang berkaitan dengan pencapaian penghafazan pelajar.

Sekian Terima Kasih.

.....  
(USTAZ ABDUL HAFIZ BIN ABDULLAH)  
KETUA PENYELIDIK

## **MAKLUMAT MENGENAI KAJIAN**

Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian. Anda diminta menjawab semua soalan dalam ketiga-tiga bahagian dengan betul dan tepat.

Kerjasama anda sangat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Ahli Kumpulan Penyelidik,  
Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial,  
Universiti Teknologi Malaysia,  
Skudai, Johor Bahru,  
Johor.

Mac. 2003

**Bahagian I**

**Arahan:** Sila berikan maklumat tentang diri anda dengan tepat dan ikhlas. Tandakan (✓) dalam petak yang berkenaan dan tuliskan jawapan di ruang kosong yang disediakan.

1. Jantina:

- A. Lelaki   
B. Perempuan

2. Umur pada 1.1.2003: \_\_\_\_\_ tahun \_\_\_\_\_ bulan.

3. Tempat asal anda:

- A. Bandaraya   
B. Bandar   
C. Luar Bandar

4. Jarak Madrasah/Maahad/Institut dari rumah anda: \_\_\_\_\_ kilometer.

5. Tempat tinggal semasa menuntut:

- A. Di Asrama   
B. Di Rumah

6. Bilangan adik beradik (termasuk diri anda): \_\_\_\_\_ orang.

7. Anda anak keberapa dalam keluarga? \_\_\_\_\_.

8. Tingkatan anda sekarang:

- |                |                          |
|----------------|--------------------------|
| A. Tingkatan 1 | <input type="checkbox"/> |
| B. Tingkatan 2 | <input type="checkbox"/> |
| C. Tingkatan 3 | <input type="checkbox"/> |
| D. Tingkatan 4 | <input type="checkbox"/> |
| E. Tingkatan 5 | <input type="checkbox"/> |
| F. Tingkatan 6 | <input type="checkbox"/> |
| G. Diploma     | <input type="checkbox"/> |

9. Nyatakan tahap peperiksaan terakhir yang anda duduki sebelum memasuki Pusat Tahfiz ini.

Peperiksaan	Pangkat	Aggregat
UPSR		
PSRA		
PMR		
PMRU		
SRA		
SPM		
SMA		
STAM		
STPM		
Lain-lain (Nyatakan): _____		

10. Orang yang bertanggungjawab sebagai penjaga anda.

- |                |                          |
|----------------|--------------------------|
| A. Ibu bapa    | <input type="checkbox"/> |
| B. Bapa sahaja | <input type="checkbox"/> |
| C. Ibu sahaja  | <input type="checkbox"/> |
| D. Orang lain  | <input type="checkbox"/> |
- (Nyatakan): \_\_\_\_\_

11. Kalau tidak dijagai oleh ibubapa, sila tandakan sebabnya.

- A. Bapa sudah meninggal dunia
- B. Ibu sudah meninggal dunia
- C. Bapa dan ibu bercerai
- D. Sebab lain

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

(Nyatakan): \_\_\_\_\_

12. Nyatakan pekerjaan ibubapa/penjaga anda.

- A. Pekerjaan bapa: \_\_\_\_\_
- B. Pekerjaan ibu: \_\_\_\_\_
- C. Pekerjaan penjaga: \_\_\_\_\_

13. Pendapatan ibubapa/penjaga anda. Tandakan ( ✓ ) dalam petak yang berkenaan.

	<b>Pendapatan</b>	<b>Bapa</b>	<b>Ibu</b>	<b>Penjaga</b>
A.	RM3,000 dan ke atas	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
B.	RM2000 – RM2999	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
C.	RM1,000- RM1,999	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
D.	RM999 dan kebawah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

14. Pendidikan tertinggi ibubapa/penjaga. Tandakan ( ✓ ) dalam petak yang berkenaan.

	<b>Pendidikan</b>	<b>Bapa</b>	<b>Ibu</b>	<b>Penjaga</b>
A.	Tidak Bersekolah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
B.	Sekolah Rendah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
C.	Sekolah Menengah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
D.	Maktab/Kolej	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
E.	Universiti	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
F.	Lain-lain	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

(Nyatakan): \_\_\_\_\_

15. Berikan sebab utama anda belajar di Madrasah/Maahad/Institut ini:

- A. Pilihan sendiri
- B. Pilihan ibu bapa
- C. Nasihat guru
- D. Mengikut kawan
- E. Lain-lain

(Nyatakan): \_\_\_\_\_

16. Bilangan tahun anda berada di Madrasah/Maahad/Institut ini:

\_\_\_\_\_ tahun.

17. Bilangan juzuk yang telah anda hafaz setakat ini: \_\_\_\_\_ juzuk.

18. Dalam sehari, berapa banyak ayat-ayat al-Quran yang berjaya anda hafaz:

- A. Beberapa ayat
- B. Setengah muka surat
- C. Satu muka surat
- D. Satu a'in
- E. Satu maqra'
- E. Lebih dari satu maqra'

(Nyatakan): \_\_\_\_\_

19. Berapa lamakah masa yang anda peruntukkan untuk menghafaz al-Quran dalam sehari:

- A. Satu jam
- B. Dua jam
- C. Tiga jam
- D. Empat jam
- E. Lima jam
- F. Enam jam
- G. Lain-lain

(Nyatakan): \_\_\_\_\_

20. Pernahkah anda menghafaz al-Quran sebelum ini:

## A. Pernah

1

B. Tidak

1

Jika pernah, nyatakan berapa juzuk: \_\_\_\_\_

21. Sebelum mengakhiri bahagian satu ini, sila berikan sebarang komen (jika ada) mengenai pembelajaran menghafaz al-Quran yang anda ikuti sekarang.

## Bahagian II

**ARAHAN :** Berikut disenaraikan beberapa pernyataan tentang **pencapaian anda** dalam usaha **menghafaz dan mengulang hafazan al-Quran**. Sila nyatakan **darjah persetujuan anda** mengikut skala yang diberikan dengan **membulatkan satu angka** paling sesuai di hujung setiap pernyataan.

Skala:	1	-	Sangat Tak Setuju (STS)
	2	-	Tidak Setuju (TS)
	3	-	Kurang Setuju (KS)
	4	-	Setuju (S)
	5	-	Sangat Setuju (SS)
	6	-	Setuju Sepenuhnya (SSP)

Contoh:

Bulatkan angka 6 kalau anda setuju sepenuhnya dengan pernyataan berikut:

Saya suka menghafaz al-Quran	1	2	3	4	5	<b>6</b>
	<u>STS</u>	<u>TS</u>	<u>KS</u>	<u>S</u>	<u>SS</u>	<u>SSP</u>
1. Suasana di Madrasah/Maahad/Institut sesuai untuk saya menghafaz al-Quran.	1	2	3	4	5	6
2. Peraturan yang ketat di Madrasah/Maahad/Institut membolehkan saya memberikan tumpuan lebih banyak menghafaz ayat al-Quran.	1	2	3	4	5	6
3. Saya yakin mampu menghafaz keseluruhan al-Quran pada masa yang telah ditetapkan.	1	2	3	4	5	6
4. Dorongan dari semua pihak menjadikan saya tabah untuk menamatkan hafazan keseluruhan al-Quran.	1	2	3	4	5	6
5. Saya mempunyai kaedah hafazan sendiri untuk menghafaz dan mengulangi hafazan setiap hari.	1	2	3	4	5	6

6.	Kegiatan kerohanian di Madrasah/ Maahad/Institut membantu menguatkan hafazan saya.	1	2	3	4	5	6
7.	Saya dapat menghafaz al-Quran lebih banyak sejak berada di Madrasah/ Maahad/Institut ini.	1	2	3	4	5	6
8.	Saya tertarik dengan kaedah hafazan yang dipraktikkan di Madrasah/Maahad/ Institut ini.	1	2	3	4	5	6
9.	Peraturan di Madrasah/Maahad/Institut mengongkong saya untuk menghafaz dan mengulang hafazan.	1	2	3	4	5	6
10.	Penjagaan pancaindera dari perkara yang haram membantu saya mengekalkan hafazan.	1	2	3	4	5	6
11.	Saya tidak memerlukan bantuan ustaz dalam menghafaz dan mengekalkan hafazan.	1	2	3	4	5	6
12.	Usaha mengekalkan hafazan adalah satu usaha yang sukar kepada saya.	1	2	3	4	5	6
13.	Keselesaan di Madrasah/Maahad/Institut menyediakan persekitaran yang baik untuk menghafaz dan mengulang hafazan.	1	2	3	4	5	6
14.	Saya tidak menghadapi masalah menyesuaikan diri dengan kaedah hafazan yang digunakan di Madrasah/ Maahad/Institut.	1	2	3	4	5	6
15.	Ketegasan ustaz di Madrasah/Maahad/ Institut mendorong saya menghafaz al-Quran.	1	2	3	4	5	6
16.	Saya sering mendapatkan bantuan rakan di Madrasah/Maahad/Institut semasa menghafaz dan mengulang hafazan.	1	2	3	4	5	6

17.	Aktiviti fizikal di Madrasah/Maahad/Institut membina minda saya untuk menghafaz dan mengulang hafazan.	1	2	3	4	5	6
18.	Kemudahan dan kelengkapan di asrama Madrasah/Maahad/Institut memberi keselesaan saya menghafaz al-Quran.	1	2	3	4	5	6
19.	Ingatan kepada keluarga menjelaskan pencapaian hafazan saya.	1	2	3	4	5	6
20.	Kakitangan Madrasah/Maahad/Institut dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang positif di Madrasah/Maahad/Institut.	1	2	3	4	5	6
21.	Aktiviti yang dijadualkan di Madrasah/Maahad/Institut menimbulkan minat saya untuk menghafaz al-Quran.	1	2	3	4	5	6
22.	Kehendak diri sendiri merupakan faktor terpenting dalam menghafaz al-Quran.	1	2	3	4	5	6
23.	Selain diri sendiri, faktor lain juga memainkan peranan untuk memudahkan saya menghafaz dan mengulangi hafazan.	1	2	3	4	5	6
24.	Saya melibatkan diri secara aktif dengan aktiviti pembelajaran di Madrasah/Maahad/Institut.	1	2	3	4	5	6
25.	Pihak Madrasah/Maahad/Institut bertanggungjawab menyusun jadual pembelajaran saya.	1	2	3	4	5	6
26.	Kakitangan Madrasah/Maahad/Institut sentiasa memberi galakan untuk saya meneruskan pembelajaran saya.	1	2	3	4	5	6
27.	Saya perlu mengambil berat terhadap adab-adab sebelum dan selepas menghafaz.	1	2	3	4	5	6

28.	Penjagaan tentang makanan dan minuman membantu saya menghafaz dan mengekalkan hafazan saya.	1	2	3	4	5	6
29.	Matapelajaran akademik di Madrasah/Maahad/Institut menjelaskan pencapaian hafazan saya.	1	2	3	4	5	6
30.	Kelebihan menjadi seorang hafiz mendorong saya lebih giat untuk menamatkan hafazan lebih awal.	1	2	3	4	5	6
31.	Kegagalan menghafaz al-Quran dalam tempoh masa yang telah ditetapkan melemahkan semangat saya untuk meneruskan penghafazan.	1	2	3	4	5	6
32.	Saya rasa tertekan dan terpaksa untuk menghafaz dan mengulang hafazan.	1	2	3	4	5	6
33.	Saya memerlukan bimbingan dari pihak lain untuk membantu saya dalam menghafaz dan mengulang hafazan.	1	2	3	4	5	6
34.	Istiqamah dan disiplin penting bagi menghafaz dan mengulangi hafazan saya setiap hari.	1	2	3	4	5	6
35.	Semasa menghafaz saya juga menggunakan masa tersebut untuk mengulang hafazan yang lalu.	1	2	3	4	5	6
36.	Menjadi seorang hafiz al-Quran merupakan matlamat saya belajar di Madrasah/Maahad/Institut ini.	1	2	3	4	5	6
37.	Kalau diberi peluang untuk belajar di Madrasah/Maahad/Institut lain yang lebih baik, saya pasti akan merebut peluang tersebut.	1	2	3	4	5	6
38.	Faktor umur menjadi kekangan kepada saya dalam usaha menghafaz al-Quran.	1	2	3	4	5	6

### Bahagian III

**ARAHAN :** Berikut disenaraikan beberapa pernyataan tentang **kaedah menghafaz, kaedah mengulang hafazan, aktiviti, masa yang digunakan, faktor yang membantu dan masalah-masalah** yang berkaitan dengan pencapaian penghafazan anda. Jika perkara tersebut ada sila nyatakan pada ruang yang disediakan, kemudian sila nyatakan **darjah persetujuan** anda mengikut skala yang diberikan dengan **bulatkan satu angka** paling sesuai di hujung setiap pernyataan.

Skala:	1	-	Sangat Tak Membantu (STM)
	2	-	Tidak Membantu (TM)
	3	-	Kurang Membantu (KM)
	4	-	Membantu (M)
	5	-	Sangat Membantu (SM)
	6	-	Membantu Sepenuhnya (MSP)

1. Senaraikan **kaedah menghafaz** yang anda gunakan di Madrasah/Maahad/Institut untuk **menghafaz al-Quran** pada ruangan kosong yang disediakan. Kemudian **bulatkan satu angka** pada skala 1 hingga 6 untuk menunjukkan sejauh mana kaedah itu membantu pencapaian anda.

Kaedah Menghafaz	STM	TM	KM	M	SM	MSP
A._____	1	2	3	4	5	6
B._____	1	2	3	4	5	6
C._____	1	2	3	4	5	6
D._____	1	2	3	4	5	6
E._____	1	2	3	4	5	6

2. Senaraikan **kaedah mengulang hafazan** yang anda gunakan untuk **mengekalkan hafazan** pada ruangan kosong yang disediakan. Kemudian **bulatkan satu angka** pada skala 1 hingga 6 untuk menunjukkan sejauh mana kaedah itu membantu pencapaian anda.

Kaedah Mengulang Hafazan	STM	TM	KM	M	SM	MSP
A._____	1	2	3	4	5	6
B._____	1	2	3	4	5	6
C._____	1	2	3	4	5	6
D._____	1	2	3	4	5	6
E._____	1	2	3	4	5	6

3. Senaraikan **aktiviti** di dalam dan luar Madrasah/Maahad/Institut yang membantu dalam **mengekalkan hafazan** anda pada ruangan kosong yang disediakan. Kemudian **bulatkan satu angka** pada skala 1 hingga 6 untuk menunjukkan sejauh mana aktiviti itu membantu pencapaian anda.

Aktiviti	STM	TM	KM	M	SM	MSP
A._____	1	2	3	4	5	6
B._____	1	2	3	4	5	6
C._____	1	2	3	4	5	6
D._____	1	2	3	4	5	6
E._____	1	2	3	4	5	6

4. Senaraikan **masa** yang digunakan untuk anda **menghafaz dan mengulang hafazan** anda pada ruangan kosong yang disediakan. Kemudian **bulatkan satu angka** pada skala 1 hingga 6 untuk menunjukkan sejauh mana masa tersebut membantu pencapaian anda.

Masa yang digunakan	STM	TM	KM	M	SM	MSP
A._____	1	2	3	4	5	6
B._____	1	2	3	4	5	6
C._____	1	2	3	4	5	6
D._____	1	2	3	4	5	6
E._____	1	2	3	4	5	6

5. Faktor yang membantu pencapaian anda.

A. \_\_\_\_\_

B. \_\_\_\_\_

C. \_\_\_\_\_

D. \_\_\_\_\_

6. Masalah yang mengganggu pencapaian anda.

A. \_\_\_\_\_

B. \_\_\_\_\_

C. \_\_\_\_\_

D. \_\_\_\_\_

7. Apakah cadangan anda untuk mempertingkatkan potensi hafazan. Nyatakan.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

Terima Kasih.

## LAMPIRAN B



## BAHAGIAN B

**PUSAT PENGAJIAN ISLAM DAN PEMBANGUNAN SOSIAL,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,  
SKUDAI, JOHOR BAHRU,  
JOHOR.**

BIL:

--	--	--	--

---

**TAJUK KAJIAN:  
KEBERKESANAN KAEDAH HAFAZAN  
DI PUSAT TAHFIZ.  
(SOAL SELIDIK TENAGA PENGAJAR)**

---

**السلام عليكم ورحمة الله وبركاته**

Tahniah dan syabas diucapkan kerana anda terpilih untuk menjawab soal selidik ini. Anda diminta menjawab soal selidik ini dengan jujur dan ikhlas. Segala maklumat yang diberi dan diperolehi akan **dirahsiakan** sepenuhnya dan tidak akan didedahkan. Ia hanya digunakan untuk Projek Penyelidikan vot.71871, di bawah Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Bahru, Johor.

Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu:-

Bahagian I : Latar belakang responden.

Bahagian II : Tahap pencapaian pelajar dalam usaha menghafaz dan mengulang hafazan al-Quran.

Bahagian III : Kaedah-kaedah hafazan serta faktor-faktor dan masalah yang berkaitan dengan pencapaian penghafazan pelajar.

Sekian Terima Kasih.

.....  
(USTAZ ABDUL HAFIZ BIN ABDULLAH)  
KETUA PENYELIDIK

## **MAKLUMAT MENGENAI KAJIAN**

Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian. Anda diminta menjawab semua soalan dalam ketiga-tiga bahagian dengan betul dan tepat.

Kerjasama anda sangat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Ahli Kumpulan Penyelidik,  
Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial,  
Universiti Teknologi Malaysia,  
Skudai, Johor Bahru,  
Johor.

Mac. 2003

### **Bahagian I**

**Arahan:** Sila berikan maklumat tentang diri anda dengan tepat dan ikhlas.  
**Tandakan ( ✓ ) dalam petak yang berkenaan dan tuliskan jawapan di ruang kosong yang disediakan.**

1. Jantina:
 

A. Lelaki	<input type="checkbox"/>
B. Perempuan	<input type="checkbox"/>
  
2. Umur pada 1.1.2003: \_\_\_\_\_ tahun \_\_\_\_\_ bulan.
  
3. Status Perkawinan.
 

A. Kahwin	<input type="checkbox"/>
B. Bujang	<input type="checkbox"/>
C. Janda/Duda	<input type="checkbox"/>
  
4. Berapa lamakah anda telah terlibat dengan pengajaran tahfiz.
 

A. 0 - 3 tahun	<input type="checkbox"/>
B. 4 - 6 tahun	<input type="checkbox"/>
C. 7 - 9 tahun	<input type="checkbox"/>
D. 10 – 12 tahun	<input type="checkbox"/>
E. Lebih daripada 13 tahun	<input type="checkbox"/>

(Nyatakan):\_\_\_\_\_
  
5. Kelayakan Iktisas (Dalam Bidang Tahfiz).
 

A. P.hd	<input type="checkbox"/>
B. Master	<input type="checkbox"/>
C. Ijazah	<input type="checkbox"/>
D. Diploma	<input type="checkbox"/>
E. Sijil	<input type="checkbox"/>
F. Lain-lain	<input type="checkbox"/>

(Nyatakan):\_\_\_\_\_

6. Jawatan yang disandang sekarang selain daripada guru tahfiz.

- A. Mudir/Pengetua
- B. Timbalan Mudir/Timbalan Pengetua
- C. Guru Asrama/ Warden
- D. Lain-lain

(Nyatakan): \_\_\_\_\_

7. Dalam sehari, berapa banyak ayat-ayat al-Quran yang berjaya pelajar anda hafaz.

- A. Beberapa ayat
- B. Setengah muka surat
- C. Satu muka surat
- D. Satu a'in
- E. Satu maqra'
- D. Lebih dari satu maqra'

(Nyatakan): \_\_\_\_\_

8. Berapa lamakah masa yang diperuntukkan untuk pelajar anda untuk menghafaz al-Quran dalam sehari.

- A. Satu jam
- B. Dua jam
- C. Tiga jam
- D. Empat jam
- E. Lima jam
- F. Enam jam
- G. Lain-lain

(Nyatakan): \_\_\_\_\_

9. Jumlah pelajar di bawah seliaan anda pada 1.1.2003.

- A. Lelaki \_\_\_\_\_ orang
- B. Perempuan \_\_\_\_\_ orang
- C. Jumlah \_\_\_\_\_ orang

10. Pada pendapat anda, berapakah umur pelajar yang sesuai untuk menghafaz al-Quran.

A. Lelaki \_\_\_\_\_ tahun

B. Perempuan \_\_\_\_\_ tahun

11. Pada pendapat anda, berapakah umur yang maksimum dan minimum untuk pelajar menghafaz al-Quran di Madrasah/Maahad/Institusi.

A. Lelaki: Maksimum: \_\_\_\_\_ tahun. Minimum: \_\_\_\_\_ tahun.

B. Perempuan: Maksimum: \_\_\_\_\_ tahun. Minimum: \_\_\_\_\_ tahun.

12. Sebelum mengakhiri bahagian satu ini, sila berikan sebarang komen (jika ada) mengenai pembelajaran menghafaz al-Quran di Madrasah/Maahad/Institut Tahfiz di mana anda mengajar.

## Bahagian II

**ARAHAN :** Berikut disenaraikan beberapa pernyataan tentang **pencapaian pelajar anda** dalam usaha **menghafaz dan mengulang hafazan al-Quran**. Sila nyatakan **darjah persetujuan** anda mengikut skala yang diberikan dengan **membulatkan satu angka** paling sesuai di hujung setiap pernyataan.

Skala:	1	-	Sangat Tak Setuju (STS)
	2	-	Tidak Setuju (TS)
	3	-	Kurang Setuju (KS)
	4	-	Setuju (S)
	5	-	Sangat Setuju (SS)
	6	-	Setuju Sepenuhnya (SSP)

Contoh:

Bulatkan angka 6 kalau anda setuju sepenuhnya dengan pernyataan berikut:

Saya seronok menghafaz al-Quran	1	2	3	4	5	<input checked="" type="radio"/> 6
	<u>STS</u>	<u>TS</u>	<u>KS</u>	<u>S</u>	<u>SS</u>	<u>SSP</u>

1. Suasana di Madrasah/Maahad/Institut sesuai untuk pelajar saya menghafaz al-Quran.  1  2  3  4  5  6
2. Peraturan yang ketat di Madrasah/ Maahad/Institut membolehkan pelajar saya memberikan tumpuan lebih banyak menghafaz ayat al-Quran.  1  2  3  4  5  6
3. Saya yakin pelajar mampu menghafaz keseluruhan al-Quran pada masa yang telah ditetapkan.  1  2  3  4  5  6
4. Dorongan dari semua pihak menjadikan pelajar saya tabah untuk menamatkan hafazan keseluruhan al-Quran.  1  2  3  4  5  6
5. Pelajar saya mempunyai kaedah hafazan sendiri untuk menghafaz dan mengulangi hafazan setiap hari.  1  2  3  4  5  6

6.	Kegiatan kerohanian di Madrasah/ Maahad/Institut membantu pelajar menguatkan hafazan mereka.	1	2	3	4	5	6
7.	Pelajar saya dapat menghafaz al-Quran lebih banyak sejak berada di Madrasah/ Maahad/Institut ini.	1	2	3	4	5	6
8.	Pelajar saya tertarik dengan kaedah hafazan yang diperlakukan di Madrasah/Maahad/ Institut ini.	1	2	3	4	5	6
9.	Peraturan di Madrasah/Maahad/Institut mengongkong pelajar saya untuk menghafaz dan mengulang hafazan.	1	2	3	4	5	6
10.	Penjagaan pancaindera dari perkara yang haram membantu pelajar saya mengekalkan hafazan.	1	2	3	4	5	6
11.	Pelajar saya tidak memerlukan bantuan ustaz dalam menghafaz dan mengekalkan hafazan.	1	2	3	4	5	6
12.	Usaha mengekalkan hafazan adalah satu usaha yang sukar kepada pelajar saya.	1	2	3	4	5	6
13.	Keselesaan di Madrasah/Maahad/Institut menyediakan persekitaran yang baik untuk pelajar menghafaz dan mengulang hafazan.	1	2	3	4	5	6
14.	Pelajar tidak menghadapi masalah menyesuaikan diri dengan kaedah hafazan yang digunakan di Madrasah/ Maahad/Institut ini.	1	2	3	4	5	6
15.	Ketegasan saya di Madrasah/Maahad/ Institut mendorong pelajar menghafaz al-Quran.	1	2	3	4	5	6
16.	Pelajar sering mendapatkan bantuan rakan di Madrasah/Maahad/Institut semasa menghafaz dan mengulang hafazan.	1	2	3	4	5	6

17.	Aktiviti fizikal di Madrasah/Maahad/Institut membina minda pelajar saya untuk menghafaz dan mengulang hafazan.	1	2	3	4	5	6
18.	Kemudahan dan kelengkapan di asrama Madrasah/Maahad/Institut memberi keselesaan pelajar saya menghafaz al-Quran.	1	2	3	4	5	6
19.	Ingatan kepada keluarga menjelaskan pencapaian hafazan pelajar saya.	1	2	3	4	5	6
20.	Saya dapat mewujudkan suasana pembelajaran positif di Madrasah/Maahad/Institut.	1	2	3	4	5	6
21.	Aktiviti yang dijadualkan di Madrasah/Maahad/Institut menimbulkan minat pelajar saya untuk menghafaz al-Quran.	1	2	3	4	5	6
22.	Saya rasa faktor kehendak diri sendiri penting kepada pelajar untuk menghafaz al-Quran.	1	2	3	4	5	6
23.	Selain diri sendiri, faktor lain juga memainkan peranan untuk memudahkan pelajar menghafaz dan mengulangi hafazan.	1	2	3	4	5	6
24.	Pelajar melibatkan diri secara aktif dengan aktiviti pembelajaran di Madrasah/Maahad/Institut.	1	2	3	4	5	6
25.	Pihak Madrasah/Maahad/Institut bertanggungjawab menyusun jadual pengulangan hafazan pelajar saya.	1	2	3	4	5	6
26.	Saya sentiasa memberi galakkan untuk pelajar saya meneruskan pembelajaran.	1	2	3	4	5	6
27.	Pelajar perlu mengambil berat terhadap adab-adab sebelum dan selepas menghafaz.	1	2	3	4	5	6

28.	Penjagaan tentang makanan dan minuman membantu pelajar saya menghafaz dan mengekalkan hafazan mereka.	1	2	3	4	5	6
29.	Matapelajaran akademik di Madrasah/Maahad/Institut menjelaskan pencapaian hafazan pelajar saya.	1	2	3	4	5	6
30.	Kelebihan menjadi seorang hafiz mendorong pelajar saya lebih giat untuk menamatkan hafazan mereka.	1	2	3	4	5	6
31.	Kegagalan menghafaz al-Quran dalam tempoh masa yang telah ditetapkan melemahkan semangat pelajar saya untuk meneruskan penghafazan.	1	2	3	4	5	6
32.	Pelajar rasa tertekan dan terpaksa untuk menghafaz dan mengulang hafazan.	1	2	3	4	5	6
33.	Pelajar memerlukan bimbingan dari pihak lain untuk membantu mereka dalam menghafaz dan mengulang hafazan.	1	2	3	4	5	6
34.	Istiqamah dan disiplin penting bagi pelajar menghafaz dan mengulangi hafazan setiap hari.	1	2	3	4	5	6
35.	Semasa menghafaz pelajar juga menggunakan masa tersebut untuk mengulang hafazan yang lalu.	1	2	3	4	5	6
36.	Menjadi seorang hafiz al-Quran merupakan matlamat pelajar saya belajar di Madrasah/Maahad/Institut ini.	1	2	3	4	5	6
37.	Kalau diberi peluang untuk belajar di Madrasah/Maahad/Institut lain yang lebih baik, pelajar saya pasti akan merebut peluang tersebut.	1	2	3	4	5	6
38.	Faktor umur menjadi kekangan kepada pelajar dalam usaha menghafaz al-Quran.	1	2	3	4	5	6

### Bahagian III

**ARAHAN :** Berikut disenaraikan beberapa pernyataan tentang **kaedah menghafaz, kaedah mengulang hafazan, aktiviti, masa yang digunakan, faktor yang membantu dan masalah-masalah** yang berkaitan dengan pencapaian penghafazan pelajar anda. Jika perkara tersebut ada, sila nyatakan pada ruang yang disediakan, kemudian sila nyatakan **darjah persetujuan** anda mengikut skala yang diberikan dengan **bulatkan satu angka** paling sesuai di hujung setiap pernyataan.

Skala:	1	-	Sangat Tak Membantu (STM)
	2	-	Tidak Membantu (TM)
	3	-	Kurang Membantu (KM)
	4	-	Membantu (M)
	5	-	Sangat Membantu (SM)
	6	-	Membantu Sepenuhnya (MSP)

1. Senaraikan **kaedah menghafaz** yang pelajar anda gunakan di Madrasah/Maahad/Institut untuk **menghafal al-Quran** pada ruangan kosong yang disediakan. Kemudian **bulatkan satu angka** pada skala 1 hingga 6 untuk menunjukkan sejauh mana kaedah itu membantu pencapaian pelajar anda.

Kaedah Menghafaz	STM	TM	KM	M	SM	MSP
A._____	1	2	3	4	5	6
B._____	1	2	3	4	5	6
C._____	1	2	3	4	5	6
D._____	1	2	3	4	5	6
E._____	1	2	3	4	5	6

2. Senaraikan **kaedah mengulang hafazan** yang pelajar anda gunakan untuk **mengekalkan hafazan** pada ruangan kosong yang disediakan. Kemudian **bulatkan satu angka** pada skala 1 hingga 6 untuk menunjukkan sejauh mana kaedah itu membantu pencapaian pelajar anda.

Kaedah Mengulang Hafazan	STM	TM	KM	M	SM	MSP
A._____	1	2	3	4	5	6
B._____	1	2	3	4	5	6
C._____	1	2	3	4	5	6
D._____	1	2	3	4	5	6
E._____	1	2	3	4	5	6

3. Senaraikan **aktiviti** di dalam dan luar Madrasah/Maahad/Institut yang membantu dalam **mengekalkan hafazan** pelajar anda pada ruangan kosong yang disediakan. Kemudian **bulatkan satu angka** pada skala 1 hingga 6 untuk menunjukkan sejauh mana aktiviti itu membantu pencapaian pelajar anda.

Aktiviti	STM	TM	KM	M	SM	MSP
A._____	1	2	3	4	5	6
B._____	1	2	3	4	5	6
C._____	1	2	3	4	5	6
D._____	1	2	3	4	5	6
E._____	1	2	3	4	5	6

4. Senaraikan **masa** yang sesuai digunakan untuk pelajar anda **menghafaz dan mengulang hafazan** pada ruangan kosong yang disediakan. Kemudian **bulatkan satu angka** pada skala 1 hingga 6 untuk menunjukkan sejauh mana masa tersebut membantu pencapaian pelajar anda.

Masa yang digunakan	STM	TM	KM	M	SM	MSP
A._____	1	2	3	4	5	6
B._____	1	2	3	4	5	6
C._____	1	2	3	4	5	6
D._____	1	2	3	4	5	6
E._____	1	2	3	4	5	6

5. Faktor yang membantu pencapaian pelajar anda.

- A. \_\_\_\_\_
- B. \_\_\_\_\_
- C. \_\_\_\_\_
- D. \_\_\_\_\_

6. Masalah yang mengganggu pencapaian pelajar anda.

- A. \_\_\_\_\_
- B. \_\_\_\_\_
- C. \_\_\_\_\_
- D. \_\_\_\_\_

7. Apakah cadangan anda untuk mempertingkatkan potensi hafazan pelajar anda.  
Nyatakan.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

Terima Kasih.